



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

NEGERI SARAWAK SIRI 1



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

NEGERI SARAWAK SIRI 1



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	BAHAGIAN I
	AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN
	PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
3	SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI DIPERBADANKAN
	Pengurusan Projek Hidroelektrik Murum
38	JABATAN KERJA RAYA SARAWAK
	LEMBAGA PEMBANGUNAN DAN LINDUNGAN TANAH
	Pengurusan Penyenggaraan Dan Pelupusan Kuarters Kerajaan Negeri Sarawak
53	JABATAN KERJA RAYA SARAWAK
	Projek Menaik Taraf Dan Menambah Baik Jalan Teng Bukap/Kampung Sira/Kampung Nyabet/Kampung Taiee, Bahagian Kuching
67	LEMBAGA SUNGAI-SUNGAI SARAWAK
	Pengurusan Perolehan
75	MAJLIS DAERAH LIMBANG
	MAJLIS DAERAH MATU DAN DARO
	Pengurusan Perolehan
84	PUSAT KEPELBAGAIAN BIOLOGI SARAWAK
	Pengurusan Program Kepelbagaian Biologi
98	SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI DIPERBADANKAN
	PPLS Power Generation Sdn. Bhd.
	BAHAGIAN II
	PENGURUSAN KEWANGAN
	KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
121	Pendahuluan
121	Penambahbaikan Pengurusan Kewangan Oleh Jabatan/Agenzi Negeri
121	Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti
123	Objektif Pengauditan

123	Skop Dan Metodologi Pengauditan
124	Kawalan Utama
136	Penemuan Audit
147	Pemeriksaan Audit Mengejut
156	Syor Audit
161	PENUTUP



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
2. Laporan ini mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian I - Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri manakala Bahagian II - Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi. Bahagian I melaporkan pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 1 Jabatan, 2 Badan Berkanun Negeri, 4 Agensi dan 1 Syarikat Kerajaan Negeri. Bahagian II pula melaporkan pengauditan pengurusan kewangan yang dijalankan di 27 Jabatan/Agensi Negeri dan Pemeriksaan Audit Mengejut di 53 Kementerian/ Jabatan/Pejabat/Agensi.
3. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 24 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat berkenaan.
4. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Pengurusan Aktiviti/Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2015 Siri 1 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepetimana dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agenzi dan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditran dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
18 Mac 2016



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI DIPERBADANKAN - Pengurusan Projek Hidroelektrik Murum

1.1. Projek Hidroelektrik Murum (MHEP) dibina mulai bulan Oktober 2008 mampu menjana sebanyak 944 Mega Watt (MW) tenaga elektrik bagi memenuhi permintaan bekalan elektrik di Sarawak terutamanya keperluan tenaga elektrik untuk kawasan perindustrian *Sarawak Corridor of Renewable Energy* (SCORE) khasnya kawasan *Samalaju Industrial Park* di Bahagian Bintulu dan juga untuk dieksport ke negara jiran seperti Negara Brunei, Indonesia dan Kawasan Pertumbuhan Asean Timur. Projek Hidroelektrik Murum adalah projek hidroelektrik ke-3 yang dibangunkan selepas Hidroelektrik Batang Ai di daerah Lubok Antu dan Hidroelektrik Bakun di daerah Belaga. Pelaksana MHEP adalah Sarawak Energy Berhad (SEB) iaitu syarikat milik penuh Setiausaha Kewangan Negeri Diperbadankan (SFS Inc.). Projek Hidroelektrik Murum mempunyai takungan air seluas 245 kilometer persegi (km^2) dan kawasan tadahan air seluas 2,750 km^2 . Lokasi tapak MHEP adalah terletak di Sungai Murum di ulu Batang Rajang, daerah Belaga iaitu sejauh kira-kira 200 kilometer dari bandar Bintulu dan 70 kilometer di hulu Empangan Hidroelektrik Bakun.

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Ogos 2015 mendapati pengurusan MHEP adalah memuaskan. Bagaimanapun terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian dan diambil tindakan seperti berikut:

- Pertambahan kos sejumlah RM530 juta menyebabkan harga kontrak meningkat kepada RM2.98 bilion.
- Proses perolehan kerja bagi Program Penempatan Semula Murum tidak mematuhi mod implementasi seperti yang ditetapkan.
- Bayaran *ex-gratia* tidak mengikut kadar yang diluluskan oleh Kabinet.
- Pelaksanaan program pembangunan pertanian tidak memuaskan.
- Kerja survei dan pengeluaran hakmilik tanah kepada komuniti terjejas belum selesai.

1.3. Bagi memastikan projek Hidroelektrik Murum dapat memberi manfaat sepenuhnya kepada rakyat, Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak Diperbadankan, Sarawak Energy Berhad, Jabatan Pertanian dan Jabatan Tanah Dan Survei adalah disyorkan untuk mengambil tindakan seperti berikut:

1.3.1. Sarawak Energy Berhad sebagai pelaksana projek perlu mematuhi proses perolehan dan kadar bayaran yang ditetapkan sepenuhnya. Sebarang perubahan skop atau kadar bayaran hendaklah mendapat kelulusan Kerajaan Negeri terlebih dahulu.

1.3.2. Jabatan Pertanian Sarawak perlu memastikan kerja penyenggaraan *home garden* dijalankan secara berterusan dan melibatkan penduduk setempat secara langsung dan pembangunan kebun 2.5 ha serta kebun komersial 11 ha juga perlu dipercepatkan supaya dapat membantu meningkatkan ekonomi kepada penduduk setempat.

1.3.3. Jabatan Tanah Dan Survei perlu mempercepatkan kerja survei dan pengeluaran hakmilik tanah kepada komuniti yang terjejas bagi mengelakkan masalah pelaksanaan program pertanian.

2. JABATAN KERJA RAYA

LEMBAGA PEMBANGUNAN DAN LINDUNGAN TANAH

- **Pengurusan Penyenggaraan Dan Pelupusan
Kuarters Kerajaan Negeri Sarawak**

2.1. Setakat tahun 2015, Kerajaan Negeri mempunyai 4,888 unit kuarters di bawah pentadbiran Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR) yang terdiri daripada berek, rumah pangsa, kuarters kelas A/B, G, H, C atau I, D atau II, E atau III, F atau IV dan rumah rehat yang telah didaftarkan secara manual dan ke dalam sistem *Building Quarters Management System* (BQMS). Daripada 4,888 unit kuarters tersebut, sebanyak 3,763 unit telah didiami manakala 1,125 unit masih kosong yang terdiri daripada 846 unit yang masih boleh didiami dan 279 unit yang rosak dan usang. Selain itu, sebanyak 503 unit kuarters iaitu 238 unit di Bahagian Betong dan 265 unit di Bahagian Mukah yang terdiri daripada rumah teres, rumah berkembar dan rumah pangsa berada di bawah pentadbiran Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah (PELITA). Penyenggaraan yang dijalankan oleh JKR meliputi penyenggaraan baik pulih kecil dan penyenggaraan baik pulih dan penambahbaikan. Manakala kerja penyenggaraan untuk 503 unit kuarters di Bahagian Betong dan Mukah di bawah tanggungjawab PELITA meliputi penyenggaraan pemulihan dan pencegahan. Objektif penyenggaraan adalah untuk memelihara kuarters agar ia dapat didiami dengan selamat. Bagi tempoh 2013 hingga 2015 sejumlah RM55.98 juta telah diperuntukkan kepada JKR untuk menyenggara kuarters di seluruh Sarawak dan daripada jumlah tersebut sejumlah RM40.82 juta telah dibelanjakan. Selain itu, Kerajaan Negeri telah memberi geran operasi berjumlah RM30 juta kepada PELITA untuk penyenggaraan kuarters bagi tempoh 15 tahun mulai tahun 2012 hingga tahun 2027.

2.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga November 2015 mendapati pada keseluruhannya Pengurusan Penyenggaraan Dan Pelupusan Kuarters Kerajaan Negeri bagi tempoh 2013 hingga 2015 adalah memuaskan dari segi pencapaian penyenggaraan kuarters. Bagaimanapun masih terdapat beberapa kelemahan dalam aspek berikut :

- Kuarters mengalami kerosakan.
- Kualiti kerja penyenggaraan tidak memuaskan.
- Pangkalan data dalam BQMS tidak dikemas kini.
- Pelupusan kuarters tidak memuaskan.

2.3. Bagi menjaga keselamatan dan keselesaan penghuni kuarters pihak JKR dan PELITA hendaklah mengambil tindakan seperti berikut :

2.3.1. Menjalankan kajian dan pemeriksaan yang komprehensif serta menilai terhadap tahap kerosakan rumah pangsa dan bangunan kuarters yang terlibat sama ada ianya boleh dan ekonomi untuk dibaiki atau diambil tindakan untuk dilupuskan bagi memastikan kuarters tersebut selamat diduduki.

2.3.2. Menyediakan rancangan yang lebih realistik terhadap perancangan penyenggaraan kuarters berdasarkan peruntukan yang diterima serta memantau kerja penyenggaraan yang dilaksanakan oleh kontraktor dengan lebih kerap dan rapi supaya kerja yang dilakukan memenuhi syarat kontrak.

2.3.3. Mengemas kini rekod pelupusan dengan lebih teratur agar senang dipantau dan mengambil tindakan untuk melupuskan kuarters yang sudah usang atau menyediakan perancangan pelupusan yang komprehensif seperti pembinaan semula kuarters secara berperingkat di tapak kuarters yang dirobohkan.

3. JABATAN KERJA RAYA

- **Projek Menaik Taraf Dan Menambah Baik Jalan Teng Bukap/Kampung Sira/Kampung Nyabet/Kampung Taiee, Bahagian Kuching**

3.1. Pelaksanaan projek Menaik Taraf Dan Menambah Baik Jalan Teng Bukap/Kampung Sira/Kampung Nyabet dan Kampung Taiee, Bahagian Kuching telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada bulan Februari 2010 melalui Program Infrastruktur Tanah di bawah program *State Feeder Road*. Jalan ini di bahagi kepada 3 seksyen. Seksyen 1 bermula di Teng Bukap ke Kampung Nyabet sepanjang 9.6 kilometer(km). Seksyen 2 adalah menaik taraf jalan yang sedia ada di Kampung Nyabet sepanjang 0.8 km. Seksyen 3 bermula di Kampung Nyabet dan berakhir di Kampung Taiee sepanjang 3.1 km. Skop kerja termasuk membina jalan mengikut piawaian jalan Jabatan Kerja Raya (JKR) R3 sepanjang 13.5 km dengan 2 lorong, jalan pratuang/premix selebar 6 meter serta bahu tanah jalan di kedua-dua belah selebar 2.25m dan 3 jambatan konkrit bertetulang sepanjang 49 meter di Sungai Sira, Sungai Tusak dan Sungai Resong.

3.2. Projek ini bertujuan untuk menaik taraf jalan kampung berbatu kerikil, tanah atau berturap dengan tar sedia ada kepada jalan geometri piawaian Pertubuhan Kejuruteraan Jalan Malaysia (REAM) R3 untuk mempercepatkan aliran pengguna serta komoditi di

kawasan tersebut, menyediakan perjalanan yang lebih selamat serta selesa, meningkatkan status sosio ekonomi penduduk setempat, mempercepatkan hubungan komunikasi antara kawasan bandar dan luar bandar yang akan mendorong pertumbuhan ekonomi di kawasan tersebut terutama dalam pembangunan pertanian. Ini selaras dengan polisi Kerajaan Negeri untuk menggalak pembangunan infrastruktur asas tempatan dan mengurangkan jurang taraf kehidupan antara penduduk bandar dengan penduduk luar bandar.

3.3. Kontrak menaik taraf dan menambah baik jalan ini telah ditawarkan kepada M/S Team Engineering And Management Services (TEAM) secara rundingan terus pada harga kontrak sejumlah RM50.20 juta. Jabatan Kerja Raya adalah agensi pelaksana bagi projek ini. Pada Rancangan Malaysia Ke-7 (RMKe-7) hingga Rancangan Malaysia Ke-10, jumlah peruntukan yang diluluskan adalah sejumlah RM73.43 juta.

3.4. Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2015 mendapati perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek Menaik Taraf Dan Menambah Baik Jalan Teng Bukap/Kampung Sira/Kampung Nyabet/Kampung Taiee, Bahagian Kuching oleh Kementerian dan JKR adalah memuaskan kecuali beberapa kelemahan seperti berikut:

- Reka bentuk projek jalan telah siap pada tahun 2005 tetapi pelaksanaan hanya dimulakan selepas 5 tahun menyebabkan kos meningkat sejumlah RM38.02 juta.
- Proses rundingan harga kontrak mengambil masa 27 bulan untuk dimuktamadkan.
- Perubahan Kerja sejumlah RM2.67 juta telah diluluskan dan pembinaan jajaran baru di Seksyen 2 dari CH.9+375m hingga CH.10+500m telah disiapkan oleh kontraktor tetapi Perjanjian Tambahan tidak dimuktamad dan ditandatangani.
- Kualiti kerja tidak memuaskan dari aspek keselamatan pengguna jalan, pematuhan piawaian serta spesifikasi kontrak dan pemasangan perabot jalan.

3.5. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam perancangan projek yang lain, adalah disyorkan:

3.5.1. Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan Sarawak hendaklah memastikan pelaksanaan projek disegerakan setelah reka bentuk siap dan rundingan harga dimuktamadkan secepat mungkin bagi mengelak peningkatan kos dan masa.

3.5.2. Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan Sarawak hendaklah mendapat anggaran kos projek terlebih dahulu daripada JKR sebagai asas rundingan dengan pihak kontraktor. Bagi perubahan kerja yang melibatkan kos tambahan melebihi RM1 juta, Kementerian hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Setiausaha Kewangan Negeri sebelum sebarang keputusan yang melibatkan implikasi kewangan dibuat.

3.5.3. Jabatan Kerja Raya Sarawak hendaklah mempertingkatkan pemantauan terhadap penyeliaan dan pengawasan projek oleh perunding supaya spesifikasi, kualiti kerja dan kualiti bahan yang digunakan adalah mematuhi piawaian yang telah ditetapkan selain memastikan kontraktor mengambil tindakan segera untuk membaiki semua kecacatan berbangkit sebelum tamat tempoh tanggungan kecacatan.

4. LEMBAGA SUNGAI-SUNGAI SARAWAK

- Pengurusan Perolehan

4.1. Lembaga Sungai-Sungai Sarawak (LSS) telah ditubuhkan pada 1 Oktober 1993 di bawah Seksyen 3, Ordinan Sungai Sarawak 1993. Lembaga Sungai-Sungai Sarawak adalah sebuah Badan Berkanun Negeri di bawah pengawasan Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Komunikasi (MIDCOM). Fungsi LSS adalah merancang serta melaksana pembangunan dan penambahbaikan sistem pengangkutan sungai keseluruhannya dan foreshores di Sarawak. Perolehan LSS adalah tertakluk kepada Ordinan Sungai Sarawak 1993, Ordinan Badan-Badan Berkanun (Prosedur Kewangan dan Perakaunan) 1995, Manual Prosedur Kualiti MS ISO 9001:2008, peraturan kewangan Persekutuan, peraturan kewangan Negeri dan pekeliling berkaitan yang sedang berkuat kuasa. Prosedur kewangan LSS menetapkan perolehan melebihi RM50,000 dibuat melalui kaedah tender dan perolehan bernilai di bawah RM10,000 dibuat melalui kaedah pembelian terus. Bagi kaedah sebut harga, had nilai perolehan yang ditetapkan untuk Ibu Pejabat adalah RM10,000 hingga RM50,000 setahun manakala Pejabat Wilayah adalah RM1,000 hingga RM10,000 setahun bagi item yang sama. Selain itu, LSS telah menukuhkan Jawatankuasa Pembuka Tender/Sebut Harga, Jawatankuasa Penilaian Tender/Sebut Harga dan Jawatankuasa Tender/Sebut Harga. Bagi tahun 2012 hingga 2015, LSS telah membuat 8,868 perolehan bernilai RM22.38 juta dengan menggunakan kaedah tender, sebut harga, pembelian terus dan rundingan terus.

4.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2015 mendapati pada keseluruhannya, pengurusan perolehan LSS adalah memuaskan dari aspek pelaksanaan kerja serta perkhidmatan, bekalan telah diterima dan digunakan, pematuhan terhadap prosedur pelantikan jawatankuasa perolehan serta tawaran kerja dan tindakan susulan telah diambil selepas teguran Audit. Bagaimanapun, terdapat kelemahan seperti berikut yang perlu ditambah baik:

- Prosedur kehilangan/kerosakan aset tidak dipatuhi.
- Pengurusan kontrak sewaan bangunan terminal penumpang kurang memuaskan.

4.3. Bagi memastikan pengurusan perolehan Lembaga Sungai-Sungai Sarawak dibuat dengan cekap serta berkesan dan kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini tidak berulang adalah disyorkan supaya langkah seperti berikut diambil:

4.3.1. Mematuhi sepenuhnya prosedur yang ditetapkan bagi aset hilang/rosak dan tindakan yang bersesuaian hendaklah diambil ke atas pegawai yang terlibat.

4.3.2. Memastikan syarat kontrak dipatuhi bagi menjaga kepentingan Kerajaan.

5. MAJLIS DAERAH LIMBANG DAN MAJLIS DAERAH MATU DAN DARO
- Pengurusan Perolehan

5.1. Perolehan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah termasuk pelaksanaan projek pembangunan, perolehan kerja, aset dan bekalan untuk tujuan operasi harian PBT. Pembiayaan perbelanjaan perolehan PBT adalah dari peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan peruntukan PBT sendiri. Perolehan dibuat secara pembelian terus, sebut harga, tender dan rundingan terus. Tatacara perolehan PBT adalah tertakluk kepada *The Local Authorities Ordinance, 1996 (Ordinan)*, *The Local Authorities Financial Regulations, 1997 (LAFR 1997)*, Manual Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008, peraturan kewangan Negeri, peraturan kewangan Persekutuan bagi peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan pekeliling berkaitan yang sedang berkuat kuasa. Sumber pendapatan Majlis Daerah Limbang (MDL) dan Majlis Daerah Matu Dan Daro (MDMD) adalah dari geran Kerajaan Persekutuan serta Kerajaan Negeri, cukai taksiran, yuran, faedah dari pelaburan, hasil pelbagai dan lesen. Manakala perbelanjaan adalah bagi perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan untuk tujuan operasi dan melaksanakan projek pembangunan di kawasan MDL dan MDMD. Pendapatan serta perbelanjaan MDL dan MDMD bagi tahun 2012 hingga 2014 masing-masingnya adalah sejumlah RM38.60 juta dan RM37.94 juta.

5.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga Oktober 2015 mendapati pengurusan perolehan MDL dan MDMD adalah baik dari aspek pematuhan terhadap prosedur perolehan, tawaran kerja dan jawatankuasa yang dilantik, prestasi penggunaan peruntukan, perbelanjaan perolehan mengikut maksud serta bekalan telah diterima dan disimpan dengan baik. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang perlu dibuat penambahbaikan oleh MDL dan MDMD seperti berikut:

- Dua projek bernilai RM2.75 juta daripada 43 sampel audit bernilai RM8.48 juta didapati tidak menepati spesifikasi dan mengalami kerosakan.
- Sijil Perakuan Siap Kerja yang dikeluarkan oleh MDMD bagi 13 projek bernilai RM2.59 juta tidak mengikut tempoh yang ditetapkan dalam garis panduan.

5.3. Bagi memastikan pengurusan perolehan Majlis Daerah Limbang dan Majlis Daerah Matu Dan Daro dibuat dengan cekap serta berkesan dan kelemahan yang dibangkitkan di dalam laporan tidak berulang adalah disyorkan supaya MDL dan MDMD memberi fokus kepada aspek pematuhan kepada spesifikasi kerja serta garis panduan pelaksanaan projek yang ditetapkan dan projek yang telah siap disenggara supaya tiada pembaziran wang awam berlaku.

6. PUSAT KEPELBAGAIAN BIOLOGI SARAWAK

- Pengurusan Program Kepelbagaian Biologi

6.1. Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak (SBC) yang ditubuhkan pada 1998 adalah bertujuan menjalankan kerja inventori dan pengawalan kepada kekayaan kepelbagaian biologi. Pindaan Ordinan Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak 2003 telah mengamanahkan SBC untuk melaksanakan penyelidikan dan pembangunan ke atas biodiversiti; mendokumentasikan pengetahuan tradisional ke atas penggunaan dan pengurusan biodiversiti oleh komuniti pribumi; penanaman semula tumbuhan untuk pemuliharaan dan penghargaan. Selain itu, SBC juga dikehendaki mewujudkan pangkalan data berkaitan biodiversiti; menganjur program kesedaran dan penghargaan terhadap biodiversiti-bioteknologi; mengawal penyelidikan berkaitan biodiversiti yang berpotensi ke arah komersial; dan bekerjasama dengan organisasi yang mempunyai kepentingan dan minat yang sama berkaitan biodiversiti.

6.2. Objektif Pelaksanaan Program Kepelbagaian Biologi adalah untuk menggalakkan dokumentasi pengetahuan tradisional komuniti pribumi yang berkaitan dengan penggunaan sumber biologi serta memelihara pengetahuan tersebut dan membangunkan biodiversiti negeri Sarawak melalui penyelidikan dan berkongsi manfaat tersebut dengan rakyat negeri Sarawak. Setakat Disember 2015, Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak telah melantik seramai 48 orang pegawai penyelidik untuk merealisasikan objektif tersebut.

6.3. Had Peruntukan bagi Program Kepelbagaian Biologi yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) adalah berjumlah RM20 juta. Setakat 31 Disember 2015, geran pembangunan diterima daripada Kerajaan Negeri Sarawak berjumlah RM20 juta dan rizab disalurkan oleh SBC berjumlah RM4.21 juta. Sejumlah RM23.86 juta telah dibelanjakan dalam tempoh yang sama. Manakala geran pembangunan yang diterima sejak tahun 2001 sehingga 2015 adalah berjumlah RM33.54 juta dan sejumlah RM31.19 juta telah dibelanjakan.

6.4. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos 2015 mendapati pengurusan dan pencapaian Program Kepelbagaian Biologi adalah memuaskan. Bagaimanapun terdapat penemuan yang masih boleh dipertingkatkan seperti berikut:

- *Standard Operating Procedure* bagi Program Dokumentasi dan Pemeliharaan Pengetahuan Tradisional tidak lengkap.
- Bilangan ekstrak yang didaftarkan di dalam *Natural Product Library* bagi tempoh RMKe-10 adalah rendah berbanding tempoh RMKe-9.
- Pengkomersilan produk *LitSara* masih belum tercapai.

6.5. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini, adalah disyorkan Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak mengambil tindakan seperti berikut:

6.5.1. Memastikan *Standard Operating Procedure* ditambahbaik agar pengurusan Program Dokumentasi dan Pemeliharaan Pengetahuan Tradisional dapat dipertingkatkan.

6.5.2. Menggiatkan pengumpulan dan penyelidikan terhadap pelbagai ekstrak dan tidak tertumpu kepada sejenis ekstrak sahaja agar penemuan bahan aktif yang berfaedah selain daripada *Silvestrol* dapat dipelbagaikan.

6.5.3. Meningkatkan usaha dalam mendapatkan pihak yang berminat untuk mengkomersilkan produk *LitSara*.

7. SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI DIPERBADANKAN

- **PPLS Power Generation Sdn. Bhd. (PPLS)**

7.1. PPLS Power Sdn. Bhd. telah diperbadankan pada 5 September 2002 dan telah ditukarkan namanya kepada PPLS Power Generation Sdn. Bhd. (PPLS) pada 3 Oktober 2002. PPLS Power Generation Sdn. Bhd. dimiliki sepenuhnya oleh syarikat SESCO Berhad (SESCO) yang mana SESCO adalah milik penuh Syarikat Sarawak Energy Berhad (SEB). Kerajaan Negeri Sarawak memegang sebanyak 61.3% saham manakala syarikat Delegateam Sdn. Bhd. memegang sebanyak 38.7% dalam syarikat SEB. Modal dibenar adalah berjumlah RM230 juta dan modal berbayar adalah RM140 juta.

7.2. Objektif penubuhan PPLS adalah untuk melaksanakan Fasa II *Extension Project (2 x 55 MW Coal-Fired Station)* di Sejingkat bermula pada tahun 2004 dengan tujuan menjana dan menjual tenaga elektrik kepada Syarikat SESCO Berhad (SESCO). Loji penjanaan tenaga PPLS terletak di kawasan seluas 130 hektar dan juga menempatkan syarikat Sejingkat Power Corporation Sdn. Bhd. (SPC) yang mana SEB memegang 50.8% dan SESCO memegang 49.2% dalam syarikat SPC.

7.3. PPLS Power Generation Sdn. Bhd. mempunyai 3 ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Sarawak Energy Berhad (SEB) iaitu YBhg. Datuk Torstein Dale Sjotveit, Encik Ung Sing Kwong dan Encik Lu Yew Hung. Operasi harian PPLS diurus sepenuhnya oleh SPC dengan caj operasi dan pengurusan sejumlah RM600,000 sebulan dan RM825,829 sebulan mulai tahun 2014. Caj ini termasuk penggunaan peralatan dan kemudahan yang disediakan untuk kegunaan sama kedua-dua syarikat iaitu PPLS dan SPC seperti loji rawatan air kumbahan, waf untuk pemunggahan arang batu, kolam abu, *stockyard* arang batu dan gudang peralatan alat ganti.

7.4. Pada tahun 2014, hasil utama iaitu jualan tenaga elektrik berjumlah RM148.62 juta manakala kutipan hasil pelbagai adalah RM1.03 juta. Pada tempoh yang sama, syarikat telah berbelanja sejumlah RM119.22 juta iaitu RM115.02 juta merupakan perbelanjaan langsung dan RM4.20 juta perbelanjaan pengurusan pentadbiran serta kos kewangan.

7.5. Sejak mula beroperasi, PPLS telah menerima pelbagai anugerah dan pensijilan seperti *Power Producer Excellence Award – Coal Power Plant* daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air Malaysia (KeTTHA) pada tahun 2013, *The Sarawak Chief Minister Environmental Award (Large Industries-services)* memperolehi *Gold* (2012) dan *Platinum Award* (2014). Syarikat juga menerima pensijilan ISO 9001 *Quality Management System*, ISO 14001 *Environmental Management System*, ISO 27001 *Information Security Management System* dan OHSAS 18001 *Occupational Safety & Health Management System*.

7.6. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Julai 2015 hingga Ogos 2015 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti PPLS adalah baik manakala pengurusan tadbir urus adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang boleh ditambah baik seperti berikut:

- Perjanjian Perkhidmatan Operasi Dan Penyenggaraan Kilang Fasa II antara PPLS dan SPC tidak disediakan semenjak PPLS mula beroperasi pada tahun 2005 manakala perjanjian Bekalan Arang Batu antara PPLS dan Sarawak Coal Resources Sdn. Bhd yang tamat tempoh pada 30 April 2014 belum diperbaharui.
- Mesyuarat Lembaga Pengarah tidak diadakan bagi tahun 2012 hingga 2014.

7.7. Sebagai langkah memastikan syarikat beroperasi secara berterusan dan mencapai objektif penubuhannya, adalah disyorkan PPLS Power Generation Sdn. Bhd. mengambil tindakan seperti berikut:

7.7.1. Pemeteraihan Perjanjian Perkhidmatan Operasi Dan Penyenggaraan Kilang Fasa II antara PPLS dan SPC serta memperbaharui dan memuktamadkan Perjanjian Bekalan Arang Batu antara PPLS dan Sarawak Coal Resources Sdn. Bhd. dengan segera supaya kepentingan kedua pihak terpelihara.

7.7.2. Mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah di peringkat PPLS atau mesyuarat berkanun sekurang-kurang setahun sekali seperti kehendak Akta Syarikat 1965.

BAHAGIAN II - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI

8. Pencapaian Pengurusan Kewangan di Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Sarawak pada tahun 2015 secara amnya adalah baik. Hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan pada tahun 2015 adalah didapati pencapaian Pengurusan Kewangan di 12 Jabatan/Agensi Negeri adalah pada tahap cemerlang, 11 Jabatan/Agensi Negeri adalah pada tahap baik dan 4 Jabatan/Agensi Negeri adalah pada tahap memuaskan. Jabatan dan Agensi Negeri boleh mempertingkatkan pengurusan kewangan ke tahap yang lebih baik jika langkah-langkah penambahbaikan dijalankan oleh Jabatan/Agensi Negeri seperti mengadakan program latihan/kursus yang berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan agar mereka dapat meningkatkan pengetahuan dan kompetensi dalam melaksanakan tugas.



BAHAGIAN I

AKTIVITI

KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

DAN PENGURUSAN SYARIKAT

KERAJAAN NEGERI


SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI DIPERBADANKAN

1. PENGURUSAN PROJEK HIDROELEKTRIK MURUM

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Projek Hidroelektrik Murum (MHEP) dibina mulai bulan Oktober 2008 mampu menjana sebanyak 944 Mega Watt (MW) tenaga elektrik bagi memenuhi permintaan bekalan elektrik di Sarawak terutamanya keperluan tenaga elektrik untuk kawasan perindustrian Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE) khasnya kawasan *Samalaju Industrial Park* di Bahagian Bintulu dan juga untuk dieksport ke negara jiran seperti Negara Brunei, Indonesia dan Kawasan Pertumbuhan Asean Timur. Projek Hidroelektrik Murum adalah projek hidroelektrik ke-3 yang dibangunkan selepas Hidroelektrik Batang Ai di daerah Lubok Antu dan Hidroelektrik Bakun di daerah Belaga. Pelaksana MHEP adalah Sarawak Energy Berhad (SEB) iaitu syarikat milik penuh Setiausaha Kewangan Negeri Diperbadankan (SFS Inc.). Projek Hidroelektrik Murum mempunyai takungan air seluas 245 kilometer persegi (km^2) dan kawasan tadahan air seluas 2,750 km^2 . Lokasi tapak MHEP adalah terletak di Sungai Murum di ulu Batang Rajang, daerah Belaga iaitu sejauh kira-kira 200 kilometer dari bandar Bintulu dan 70 kilometer di hulu Empangan Hidroelektrik Bakun seperti di **Peta 1.1**.

Peta 1.1
Lokasi Tapak Projek MHEP Di Daerah Belaga, Kapit



Sumber: Sarawak Energy Berhad

1.1.2. Berdasarkan kajian *Electricity Master Plan* yang dijalankan oleh SAMA Consortium untuk Kerajaan Negeri Sarawak pada awal tahun 1981, MHEP dikenal pasti berpotensi untuk pembangunan sumber tenaga elektrik. Kajian kemungkinan bagi pembinaan MHEP telah dijalankan pada tahun 1994 dan telah disemak semula secara komprehensif pada tahun

2008. Antara penemuan semak semula adalah MHEP lebih sesuai dilaksanakan secara *roller-compacted concrete* (RCC) kerana ianya lebih selamat dibangunkan dan bahan mentah yang diperlukan boleh didapati di pasaran tempatan serta menjimatkan kos pembinaan.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menilai sama ada MHEP telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan untuk mencapai objektifnya serta dapat memberi manfaat kepada industri dan rakyat.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah merangkumi aspek perancangan, pengurusan, pelaksanaan dan pemantauan MHEP meliputi tahun 2008 hingga 2015. Pengauditan dijalankan di ibu pejabat Sarawak Energy Berhad, Kementerian Kemudahan Awam (KKA), Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan Sarawak (KPIP), Jabatan Hutan Sarawak (JHS), Jabatan Tanah dan Survei Sarawak (JTS), Jabatan Pertanian Sarawak (JPS), Unit Perancang Negeri (UPN), Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak (NREB) dan Pejabat Daerah Belaga, Bahagian Kapit. Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak rekod, dokumen dan fail berkaitan serta mengkaji dan menganalisis data berkaitan dengan projek. Selain itu, lawatan Audit ke tapak MHEP dan perbincangan dengan pegawai SEB yang terlibat juga dilakukan. *Exit Conference* telah diadakan pada 6 Januari 2016 bersama wakil Ketua Pegawai Eksekutif Sarawak Energy Berhad dan dihadiri juga oleh pegawai daripada Kementerian Kemudahan Awam, Unit Perancang Negeri, Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak, Jabatan Tanah dan Survei Sarawak, Jabatan Pertanian Sarawak, Pejabat Daerah Belaga dan Unit Audit Dalam Negeri Sarawak.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Ogos 2015 mendapati pengurusan MHEP adalah memuaskan. Bagaimanapun terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian dan diambil tindakan seperti berikut:

- Pertambahan kos sejumlah RM530 juta menyebabkan harga kontrak meningkat kepada RM2.98 bilion.
- Proses perolehan kerja bagi Program Penempatan Semula Murum tidak mematuhi mod implementasi seperti yang ditetapkan.
- Bayaran *ex-gratia* tidak mengikut kadar yang diluluskan oleh Kabinet.
- Pelaksanaan program pembangunan pertanian tidak memuaskan.
- Kerja survei dan pengeluaran hakmilik tanah kepada komuniti terjejas belum selesai.

1.4.1. Prestasi Keseluruhan Projek Hidroelektrik Murum

Pelaksanaan MHEP melibatkan 7 komponen utama iaitu pembinaan empangan utama, terowong pelencongan sungai, terowong adit, *biomass*, *saddle dams*, pumbaikan dan penyenggaraan jalan balak serta pembinaan kuarters dan jalan. Semakan Audit terhadap pelaksanaan kerja kontrak mendapati pembinaan empangan utama MHEP lewat selama 415 hari di mana tarikh siap kerja kontrak sepatutnya pada 30 September 2013 tetapi telah diberi kelulusan lanjutan masa (EOT) sehingga 19 Jun 2015. Projek pembinaan empangan utama siap sepenuhnya pada 25 Mei 2015 seperti mana yang tercatit dalam *Certificate of Practical Completion* (CPC) yang dikeluarkan pada 2 Oktober 2015. Antara sebab lanjutan masa ini diberikan adalah bantahan oleh komuniti di kawasan penempatan semula dan kelewatan dalam penakungan air disebabkan oleh proses penempatan semula penduduk. Kos keseluruhan pembinaan MHEP setakat bulan Disember 2015 adalah sejumlah RM3.95 bilion dan kos pengambilan balik tanah serta pampasan adalah berjumlah RM198.61 juta manakala perbelanjaan bagi kerja infrastruktur dan utiliti untuk program penempatan semula penduduk Murum adalah sejumlah RM221.80 juta. Hidro Elektrik Murum mula beroperasi pada 25 Disember 2014 setelah mendapat *Commercial Operation Declaration* (COD) daripada Unit Inspektorat Elektrikal KKA (EIU).

1.4.1.1. Prestasi Kewangan Projek

- a. Sarawak Energy Berhad menggunakan kaedah anggaran kawalan kos semasa untuk memantau pelaksanaan projek dari segi bajet dan perbelanjaan projek. Pada peringkat awal pelaksanaannya, MHEP telah diluluskan peruntukan sejumlah RM3.70 bilion dan kos pembinaan projek ini dibiayai sepenuhnya secara terbitan bon melalui Program Sukuk Musyarakah SEB. Semakan Audit mendapati ahli Lembaga Pengarah SEB telah meluluskan anggaran kawalan kos semasa projek sebanyak 4 kali setelah mengambil kira perubahan dalam anggaran bajet semasa bagi pelaksanaan MHEP seperti di **Jadual 1.1**. Antara faktor yang menyebabkan peningkatan anggaran bajet semasa ini adalah pertambahan item dalam provision, perubahan kerja, pelaksanaan projek luar jangka dan elaun untuk menampung tuntutan masa hadapan, peningkatan kos, risiko dan ketidaktentuan dan juga kelewatan jadual.

Jadual 1.1
Perubahan Anggaran Kawalan Kos Semasa MHEP

Bil.	Butiran	Jumlah Anggaran Kos (RM Juta)			
		CCE1	CCE2	CCE3	CCE4
1.	<i>SEB Project Cost</i>	65	86	86	91
2.	<i>Construction Cost</i>	3,394	3,698	3,691	3,642
3.	<i>SEB Owner's Cost</i>	84	131	138	159
4.	<i>Foreign Currency Exchange Allowances</i>	318	137	137	137
5.	<i>Contingency</i>	164 – 421	153	112	68
Total Expected Cost		4,025 – 4,282	4,205	4,164	4,097
6.	<i>Financial Costs</i>	N/A	N/A	603	650

Sumber: Sarawak Energy Berhad

- b. Semakan Audit juga mendapati sejumlah RM3.95 bilion telah dibelanjakan antaranya untuk kerja kontrak dan bayaran perunding. Status kos keseluruhan pembinaan MHEP setakat bulan Disember 2015 adalah seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2
Status Kos Keseluruhan Pembinaan MHEP Setakat Bulan Disember 2015

Bil.	Butiran	Bajet Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)
1.	<u>Construction Cost</u>		
	<i>Contract 1 – Empangan Utama</i>	3,108	3,108
	<i>Contract 2 – Diversion Tunnel</i>	222	226
	<i>Contract 3 – Fujian Tunnel (Adit)</i>	4	5
	<i>Contract 4 – Saddle Dams</i>	17	14
	<i>Contract 5 – Biomass</i>	38	35
	<i>Contract 6 – Repair and Maintenance of Logging Roads</i>	56	52
	<i>Contract 7 – Residential Village & Permanent Roads</i>	133	112
	PCPs/Variations	64	28
2.	<u>SEB Project Cost</u>	91	60
3.	<u>SEB Owner's Cost</u>	159	131
4.	<u>Contingency</u>	68	0
5.	<u>Foreign Currency Exchange Allowance</u>	137	174
Jumlah Kos Projek		4,097	3,945

Sumber: Sarawak Energy Berhad

- c. Semakan Audit mendapati sejumlah RM8.50 bilion bon Sukuk telah diterbitkan mulai bulan Jun 2011 hingga Ogos 2015 seperti di **Jadual 1.3**. Terbitan bon ini juga digunakan untuk membiayai perbelanjaan modal kumpulan syarikat SEB; membiayai semula pinjaman yang sedia ada kumpulan; membiayai yuran dan perbelanjaan berkaitan program Sukuk Musyarakah dan untuk tujuan umum am korporat SEB.

Jadual 1.3
Terbitan Bon Sukuk Musyarakah Oleh SEB

Bil.	Tarikh Diterbitkan	Tempoh Matang (Tahun)	Keuntungan (%)	Tarikh Matang	Amaun (RM Juta)
1.	23.06.2011	5	4.40	23.06.2016	500
2.		7	4.70	23.06.2018	700
3.		10	5.15	23.06.2021	1,000
4.		15	5.65	23.06.2026	800
5.	19.01.2012	10	4.50	19.01.2022	1,200
6.		15	4.85	19.01.2027	1,300
7.	04.07.2014	5	4.50	04.07.2019	200
8.		10	5.00	04.07.2024	600
9.		15	5.50	04.07.2029	700
10.	18.08.2015	10	4.75	18.08.2025	700
11.		20	5.28	17.08.2035	800
Jumlah					8,500

Sumber: Sarawak Energy Berhad

- d. **Maklum balas daripada SEB bertarikh 17 Disember 2015, menyatakan bahawa Program Sukuk Musyarakah SEB adalah berjumlah sehingga RM15 bilion. Setakat ini, SEB telah membuat terbitan sebanyak RM8.5 bilion dari pasaran melalui beberapa terbitan yang mana RM4.7 bilion diperuntukkan untuk projek Hidroelektrik Murum.**

1.4.1.2. Empangan Utama

- a. Kontrak utama MHEP adalah pembinaan empangan utama termasuk *ecological power station, main powerhouse c/w 4 turbine-generator unit with 4 main transformers and GIS, power intake and waterway system*. Kontrak pembinaan empangan utama MHEP ini ditandatangan pada 19 Oktober 2008 antara SEB dengan Yangtze Three Gorges Technology And Economy Development Co. Ltd. (TGDC) iaitu sebuah syarikat yang berdaftar di China dan Three Gorges Development Company (Malaysia) Sendirian Berhad (TGDCM) iaitu syarikat yang diperbadan dan didaftarkan di Malaysia dengan amaun kontrak sejumlah RMB3.06 bilion (RMB adalah Renminbi) dan RM1.06 bilion. Amaun kontrak ini tidak termasuk bayaran *provisional sum* sejumlah masing-masing RMB88.07 juta dan RM74.38 juta. Pembinaan empangan utama ini dilaksana berdasarkan kaedah reka dan bina. Tempoh kontrak adalah selama 60 bulan mulai 1 Oktober 2008 hingga 30 September 2013. Semakan Audit mendapati nilai kontrak utama MHEP telah meningkat kepada RM2.98 bilion iaitu tambahan sejumlah RM530 juta atau 21.6%. Butiran mengenai harga asal kontrak utama dan pelarasan harga kontrak MHEP adalah seperti di **Jadual 1.4**.

Jadual 1.4
Harga Asal Kontrak Utama Dan Pelarasan Harga Kontrak MHEP

Butiran	<i>On-shore Portion</i>		<i>Off-shore Portion</i>		<i>Equivalent Total (*)</i> (RM)
	<i>(RM)</i>	<i>(RMB)</i>	<i>(RM)</i>	<i>(RMB)</i>	
Harga Kontrak Asal	1,043,082,709	1,353,704,607	18,552,070	1,704,235,035	2,451,607,345
Pelarasan Harga Kontrak Dipersetujui	351,345,000	365,837,000	0	28,140,000	530,425,000
Harga Kontrak Terkini Selepas Pelarasan	1,394,427,709	1,719,541,607	18,552,070	1,732,375,035	2,982,032,345

Sumber: Sarawak Energy Berhad

Nota: (*) – currency exchange rate of RM1 = RMB2.2 as applied under the Contractor's original offer for the performance of the Works.

- b. **Maklum balas daripada SEB bertarikh 17 Disember 2015, menyatakan bahawa jumlah kontrak asal tidak mengambil kira semua ketidakpastian yang mungkin dan juga risiko berkaitan. “*The provisional sum items in the original contract represented the unquantifiable risk items that were estimated but not fixed*”. Jumlah terakhir bergantung kepada keadaan sebenar di tapak pembinaan. Jumlah RM530 juta telah diperuntukkan untuk menampung ketidaktentuan projek, risiko dan untuk menghadkan jumlah wang provisional sebagai**

sebahagian daripada strategi kontrak untuk memindahkan risiko keseluruhan kepada kontraktor.

- c. Empangan utama MHEP ini dibina secara RCC setinggi 141 meter dan diperkuuhkan dengan pembinaan 1.61 juta meter padu konkrit *spillway* dengan kelebaran 54 meter. Ciri-ciri empangan utama MHEP seperti di **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5
Ciri-ciri Empangan Utama MHEP

Bil.	<i>Main Dam Component</i>	<i>Measurement</i>
1.	<i>Hydrology</i> - Catchment Area	2750 km ²
2.	<i>Reservoir</i> - Fully Supply Level - Minimum Operating Level - Maximum Flood Level - Reservoir Area	540 masl 515 masl 547 masl 245 km ²
3.	<i>Power Generation</i> - Installed Capacity	944 MW (4 X 236 MW)
4.	<i>Dam</i> - Dam Type - Dam Height - Crest Elevation (with top of parapet wall) - Crest Length - Crest width	Roller Compacted Concrete 141 m 546 masl 547.5 masl 473 m 7 m
5.	<i>Spillway</i> - Type - Weir Type - Energy Dissipater - Crest Length	Opening arranged in the crest Ungated Overflow Crest Steps + Flip Bucket 54 m
6.	<i>Waterway</i> - Headrace Tunnel - Type - Tunnel Diameter	2 units (Concrete + Steel) Lined Tunnel 8.0 – 3.4 m
7.	<i>Power House</i> - Dimension - Number of Units - Turbine Axis Elevation - Rate Discharge	24 X 37 X 70 m (H X W X L) 4 units 218 masl 86 m ³ /s
8.	<i>Ecological Powerhouse</i> - Dimension - Number of Units - Installed Capacity	15 X 16 X 35 m (H X W X L) 2 units 7.4 MW (2 X 3.7 MW)

Sumber: Sarawak Energy Berhad

Nota: m – meter; m³ – meter padu; masl – meters above sea level; km² – kilometer persegi

- d. Kerja pengujian dan pentauliahan yang dikenali sebagai *Wet And Dry Commissioning Procedure* dalam 21 pengujian dan pentauliahan merangkumi pelbagai ujian secara berperingkat. Ini adalah untuk memastikan bekalan elektrik yang dijana mencapai 944 MW. Empangan utama MHEP mula ditakungkan pada 21 September 2013 setelah mendapat permit daripada KKA pada 20 September 2013 dan takungan mencapai aras penuh pada 8 Jun 2015. Berdasarkan rekod kemajuan bulanan pada bulan Julai 2015, *all 4 units of turbine and generator have obtained official notification of Commercial Operation Declaration (COD) by EIU on June 2015* seperti di **Jadual 1.6**.

Jadual 1.6
Ringkasan Status Bagi Turbin Dan Generator Di MHEP

Turbine	On Load Test Completion Date	72-Hour Trial Run Completion Date	Issuance of Commercial Operation Declaration (COD)
Powerhouse			
TG Unit 4	7 November 2014	18 November 2014	25 Disember 2014
TG Unit 3	10 November 2014	26 November 2014	5 Januari 2015
TG Unit 2	1 Januari 2015	7 Januari 2015	19 Januari 2015
TG Unit 1	18 Januari 2015	22 Januari 2015	8 Jun 2015

Sumber: Sarawak Energy Berhad

1.4.1.3. Terowong Pelencongan Sungai

- a. Kontrak pembinaan terowong pelencongan sungai MHEP telah ditandatangan pada 7 Mei 2008 antara SEB dengan China Fujian Longsheng Engineering Construction Co. Ltd. (CFTEC), sebuah syarikat yang berdaftar di Negara China. Harga kontrak dipersetujui adalah sejumlah RM118.95 juta dengan *provisional sum* sejumlah RM16.54 juta. Tempoh kontrak dipersetujui adalah selama 14 bulan daripada tarikh penyerahan tapak pada 15 Mei 2008 dan skop kontrak adalah untuk membina 2 terowong lencongan sepanjang 602 meter dan 651 meter dengan diameter sebesar 10.5 meter.
- b. Pada 13 Ogos 2010, satu perjanjian penyelesaian telah ditandatangan antara SEB dan CFTEC bagi pembayaran sejumlah RM90 juta untuk kerja tambahan di terowong pelencongan. Semakan Audit mendapati terowong pelencongan sungai telah siap dibina pada penghujung bulan April 2010.

1.4.1.4. Biomass Dan WiMOR

- a. *Biomass removal plan* adalah kerja pembersihan kawasan hutan yang melibatkan penebangan pokok dan pembersihan semak yang kemudiannya dilupuskan dengan cara *in-situ* pembakaran terkawal bagi pembersihan kawasan untuk tapak takungan air MHEP. Kaedah lain yang dipakai bagi pembuangan biomass adalah dengan cara *air-dried* atau membakar dengan menggunakan insinerator tanpa asap serta lain-lain cara jika diarahkan oleh NREB. Unimas Holdings Sendirian Berhad (Unimas) adalah perunding bagi menyediakan pelan pembuangan biomass MHEP dan telah menandatangani perjanjian dengan SEB pada bulan Julai 2012 dengan kontrak sejumlah RM0.77 juta. Bagi menjalankan kerja pembuangan biomass MHEP, SEB melantik 2 kontraktor seperti di **Jadual 1.7**.

Jadual 1.7
Butiran Mengenai Kontrak Biomass MHEP

Bil.	Parcel	Kawasan (Hektar)	Kontraktor	Tarikh Kontrak	Tempoh Kontrak	Jumlah Kontrak (RM Juta)	
1.	P1	798.04	Sarabrand Sendirian Berhad	30.10.2013	20 bulan	17.99	
2.	P3	892.95					
3.	P2	984.17	Wargana Consortium Sendirian Berhad – Hav-Innovative Technology Sendirian Berhad JV	13.05.2014	8 bulan	9.06	
Jumlah		2,675.16					27.05

Sumber: Sarawak Energy Berhad

- b. Semakan Audit mendapati kerja pembuangan biomass yang ditawarkan kepada kontraktor Wargana Consortium Sendirian Berhad - Hav-Innovative Technology Sendirian Berhad JV telah siap dijalankan bagi kawasan Parcel 2 dan dikeluarkan *Certificate Of Practical Completion (CPC)* pada 7 Oktober 2014 manakala kerja pembuangan biomass bagi kawasan Parcel 1 dan Parcel 3 telah siap dijalankan dan CPC dikeluarkan pada 16 Februari 2015. Lawatan Audit ke tapak pembuangan biomass pada 25 Ogos 2015 mendapati kawasan biomass adalah seperti di **Gambar 1.1** dan **Gambar 1.2**.

Gambar 1.1



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Empangan Hidroelektrik Murum
Tarikh: 25 Ogos 2015

Gambar 1.2



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Empangan Hidroelektrik Murum
Tarikh: 25 Ogos 2015

- c. **Maklum balas daripada SEB bertarikh 17 Disember 2015, menyatakan bahawa Najna Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai Juruaudit Bebas dengan kos berjumlah RM348,730.00 untuk pembuangan biomass.**
- d. Semakan Audit juga mendapati SEB ada melaksanakan Pelan Pemantauan Dan Penyelamatan Hidupan Liar (WiMOR) yang dikendalikan oleh Perbadanan Perhutanan Sarawak (SFC) dengan kos pelaksanaan setakat bulan Disember 2015 adalah sejumlah RM4.84 juta. Pelan WiMOR yang disediakan pada bulan April 2013 telah diluluskan oleh NREB pada 14 Ogos 2013. Lawatan Audit ke tapak WiMOR di MHEP mendapati SEB telah mengambil tindakan memindah dan menanam semula

flora serta melaksanakan sistem tagang bagi memulihara hidupan yang terjejas disebabkan pelaksanaan projek MHEP seperti di **Gambar 1.3** hingga **Gambar 1.6**.

Gambar 1.3
Papan Tanda Projek WiMOR



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Empangan Hidroelektrik Murum
Tarikh: 25 Ogos 2015

Gambar 1.4
Kawasan Tanaman WiMOR



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Empangan Hidroelektrik Murum
Tarikh: 25 Ogos 2015

Gambar 1.5
Sistem Tagang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Empangan Hidroelektrik Murum
Tarikh: 25 Ogos 2015

Gambar 1.6
Sungai Lekasi, Tegulang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Empangan Hidroelektrik Murum
Tarikh: 25 Ogos 2015

- e. **Maklum balas daripada SEB bertarikh 17 Disember 2015, menyatakan bahawa aktiviti WiMOR di MHEP sudah dilakukan dengan perbelanjaan setakat ini sejumlah RM4.84 juta.**

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan pembinaan MHEP secara keseluruhannya adalah memuaskan.

1.4.2. Unjuran Bekalan Tenaga Elektrik Di Sarawak

1.4.2.1. Bekalan tenaga elektrik di Sarawak diperoleh melalui 3 sumber iaitu gas, arang batu dan hidro. Berdasarkan analisis Audit terhadap *installed capacity* bagi sumber bekalan tenaga elektrik tahun 2015 mendapati hidro adalah sumber utama tenaga elektrik yang dapat menyumbang sebanyak 3,452 MW atau 76.3% tenaga elektrik berbanding

gas sebanyak 594 MW atau 13.1% dan arang batu sebanyak 480 MW atau 10.6%. Analisis Audit seterusnya mendapati *firm/available capacity* bagi bekalan tenaga elektrik untuk penggunaan semasa tahun 2015 bagi hidro adalah sebanyak 2,456 MW atau 73.8%, gas sebanyak 510 MW atau 15.3% dan arang batu sebanyak 361 MW atau 10.9%. *Installed capacity* dan *firm/available capacity* bagi bekalan tenaga elektrik di Sarawak setakat tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 1.8**.

Jadual 1.8
Installed Capacity Dan Firm/Available Capacity Bagi Bekalan Tenaga Elektrik
Di Sarawak Setakat Tahun 2015

Bil.	Bekalan Kuasa Elektrik			Installed Capacity (MW)	Firm/Available Capacity (MW)
1.	Gas	Pujut Miri Open Cycle GT	112	89	
		Kidurong Open Cycle GT	165	146	
		Kidurong Combined Cycle GT	317	275	
		Jumlah Kecil	594	510	
2.	Arang Batu (Coal)	Sejingkat 1	100	77	
		Sejingkat 2	110	77	
		Mukah	270	207	
		Jumlah Kecil	480	361	
3.	Hidro	Batang Ai	108	50	
		Murum	944	635	
		Bakun	2,400	1,771	
		Jumlah Kecil	3,452	2,456	
Jumlah Keseluruhan			4,526	3,327	

Sumber: Sarawak Energy Berhad

1.4.2.2. Analisis Audit juga mendapati unjuran penggunaan bekalan tenaga elektrik di Sarawak menunjukkan trend meningkat setiap tahun. Adalah didapati penggunaan bekalan tenaga elektrik pada tahun 2012 sehingga 2015 menunjukkan peratusan meningkat antara 11.3% hingga 36.4% dengan purata sebanyak 476 MW setahun. Berdasarkan analisis Audit keperluan penggunaan tenaga elektrik pada tahun 2020 dijangka meningkat sebanyak 2,115 MW atau 73.9% berbanding tahun 2015. Peningkatan ini antaranya disebabkan wujudnya kawasan perindustrian yang semakin membangun dan berkembang pesat. Unjuran penggunaan bekalan tenaga elektrik di Sarawak pada tahun 2012 sehingga 2015 serta jangkaan keperluan tenaga elektrik pada tahun 2020, 2023 dan 2026 adalah seperti di **Jadual 1.9**.

Jadual 1.9
Unjuran Penggunaan Bekalan Tenaga Elektrik Di Sarawak Pada Tahun 2012 Sehingga 2015
Serta Jangkaan Keperluan Tenaga Elektrik Pada Tahun 2020, 2023 Dan 2026

Bil.	Pelanggan	Tahun							
		2012 (Actual) MW	2013 (Actual) MW	2014 (Actual) MW	2015 (Actual) MW	2015 (Committed) MW	2020 (Forecast) MW	2023 (Forecast) MW	2026 (Forecast) MW
1.	Negeri Sarawak	1,022	1,091	1,139	1,185	1,185	1,490	1,689	1,906
2.	Pelanggan SCORE	413	866	1,039	1,628	1,902	3,258	3,258	3,258
3.	Export Customers	-	-	-	50	230	230	230	230
Jumlah		1,435	1,957	2,178	2,863	3,317	4,978	5,177	5,394

Sumber: Sarawak Energy Berhad

Pada pendapat Audit, tenaga elektrik yang dibekalkan adalah mencukupi dan dapat menampung kegunaan semasa serta permintaan pelanggan di Sarawak setakat ini.

1.4.3. Penilaian Kesan Alam Sekitar

1.4.3.1. Tujuan penilaian kesan alam sekitar (EIA) adalah untuk memastikan impak alam sekitar dapat ditangani pada peringkat awal perancangan projek dan reka bentuk. Semakan Audit mendapati SEB telah melantik Chemsain Konsultant Sendirian Berhad untuk menyediakan laporan EIA bagi MHEP pada bulan Julai 2007 dengan bayaran sejumlah RM1.44 juta. Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak telah meluluskan laporan EIA pada 3 Disember 2008. Antara keperluan yang dikehendaki oleh NREB adalah SEB perlu melibatkan perunding alam sekitar untuk menjalankan pemantauan alam sekitar. Selain itu, laporan dan data mengenai keadaan alam sekitar hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada NREB pada setiap suku tahun. Semakan Audit mendapati SEB telah melantik Sekitar Ceria Environmental Services Sdn. Bhd sebagai *Independent Environmental Audit* di mana pengauditan alam sekitar dijalankan setiap suku tahun dan laporan diserahkan sebanyak 2 kali setahun kepada NREB.

1.4.3.2. **Maklum balas daripada SEB bertarikh 17 Disember 2015, menyatakan bahawa pelantikan Perunding Alam Sekitar untuk mengendali dan menyediakan EMP dan EMR adalah di bawah tanggungan kontraktor TGDCM seperti dalam skop kontrak TGDCM. Pemantauan alam sekitar dilakukan setiap suku tahun.**


1.4.3.3. **Maklum balas daripada NREB bertarikh 23 Disember 2015, menyatakan bahawa mereka sentiasa membuat pemantauan untuk memastikan kontraktor mematuhi terma dan syarat kelulusan EIA dengan menyediakan Laporan Pemantauan Alam Sekitar (EMR) dan membuat lawatan pemantauan serta melantik Juruaudit Bebas. Pemantauan telah dijalankan pada 7 hingga 10 Julai 2015 di MHEP bagi memastikan langkah telah dilaksanakan oleh pemaju projek untuk memulihara alam sekitar dan berdasarkan pemantauan tersebut tiada isu utama alam sekitar yang tidak dipatuhi.**

1.4.4. Penempatan Semula Penduduk Murum

1.4.4.1. Pelaksanaan MHEP telah menjaskan 7 komuniti orang asli melibatkan 353 isi rumah yang terdiri daripada 335 isi rumah Penan seramai 1,302 orang dan 18 isi rumah Kenyah Badeng seramai 113 orang. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah memberi kelulusan pada bulan Ogos 2008 untuk menujuhkan Unit Khas Penempatan Semula Murum dan pelaksanaan projek penempatan semula penduduk Murum. Dua kawasan iaitu Tegulang dan Metalun telah dikenal pasti sebagai tapak penempatan semula komuniti yang terjejas dan diluluskan oleh Majlis Perancangan Negeri (MPN) pada 11 Jun 2011. Tapak penempatan semula Tegulang adalah seluas 5,710 hektar (ha) terletak di sepanjang Sungai Tegulang. Tiga komuniti iaitu Long Malim Penan, Long Malim Kenyah dan Long Wat telah dipindah ke tapak ini. Manakala 4 lagi komuniti yang

lain iaitu Long Menapa, Long Luar, Long Tangau dan Long Singu dipindah ke tapak penempatan semula Metalun dengan tapak seluas 4,420 ha yang terletaknya di sepanjang Sungai Plieran. Unit Perancang Negeri dilantik sebagai agensi utama yang bertanggungjawab untuk mengkoordinasi agensi yang terlibat dalam proses penempatan semula penduduk Murum. Lokasi tapak penempatan semula penduduk Murum adalah seperti di **Peta 1.2** dan butiran komuniti yang terjejas disebabkan pelaksanaan MHEP adalah seperti di **Jadual 1.10**. Lawatan Audit ke tapak penempatan semula di Metalun telah dijalankan pada 26 Ogos 2015 dan ke tapak penempatan semula di Tegulang pada 27 Ogos 2015. Daripada 7 kampung yang ditempatkan semula, lawatan dibuat kepada 5 kampung iaitu Long Singu dan Long Menapa di Metalun, Long Wat, Long Malim Penan dan Long Malim Kenyah di Tegulang.

Peta 1.2
Lokasi Tapak Penempatan Semula Penduduk Murum



Sumber: Pelan Penempatan Semula Penduduk Murum

Jadual 1.10
Komuniti Yang Terjejas Oleh Projek Hidroelektrik Murum

Bil.	Tapak/Komuniti Terlibat	Isi Rumah	Orang
1.	Penempatan Tegulang		
	Long Malim Penan	54	222
	Long Malim Kenyah Badeng	18	113
	Long Wat	89	347
2.	Penempatan Metalun		
	Long Pelutan / Menapa	42	166
	Long Luar	52	198
	Long Tangau	31	112
	Long Singu	67	257
Jumlah		353	1,415

Sumber: Pelan Penempatan Semula Penduduk Murum

1.4.4.2. Social And Environmental Impact Assessment

- a. Objektif utama kajian *Social And Environmental Impact Assessment* (SEIA) adalah untuk menilai impak serta risiko sosial dan alam sekitar yang disebabkan oleh MHEP dengan menyediakan laporan SEIA bagi projek tersebut. Terma Rujukan Kajian SEIA

bagi MHEP yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak pada bulan April 2009 menetapkan kajian ini perlu disediakan dengan mematuhi undang-undang dan peraturan negeri serta piawaian antarabangsa seperti *Equator Principles*, *United Nations Declaration On The Rights of Indigenous Peoples (UNDRIP)*, *International Finance Corporation (IFC) Social and Environmental Performance Standard*. Laporan SEIA yang disediakan juga perlu dikaji semula oleh pakar bebas. Hasil kajian SEIA adalah dalam 2 bahagian iaitu SEIA untuk Empangan Murum dan Penempatan Semula Penduduk yang menjadi asas untuk pelaksanaan program penempatan semula penduduk Murum. Syor yang dibuat dalam laporan SEIA perlu berasaskan kajian *Contemporary Ethnography* yang memberikan satu kefahaman ke atas gaya kehidupan dan mata pencarian komuniti yang terjejas, warisan kebudayaan, arkeologi dan keadaan ekonomi mereka.

- b. Chemsian Konsultant Sendirian Berhad (CKSB) dilantik sebagai perunding oleh UPN pada bulan September 2009 untuk menjalankan kajian *Contemporary Ethnography*, kajian SEIA dan menyediakan Pelan Penempatan Semula Penduduk Murum (MRAP) dengan kos kontrak sejumlah RM6.64 juta. Kajian bermula pada bulan September 2009 dan perlu disiapkan dalam tempoh 12 bulan. Mengikut Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Utama Murum Bilangan 1/2013 yang diadakan pada 18 Januari 2013, kajian SEIA siap disediakan pada bulan Disember 2012. Mengikut Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Utama 3/2012 yang diadakan pada 30 Oktober 2012, UPN telah meluluskan Laporan SEIA untuk penilaian orang awam pada 24 September 2011. Bagaimanapun, pemberitahuan mengenai Laporan SEIA hanya dibuat dalam surat khabar pada bulan Oktober 2012. Tempoh paparan adalah dari 11 Oktober 2012 hingga 9 November 2012 dan tempoh untuk maklum balas adalah dari 11 Oktober 2012 hingga 24 November 2012 iaitu lewat melebihi 2 tahun. Tiada klausa penalti tentang kelewatan disebutkan dalam perjanjian kontrak. Laporan juga dihantar kepada 9 lokasi iaitu Ibu Pejabat NREB, NREB Bintulu, NREB Sibu, Jabatan Alam Sekitar (DOE) Sarawak, Pustaka Negeri Sarawak, Pejabat Residen Kapit, Pejabat Daerah Belaga dan Penempatan Semula Sg. Asap oleh CKSB yang juga menyelenggarakan buku log disetiap lokasi bagi komen orang awam. Semakan Audit mendapati Encik Robert B. Barclay dilantik oleh CKSB sebagai pakar bebas pada 2 Februari 2010 untuk *review* Laporan SEIA. Komen dan syor pakar bebas telah dikemukakan kepada UPN dan telah diambilkira dalam laporan.
- c. **Maklum balas daripada UPN bertarikh 30 Disember 2015, menyatakan bahawa:**
 - i. **Klausa penalti tidak termasuk dalam syarat kontrak bagi kajian yang pernah dijalankan sebelum ini. Syarat perjanjian adalah berdasarkan *Terms of Reference (TOR)* yang dipersetujui oleh *Murum Main Working Committee (MMWC)* ini. Draf perjanjian kajian SEIA ini juga telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negeri untuk semakan dan maklum balas sebelum ianya dimuktamadkan dan dimeterai. Sekiranya perlu, klausa penalti akan dimasukkan sebagai syarat kontrak untuk perjanjian pada masa hadapan.**

- ii. Kajian SEIA ini memakan masa untuk disiapkan kerana perlu mendapat maklum balas dan persetujuan daripada penduduk terlibat berkenaan cadangan tapak, konsep dan reka bentuk penempatan baru melalui sesi dialog dan engagement bersama penduduk tersebut. Selepas mengambil kira faktor tersebut, barulah *Murum Main Working Committee* dapat memuktamadkan tapak, konsep dan reka bentuk bagi penempatan baru tersebut bagi membolehkan kajian SEIA ini dapat disiapkan.
- d. **Maklum balas daripada NREB bertarikh 23 Disember 2015, menyatakan bahawa the SEIA Reports for both resettlement sites were approved by NREB on 10th December 2013.**

Pada pendapat Audit, bagi mengelakkan kelewatan dalam pelaksanaan kontrak, klausa penalti perlu dimasukkan dalam dokumen kontrak bagi memastikan kerja disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan kelewatan perlu mendapat kelulusan.

1.4.4.3. Pelan Tindakan Penempatan Semula Penduduk Murum

Pelan Tindakan Penempatan Semula Penduduk Murum mengandungi pakej penempatan semula dan ganti rugi yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Pelan ini disediakan berasaskan penemuan dan syor hasil daripada kajian SEIA dan *Contemporary Ethnography* yang telah dijalankan. Salinan MRAP bagi tujuan pendedahan awam juga disediakan untuk komen dan maklum balas orang awam. Pelan tindakan ini bersama dokumen pendedahan awam MRAP telah dipersetujui oleh MMKN pada 13 Disember 2012. Dokumen pendedahan awam MRAP telah dilancarkan secara rasmi di Dewan Undangan Negeri pada 22 Mei 2013. Antara objektif keseluruhan MRAP adalah membasi kemiskinan komuniti yang terlibat dengan program penempatan semula penduduk yang terjejas dengan projek MHEP.

1.4.4.4. Proses Perolehan Kerja Penempatan Semula Penduduk

- a. Keputusan mengenai proses perolehan kerja dibuat semasa taklimat mengenai program penempatan semula penduduk Murum kepada YAB Ketua Menteri pada 15 Ogos 2011 seperti berikut:

i. Mod Implementasi

- Projek perumahan dilaksanakan secara laluan pantas melalui tawaran terpilih (*selective tendering*) dengan memilih kontraktor yang mempunyai kapasiti dan keupayaan untuk menyiapkan projek dalam masa yang ditetapkan. SEB menjemput Shin Yang dan Samling bagi mengemukakan tender untuk projek perumahan mengikut spesifikasi yang disediakan.

ii. Penyerahan Tender Kepada Jawatankuasa Kos

- Sarawak Energy Berhad mengemukakan tender kepada Jawatankuasa Kos untuk penilaian dan pertimbangan.
 - Unit Perancang Negeri sebagai sekretariat kepada Jawatankuasa Kos.
 - Komponen perlu disenaraikan dan sumber dana sama ada daripada SEB, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Perserkutuan perlu dinyatakan.
- b.** Proses penempatan semula termasuk pembinaan jalan akses ke tapak penempatan semula, kerja infrastruktur seperti jalan batu dan perparitan dalam, pembinaan 353 unit/bilik rumah, kemudahan rekreasi serta kelengkapan sosial, pembangunan kebun, bekalan elektrik dan air, kemudahan klinik kesihatan dan sekolah. Semakan Audit mendapati setakat bulan Julai 2015, sebanyak 18 kontrak untuk projek berkenaan telah dilaksanakan dan perbelanjaan dibayar dahulu oleh SEB. Semakan Audit seterusnya terhadap Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kos mendapati 8 daripada 18 kontrak perolehan kerja berkaitan penempatan semula penduduk diluluskan oleh Jawatankuasa Kos seperti di **Jadual 1.11**. Baki 10 kontrak didapati tidak melalui Jawatankuasa Kos seperti di **Jadual 1.12**.

Jadual 1.11
Kontrak Yang Diluluskan Jawatankuasa Kos

Projek	Nilai Kontrak Asal (RM Juta)		Tarikh Siap	Perolehan
	Tegulang (T)	Metalun (M)		
<i>The Construction And Completion Of Proposed Temporary Access Road, Consultant Site Buildings and Associated Works T1 & M1.</i>	7.68	-	15.04.12	Tender dijemput daripada Shin Yang Group of Companies dan Samling Strategic Corporation Sendirian Berhad bagi pakej T1 dan T2 sahaja. Perolehan diluluskan Jawatankuasa Kos.
	-	8.62	15.05.12	
<i>The Construction And Completion Of Proposed Infrastructural Works, Building Works, Mechanical and Electrical Works T2 & M2.</i>	89.62	-	30.06.14	Enam tender diterima bagi T2 dan 4 bagi M2. Perolehan diluluskan Jawatankuasa Kos.
	-	107.56	01.12.13	
<i>The Construction And Completion Of Proposed Water Supply and Treatment Works T3 & M3</i>	11.53	-	15.07.14	Tiga tender terbuka masing-masing diterima bagi T3 dan M3. Perolehan diluluskan Jawatankuasa Kos.
	-	22.55	30.11.13	
<i>The Construction And Completion Of Proposed Clearing Works For Garden Plots T4 & M4</i>	1.70	-	30.03.13	Lima tender dijemput masing-masing yang mana 5 dan 4 diterima bagi T4 dan M4. Perolehan diluluskan oleh Jawatankuasa Kos.
	-	1.27	30.03.13	
Jumlah	110.53	140.00		

Sumber: Sarawak Energy Berhad

Jadual 1.12
Kontrak Yang Tidak Melalui Jawatankuasa Kos

Projek	Nilai Kontrak Asal (RM Juta)		Tarikh Siap	Perolehan
	Tegulang (T)	Metalun (M)		
<i>The Construction And Completion Of Proposed Temporary Schools T5 & M5</i>	2.20	-	16.04.14	Perolehan melalui Cadangan <i>Group Management Tender Committee</i> (GMTC) dan tidak dibincang oleh Jawatankuasa Kos kerana tidak ada arahan daripada MMKN.
	-	1.83	15.04.14	
<i>The Construction And Completion Of Proposed New Multi Purposes Hall, New Quarters Renovation Works To Longhouse Block And To Multi Purposes Hall, Chapel And Kinder Garden T6 & M6.</i>	5.60	-	*	Mengikut minit <i>Murum Working Sub-Committee</i> bertarikh 24 Oktober 2014, tender diurus untuk kerja dan dijangka bermula kerja pengubahsuaian pada suku tahun pertama 2015. Bagaimanapun, perolehan dibuat dengan rundingan terus dengan Pekerjaan Piasau Konkrit Sendirian Berhad dan cadangan GMTC untuk persetujuan oleh CEO SEB. Perolehan tidak melalui Jawatankuasa Kos.
	-	6.29	*	
<i>Construction And Completion of Proposed Temporary Classroom, Teacher's Quarters and Associated Works</i>	0.17	-	18.09.13	Tidak melalui Jawatankuasa Kos
	-	0.17	18.09.13	
<i>Proposed Temporary Clinic</i>	0.37	-	*	Tidak melalui Jawatankuasa Kos
	-	0.40	*	
<i>Replacement of Collapsed Timber Crossing Heading To Long Wat</i>	0.33		*	Perolehan dengan persetujuan daripada GMTC. Tidak melalui Jawatankuasa Kos
<i>Repairing Of Abandoned Logging Access To Tegulang & Metalun Resettlements</i>	1.97		*	

Sumber: Sarawak Energy Berhad
Nota: * Sijil masih dalam proses

c. Maklum balas daripada UPN bertarikh 30 Disember 2015, menyatakan bahawa:

- i. Bayaran sebenar yang telah dibuat untuk semua kontrak yang disenaraikan dalam Jadual 1.11 adalah berjumlah RM215.04 juta dan Jadual 1.12 berjumlah RM6.76 juta kecuali *Package T6* dan *Package M6 (Work in progress)* serta *Temporary Clinic for Tegulang* dan *Temporary Clinic for Metalun (Handover in progress)*. Semua kos projek yang dikemukakan melalui Jawatankuasa Kos akan dibayar balik oleh Kerajaan Negeri.
- ii. Semua projek yang disenaraikan dalam Jadual 1.12 adalah atas arahan daripada pihak Jawatankuasa Kerja Utama Murum (MMWC) dan diluluskan oleh *SEB Group Management Tender Committee* (GMTC) kecuali *Replacement of Collapsed Timber Crossing Heading to Long Wat & Repairing of Abandoned Logging Access to Tegulang & Metalun*. Projek ini dikendalikan SEB dan diluluskan oleh GMTC berdasarkan “emergency”

procurement” di mana akses ke penempatan telah terputus dan menjasakan pergerakan dan aktiviti harian serta persekolahan anak-anak mereka. Semua kerja tambahan ini akan dikemukakan kepada Kabinet untuk kelulusan.

Pada pendapat Audit, memandangkan proses perolehan bagi Program Penempatan Semula Murum telah ditetapkan, SEB sepatutnya mematuhi proses tersebut sepenuhnya dan memastikan semua tender dikemukakan kepada Jawatankuasa Kos sebelum diputuskan. Bagi perolehan kecemasan, ia sepatutnya dirujuk kepada Jawatankuasa Kos sebaik sahaja keputusan dibuat.

1.4.4.5. Komponen Penempatan Semula Penduduk Murum

Kerajaan Negeri Sarawak berusaha supaya kebajikan komuniti yang terjejas di Murum terjaga dan mungkin lebih baik daripada yang sebelumnya. Selain mengambil kira ganti rugi dan pemulihan sara hidup, Kerajaan Negeri juga berusaha untuk membasmikan kemiskinan melalui program tersebut. Program penempatan semula dianggap berjaya dan pemaju projek boleh ditamatkan tanggungjawabnya apabila komuniti berupaya berdikari dengan pendapatan yang konsisten dan tahap kehidupan berada di atas paras *subsistence* iaitu komuniti berupaya menghasilkan pendapatan bagi tujuan simpanan serta pelaburan tanpa bantuan kewangan.

a. Komponen Utama

Komponen utama pakej penempatan semula penduduk Murum seperti yang diringkaskan daripada MRAP adalah seperti di **Jadual 1.13**.

Jadual 1.13
Ringkasan Komponen Utama Penempatan Semula Penduduk Murum

Bil.	Komponen
1.	Tanah seluas 15 ha bagi infrastruktur, rumah, kebun dan tanaman komersial
2.	Bayaran <i>ex-gratia</i> RM10,000 bagi setiap isi rumah
3.	Geran pemindahan dan upacara amal RM4,000 dan RM1,000 masing-masing setiap isi rumah
4.	Warisan Kebudayaan dan Pembangunan Sosial
5.	Rumah bersama bekalan elektrik dan air – satu bilik setiap isi rumah dan struktur lain
6.	Bantuan Sementara Penempatan Semula bagi setiap isi rumah: i. RM850 (RM250 tunai dan RM600 barang dari tahun 2013 hingga 2015) ii. RM500 maksimum sebulan pada tahun 2016 iii. Bantuan makan dimana perlu sahaja pada tahun 2017 dan 2018
7.	Sekolah dan klinik kesihatan
8.	Akses ke hutan untuk mengumpul makanan dan pemburuan

Sumber: Pelan Penempatan Semula Penduduk Murum

b. Pelaksanaan Pelan Penempatan Semula

Pembinaan MHEP melibatkan kawasan yang luas dan menimbulkan kesan secara langsung kepada 7 komuniti Penan dan Kenyah. Mengikut Minit Mesyuarat

Jawatankuasa Kerja Utama Murum Bilangan 5/2013 yang diadakan pada 20 Jun 2013 dan Minit Mesyuarat Penyediaan Untuk Penempatan Semula Long Wat pada 2 September 2013, pelaksanaan Pelan Penempatan Semula Penduduk Murum meliputi pakej pampasan dan penempatan semula yang menyeluruh oleh Kerajaan Negeri kepada komuniti yang terjejas. Pelaksanaan pelan adalah melalui 5 pakej dan maklumat secara ringkas adalah seperti di **Jadual 1.14**.

Jadual 1.14
Pelaksanaan Pelan Penempatan Semula Murum

Pakej	Perkara
1.	Pampasan Pemberian tanah, bayaran <i>ex-gratia</i> , geran pemindahan dan upacara amal serta kos untuk mengurus kubur
2.	Pemulihan Mata Pencarian (<i>Livelihood Restoration</i>) Pembinaan rumah panjang, kemudahan kampung dan penyediaan tapak seluas 0.5 ha setiap isi rumah untuk taman rumah (<i>Home Garden</i>)
3.	Penjanaan Pendapatan Program pertanian untuk pembangunan <i>home garden</i> 0.5 ha, kebun 2.5 ha dan pembangunan bagi baki 11 ha
4.	Pembangunan Pusat Perkhidmatan Sekolah rendah, klinik dan perkhidmatan pertanian
5.	Pembangunan Kemudahan Lain Sekolah menengah dan kemudahan lain

Sumber: Minit Mesyuarat Penyediaan Untuk Penempatan Semula Long Wat

i. Pakej 1 - Pampasan

- **Pemberian Tanah**

Tanah yang diambil untuk projek MHEP adalah untuk rumah, pertanian dan akses ke hutan. Sebagai ganti rugi untuk kehilangan tanah ini, Kerajaan Negeri telah memberikan tanah seluas 15 ha kepada setiap isi rumah yang telah didaftarkan atas dasar satu ha untuk tujuan komuniti seperti rumah, bangunan komuniti, jalan dan tempat ibadat, 0.5 ha bagi taman rumah (*Home Garden*), 2.5 ha untuk kebun, 4 ha untuk tanaman komersial (getah atau kelapa sawit) dan 6 ha untuk tanaman padi dan satu ha untuk tanaman sagu. **Maklum balas daripada JTS bertarikh 21 Julai 2015, memaklumkan bahawa hakmilik tanah bagi lot rumah, kebun dan komunal belum dapat dikeluarkan kepada ketua isi rumah yang terlibat dengan penempatan semula kerana proses pengukuran lot tanah yang terlibat belum siap sepenuhnya. Pengeluaran hakmilik tanah kepada ketua isi rumah akan dilakukan setelah kerja pengukuran selesai dilaksanakan.**

Pada pendapat Audit, proses survei dan agihan tanah perlu dipercepatkan untuk mengelak masalah pelaksanaan program pertanian.

- **Bayaran *Ex-Gratia***

Menurut Minit Mesyuarat Penempatan Semula Long Wat yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak pada 27 Ogos 2013, Kabinet telah meluluskan bayaran *ex-gratia* sebanyak RM10,000 bagi setiap isi rumah yang tidak mempunyai sebarang tuntutan pampasan ke atas tanah dan pokok buah-buahan. Bagi yang mempunyai tuntutan melebihi RM10,000 pampasan akan dibayar mengikut amaun sebenar. Semakan Audit mendapati pampasan tanah dan tanaman tidak dibayar dan sebaliknya bayaran *ex-gratia* sejumlah RM3.53 juta telah dibayar kepada penduduk di Tegulang dan Metalun pada bulan September hingga Disember 2013.

Maklum balas daripada SEB bertarikh 17 Disember 2015, menyatakan sejumlah RM6.35 juta telah dibayar untuk *ex-gratia* dengan tambahan bayaran sejumlah RM8,000 bagi setiap isi rumah melalui Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah bertarikh 5 Disember 2013.

- **Geran Pemindahan Dan Upacara Amal**

Kerajaan Negeri telah meluluskan bayaran geran pemindahan sejumlah RM4,000 untuk setiap isi rumah. Selain itu, sejumlah RM1,000 bagi setiap isi rumah juga dibayar untuk menampung kos upacara (*rituals*) mengikut adat komuniti. Pembayaran ini diuruskan oleh Pejabat Daerah Belaga dan SEB. Semakan Audit mendapati sejumlah RM2.95 juta telah dibayar sebagai geran pemindahan dengan kadar RM4,000 setiap isi rumah untuk Tegulang dan RM12,000 setiap isi rumah untuk Metalun manakala sejumlah RM0.35 juta untuk upacara amal. Semakan Audit seterusnya mendapati pemindahan komuniti yang terjejas telah selesai pada bulan Disember 2013. **Maklum balas daripada UPN bertarikh 30 Disember 2015, menyatakan bahawa tiada perbezaan kadar bayaran perpindahan antara penempatan semula di Tegulang dan Metalun. Jumlah bayaran secara keseluruhan yang diberi kepada semua 353 isi rumah adalah berjumlah RM8.12 juta atau RM23,000 bagi setiap isi rumah. Bayaran ini adalah *ex-gratia* berjumlah RM6.35 juta iaitu RM18,000 bagi setiap isi rumah, geran pemindahan berjumlah RM1.41 juta iaitu RM4,000 bagi setiap isi rumah dan *ritual* berjumlah RM353,000 iaitu sejumlah RM1,000 bagi setiap isi rumah.**

- **Warisan Kebudayaan Dan Pembangunan Sosial**

Kajian kebudayaan telah dijalankan oleh Jabatan Muzium pada tahun 2009 dan 2010 dan bertanggungjawab ke atas penempatan semula kubur dan pemeliharaan warisan kebudayaan komuniti yang terjejas. Semakan Audit mendapati sejumlah RM8.70 juta telah dibelanjakan untuk pampasan, perpindahan dan pengebumian semula kubur.

Pada pendapat Audit, kadar bayaran ex-gratia dan geran pemindahan adalah diluluskan oleh Kabinet dan disebutkan dalam dokumen persetujuan untuk perpindahan yang telah ditandatangani oleh penduduk yang terjeas. Sebarang tambahan kepada bayaran sepatutnya diluluskan oleh Kabinet dan bukan oleh Lembaga Pengarah SEB.

ii. Pakej 2 - Pemulihan Mata Pencarian

- Rumah Dan Struktur Yang Lain
 - Komuniti yang terjeas oleh MHEP disediakan rumah panjang baru di Tegulang dan Metalun. Rumah panjang ini adalah 2 tingkat, 3 bilik tidur, bilik mandi dan berstruktur kayu dengan *concrete foundation* serta mempunyai bekalan elektrik dan bekalan air bersih. Bekalan air akan diberi dengan percuma manakala bekalan elektrik adalah percuma untuk RM40 pertama sebulan setiap isi rumah bagi 5 tahun pertama. Dari tahun ke-6 dan seterusnya, hanya RM20 pertama adalah percuma. Semakan Audit mendapati 2 kontrak bernilai RM89.62 juta dan RM107.56 juta diurus untuk pembangunan rumah panjang, kerja infrastruktur, mekanikal serta elektrik dan 2 kontrak bernilai RM11.53 juta dan RM22.55 juta untuk sistem bekalan air bagi Tegulang dan Metalun.
 - Lawatan Audit ke tapak mendapati keadaan rumah panjang dan struktur lain seperti gereja kecil adalah memuaskan seperti contoh di **Gambar 1.7** hingga **Gambar 1.10**. Bekalan elektrik disediakan dengan menggunakan penjana kuasa elektrik. Seperti yang diputuskan pada mesyuarat penempatan semula komuniti Long Wat pada bulan Ogos 2013, untuk permulaan, bekalan elektrik dikekalkan kepada 6 jam dan penilaian dibuat untuk keperluan masa depan. Bekalan air percuma juga disediakan seperti di **Gambar 1.11** dan **Gambar 1.12**. **Mengikut maklum balas daripada UPN bertarikh 30 Disember 2015, menyatakan bahawa mulai daripada 20 Oktober 2015, penempatan semula Tegulang dan Metalun telah dibekalkan kegunaan elektrik selama 24 jam.**

Gambar 1.7
Rumah Panjang Di Long Menapa



26/08/2015

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Panjang, Long Menapa
Tarikh: 27 Ogos 2015

Gambar 1.8
Rumah Panjang Di Long Wat



27/08/2015

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Panjang, Long Wat
Tarikh: 27 Ogos 2015

Gambar 1.9
Rumah Panjang Di Long Singu



26/08/2015 10:58 AM

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Panjang, Long Singu
Tarikh: 26 Ogos 2015

Gambar 1.10
Gereja Kecil



26/08/2015

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Long Menapa
Tarikh: 26 Ogos 2015

Gambar 1.11
Bekalan Air Di Long Singu



26/08/2015

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Long Singu
Tarikh: 26 Ogos 2015

Gambar 1.12
Bekalan Air Di Long Wat



27/08/2015 10:45 AM

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Long Wat
Tarikh: 27 Ogos 2015

iii. Pakej 3 – Penjanan Pendapatan

- **Bantuan Sementara Penempatan Semula**

Bagi membolehkan komuniti yang terjejas membangunkan semula cara hidup dan memulihkan mata pencarian, Kerajaan Negeri juga memberikan bantuan sementara sejumlah RM850 sebulan kepada setiap isi rumah bagi tahun 2013 hingga 2015. Bantuan RM850 ini terdiri daripada RM250 tunai dan RM600 dalam bentuk barang keperluan. Pada tahun 2016 bantuan RM500 maksimum sebulan untuk setiap isi rumah akan diberi dan pada tahun 2017 dan 2018, bantuan makanan sahaja akan diberi di mana yang perlu. Unit Khas Penempatan Semula Murum adalah bertanggungjawab untuk memantau keadaan ini. **Mengikut maklum balas daripada UPN bertarikh 30 Disember 2015, menyatakan bahawa pembayaran bantuan RM250 (secara tunai) dan RM600 (dalam bentuk barang keperluan) telah dibayar dan dihantar serta-merta selepas penempatan semula penduduk yang terlibat bermula pada bulan September 2013 sehingga Disember 2015 berjumlah RM7.99 juta.**

- **Program Pembangunan Pertanian**

Program Pembangunan Pertanian meliputi membantu menanam *home garden* 0.5 ha dan membangunkan kebun 2.5 ha. Pada masa yang sama, komuniti dengan bantuan Kerajaan perlu membangunkan baki 11 ha tanah dengan ladang/tanaman komersial bagi memastikan pendapatan yang berterusan supaya mereka dapat berdikari. Jabatan Pertanian bertanggungjawab untuk mengadakan program latihan seperti menanam sayur serta berkebun supaya dapat menampung kehidupan di tempat baru.

Maklum balas daripada JPS bertarikh 21 Disember 2015, menyatakan bahawa satu pelan induk pembangunan pertanian jangka panjang (2012 - 2020) yang komprehensif dan bersepadu bagi kawasan Penempatan Semula Murum telah dirangka. Pelan induk ini terbahagi kepada 3 fasa iaitu pra perpindahan, peringkat awal perpindahan dan pasca perpindahan. Pelan ini mempunyai 11 jenis projek dan aktiviti yang terdiri daripada 6 komponen utama iaitu tanaman makanan, tanaman komersil, ternakan haiwan, ternakan ikan air tawar, pembangunan modal insan & khidmat sokongan dan prasarana pertanian. Pelan ini dikaji dari semasa ke semasa dan ditambah baik mengikut arahan pihak atas dan keperluan semasa.

- **Pembangunan Plot *Home Garden* 0.5 Ha**

- Bagi menjayakan program penempatan semula penduduk, Kerajaan Negeri juga membantu menyediakan plot tanah *home garden* 0.5 ha. Dua kontrak bernilai RM1.70 juta dan RM1.27 juta bagi pembersihan

kawasan plot diuruskan oleh SEB pada tahun 2013 di Tegulang dan Metalun. Selain itu, sejumlah RM7.80 juta telah dibelanjakan untuk projek *home garden*. Ini melibatkan 13 tender yang telah diberi pengecualian prosedur tender oleh Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak dalam tempoh tahun 2013 hingga 2014. Tender ini meliputi bekalan input pertanian seperti baja, bahan kimia, benih tanaman, pembinaan stor input pertanian, projek bekalan air, ternakan dan kerja penyediaan tanah serta penyenggaraan tanaman. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 1.15**.

Jadual 1.15
Butiran Lanjut Pengecualian Prosedur Tender Untuk *Home Garden*

Bil.	Butiran Pengecualian Prosedur Tender	Sumber Dan Jumlah Peruntukan	Butiran Kontrak
1.	SFS/WOT/3/01(7)(T-5) (3) bertarikh 25.3.2013.	1AZAM dan SEB. RM4,583,500	i. RM471,608 - kos untuk kerja kontrak melaksanakan projek <i>Home Garden</i> dan 1AZAM ii. RM2,228,842 - kos membekal baja dan racun iii. RM1,712,050 - kos membekal peralatan pertanian dan bahan tanaman iv. RM171,000 - kos pengangkutan dan pemantauan
2.	SFS/WOT/3/01(7)(T-2)(22) bertarikh 7.10.2013	SEB RM489,250 (Amanah A.7504)	i. RM117,391 - kos membekal input Pertanian (Tambah) Untuk Projek <i>Home Garden</i> dan 1AZAM ii. RM296,859 - kos untuk kerja kontrak tambahan untuk <i>Home Garden</i> dan Program 1AZAM iii. RM75,000 - kos pengangkutan dan pemantauan
3.	SFS/WOT/3/01/(7)(T-14)(8) bertarikh 6.1.2014	SEB RM440,500 (Amanah A.7504)	i. RM260,000- kos menyiapkan 7 unit water supply untuk projek <i>Home Garden</i> ii. RM180,500 - kos menyiapkan 7 unit stor input pertanian bagi <i>Home Garden</i>
4.	SFS/WOT/3/01(8)(T-7)(11) bertarikh 10.6.2014	Jabatan Pertanian dan 1AZAM RM2,113,987	i. RM1,474,213 - kos bagi Tanaman, Ternakan, Perikanan dan Industri Asas Tani (IAT) untuk projek <i>Home Garden</i> ii. RM412,710 - kos penanaman semula, ternakan dan perikanan bagi projek <i>Home Garden</i> iii. RM227,213 - IAT dan kos pengangkutan serta pemantauan bagi <i>Home Garden</i>
5.	KP/ITTP/2/556 Jld.15 (25) bertarikh 22Julai 2014 Bayaran diurus oleh Pertubuhan Perladang Kawasan Belaga	Program Jom Bertani Projek fertigasi dan bekalan bahan input pertanian.	i. RM176,500

Sumber: Pejabat Pertanian Belaga

- Mengikut MRAP, pembangunan program pertanian dilaksanakan oleh Kerajaan dengan objektif untuk menanam 0.5 ha *home garden* bagi setiap isi rumah untuk memastikan sayur dan buah-buahan yang mencukupi bagi penduduk yang ditempatkan semula. Mengikut nota taklimat UPN mengenai MHEP Dan Program Penempatan Semula pada 21 Oktober 2014, keadaan *home garden* selepas penanaman adalah seperti contoh di **Gambar 1.13** hingga **Gambar 1.18**.

Gambar 1.13
Home Garden (Pisang)
Di Long Menapa



Sumber: Nota Taklimat UPN, 21 Oktober 2014

Gambar 1.14
Home Garden (Nenas)
Di Long Menapa



Sumber: Nota Taklimat UPN, 21 Oktober 2014

Gambar 1.15
Home Garden (Nangchem)
Di Long Singu



Sumber: Nota Taklimat UPN, 21 Oktober 2014

Gambar 1.16
Home Garden (Ubi Kayu)
Di Long Singu



Sumber: Nota Taklimat UPN, 21 Oktober 2014

Gambar 1.17
Home Garden (Sayur)
Di Long Wat



Sumber: Nota Taklimat UPN, 21 Oktober 2014

Gambar 1.18
Home Garden (Sayur)
Di Long Wat



Sumber: Nota Taklimat UPN, 21 Oktober 2014

- Lawatan Audit ke tapak penempatan semula penduduk di Metalun dan Tegulang pada 26 dan 27 Ogos 2015 mendapati plot *home garden* pada keseluruhanya adalah tidak memuaskan kerana tiada penyenggaraan dilakukan oleh Jabatan Pertanian. Keadaan plot *home garden* semasa

lawatan Audit adalah seperti contoh di **Gambar 1.19** hingga **Gambar 1.24**.

Gambar 1.19
Home Garden Di Long Menapa



26/08/2015

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Home Garden, Long Menapa
Tarikh: 26 Ogos 2015

Gambar 1.20
Home Garden Di Long Singu



26/08/2015

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Home Garden, Long Singu
Tarikh: 26 Ogos 2015

Gambar 1.21
Home Garden Di Long Wat



27/08/2015

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Home Garden, Long Wat
Tarikh: 27 Ogos 2015

Gambar 1.22
Home Garden Di Long Wat



27/08/2015

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Home Garden, Long Wat
Tarikh: 27 Ogos 2015

Gambar 1.23
Home Garden Di Long Malim Penan



27/08/2015 11:18 AM

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Home Garden, Long Malim Penan
Tarikh: 27 Ogos 2015

Gambar 1.24
Home Garden di Long Malim Kenyah



27/08/2015

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Home Garden, Long Malim Kenyah
Tarikh: 27 Ogos 2015

- Mengikut Laporan Prestasi Pencapaian Program Pembangunan Penempatan Semula Murum bagi bulan Julai 2015 yang disediakan oleh Jabatan Pertanian Belaga hanya 30% projek di Metalun dibuat penyenggaraan. Lawatan Audit juga mendapati selain daripada aktiviti penanaman, program pertanian seperti Jom Bertani, menternak ikan dan ayam juga diadakan di Metalun dan Tegulang. Prestasi program ini diperhatikan tidak memuaskan dan tidak diteruskan. Keadaan adalah seperti contoh di **Gambar 1.25** hingga **Gambar 1.27**.
- Maklum balas daripada JPS bertarikh 21 Disember 2015**, menyatakan bahawa penyenggaraan bermula pada bulan Jun sehingga Disember 2015. Semasa lawatan Audit (27 Ogos 2015) kerja penyenggaraan *Home Garden* masih di peringkat awal. Kerja penyenggaraan di Metalun belum bermula kerana fokus penyenggaraan adalah di Tegulang. Kerja-kerja penyenggaraan di Metalun hanya bermula pada bulan September 2015 (selepas Audit). Pada RMKe-11 (2016-2020) pembangunan dan penyenggaraan ladang akan menggunakan pendekatan sedia ada daripada komunal kepada individu. Pendekatan individu diyakini akan memberi fokus kepada perubahan minda (lebih komited) di kalangan golongan sasar.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Projek Fertigasi, Long Malim Kenyah
Tarikh: 27 Ogos 2015

Gambar 1.26
Reban Ayam Yang Tidak
Digunakan Di Long Malim Penan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Long Malim Penan
Tarikh: 27 Ogos 2015



Gambar 1.27
Projek Menternak Ikan Keli Di Long Wat

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Long Wat
Tarikh: 27 Ogos 2015

- **Maklum balas daripada JPS bertarikh 21 Disember 2015,** menyatakan bahawa Projek Jom Bertani pusingan pertama telah berjaya dengan hasil sebenar sebanyak 380kg/pusingan di Long Wat telah direkodkan. Pihak MARDI juga terlibat secara langsung untuk projek fertigasi ini terutamanya dari segi teknikal. Projek ini yang dimulakan secara komuniti akan diambil alih oleh individu yang dipilih dari kalangan belia. Sementara itu, projek ternakan ayam kacukan dilaksanakan secara komuniti tetapi penduduk terlibat telah mengambil keputusan untuk menternak secara individu menggunakan sumber sendiri dan membina kolam di kawasan rumah masing-masing.

Pada pendapat Audit, kerja penyenggaraan *home garden* perlu dijalankan secara berterusan dan pembangunan kebun 2.5 ha dan kebun komersial 11 ha juga perlu dipercepatkan supaya dapat membantu meningkatkan ekonomi kepada penduduk setempat.

iv. Pakej 4 – Pembangunan Pusat Perkhidmatan

- Kerajaan Negeri juga mencadangkan supaya pusat perkhidmatan utama dibangunkan di Tegulang dan pusat perkhidmatan kecil di Metalun bagi memberi perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk di kedua-dua tapak penempatan semula tersebut. Pusat ini akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan khususnya sekolah, klinik kesihatan dan Jabatan-jabatan Kerajaan. Mesyuarat Jawatankuasa Penempatan Semula Murum pada bulan Oktober 2012 mencadangkan agar sekolah K6 dan K9 dibina di kawasan penempatan semula Murum.
- Semakan Audit mendapati 2 kontrak bernilai RM0.30 juta dan RM0.40 juta telah diurus untuk pembinaan klinik sementara. Manakala 2 kontrak lagi bernilai RM2.20 juta dan RM1.83 juta bagi pengubahsuaian bangunan lama sebagai sekolah sementara di Tegulang dan Metalun masing-masing. Lawatan Audit ke tapak pada bulan Ogos tahun 2015 mendapati bangunan

sementara itu masih digunakan sebagai sekolah. Keadaan sekolah adalah seperti di **Gambar 1.28** hingga **Gambar 1.32**.

Gambar 1.28
SK Metalun Di Long Menapa



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SK Metalun, Long Menapa
Tarikh: 26 Ogos 2015

Gambar 1.29
Bilik Darjah SK Metalun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SK Metalun, Long Menapa
Tarikh: 26 Ogos 2015

Gambar 1.30
SK Tegulang Di Long Malim Kenyah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SK Tegulang, Long Malim Kenyah
Tarikh: 27 Ogos 2015

Gambar 1.31
Bilik Darjah SK Tegulang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SK Tegulang Long Malim Kenyah
Tarikh: 27 Ogos 2015



Gambar 1.32
Pra Sekolah Di Long Wat

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Long Wat
Tarikh: 27 Ogos 2015

- **Maklum balas daripada UPN bertarikh 30 Disember 2015, menyatakan bahawa bilangan murid yang berdaftar di SK Metalun adalah seramai 155 orang dan SK Tegulang 172 orang. Cadangan pembinaan bangunan tetap bagi SK Tegulang dengan kos siling RM28.50 juta dan SK Metalun dengan kos siling RM36.45 juta telah diluluskan di bawah RMKe-11.**
- Lawatan Audit ke tapak juga mendapati klinik kesihatan tetap belum disediakan dan sebagai langkah sementara, klinik kesihatan bergerak digunakan. Keadaan tapak klinik sementara untuk kegunaan pasukan klinik kesihatan bergerak semasa lawatan adalah seperti di **Gambar 1.33**.



**Gambar 1.33
Tapak Klinik Kesihatan Sementara, Long Menapa**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Klinik, Long Menapa
Tarikh: 26 Ogos 2015

- **Maklum balas daripada UPN bertarikh 30 Disember 2015, menyatakan bahawa lawatan pasukan Klinik Kesihatan bergerak ke Tegulang dan Metalun diadakan pada minggu pertama setiap bulan. Projek Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 7) Metalun berserta kuarters telah diluluskan dengan kos sejumlah RM8 juta di bawah RMKe-11.**

Pada pendapat Audit, pembinaan sekolah dan klinik kesihatan perlu dilaksanakan seperti dirancang selaras dengan kehendak *Resettlement Action Plan*.

1.4.5. Pengambilan Balik Tanah Dan Pampasan

1.4.5.1. Pada bulan September 2008 hingga Mac 2014, MPN telah meluluskan pengambilan balik tanah seluas 55,191.55 ha di Sungai Murum, Sungai Plieran, Sungai Danum, Sungai Tegulang dan Sungai Majoh di Belaga, Bahagian Kapit untuk MHEP. Pengambilan balik tanah ini melibatkan *Unsurveyed State Land* dan *Provisional Lease* untuk pembangunan 5 komponen utama MHEP iaitu *Dam Site and Reservoir*, *Residential Village Site and Private Access Road to Power House*, *Resettlement Sites and Services Centres*, *Forest Access* dan *Cemetery Site Phase 1*. Manakala pengambilan balik tanah bagi *Cemetery Site Phase 2* masih dalam proses kelulusan.

1.4.5.2. Pada tahun 2010 hingga bulan Disember 2015, JTS telah menerima peruntukan bagi pengambilan balik tanah sejumlah RM226.45 juta iaitu RM39.77 juta daripada SEB dan RM186.68 juta daripada KKA. Setakat bulan Disember 2015, perbelanjaan tersebut adalah sejumlah RM198.61 juta dan baki peruntukan daripada SEB yang tidak dibelanjakan adalah sejumlah RM27.84 juta. Daripada baki peruntukan tersebut, sejumlah RM27.55 juta telah dikembalikan kepada SEB manakala sejumlah RM0.26 juta untuk *Resettlement Sites and Service Centre* masih di JTS Bahagian Kapit dan sejumlah RM0.03 juta lagi iaitu bagi *Cemetery Site Phase 2* masih dalam proses pemulangan baki kepada SEB. Butiran mengenai pengambilan balik tanah dan pampasan setakat bulan Disember 2015 adalah seperti di **Jadual 1.16**.

Jadual 1.16
Butiran Mengenai Pengambilan Balik Tanah Dan Pampasan Setakat Bulan Disember 2015

Bil.	Komponen	Keluasan Tanah (Ha)	Peruntukan		Perbelanjaan (RM Juta)	Baki (RM Juta)	Butiran Perbelanjaan		
			Sumber Dana	Jumlah (RM Juta)			Kos Pampasan (RM Juta)	Kos Survei (RM Juta)	Kos Penilaian (RM Juta)
1.	<i>Dam Site and Reservoir</i>	25,817.24	RM0.87 juta (SEB)	187.55	187.27	0.28	186.72	0.54	0.01
			RM186.68 juta (KK)						
2.	<i>Residential Village Site and Private Access Road To Power House</i>	0.79	SEB	0.04	0.02	0.02	0.00	0.02	0.00
3.	<i>Resettlement Sites and Service Centres</i>	3,400.50	SEB	38.80	11.29	27.51	9.66	1.57*	0.06
		7,488.80							
4.	<i>Forest Access</i>	18,480.02	No acquisition is required.	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
5.	<i>Cemetery Site Phase 1</i>	4.20	SEB	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
	<i>Cemetery Site Phase 2</i>	Notices under progress	SEB	0.06	0.03	0.03	0.00	0.03	0.00
Jumlah		55,191.55		226.45	198.61	27.84	196.38	2.16	0.07

Sumber: Jabatan Tanah dan Survei Sarawak

Nota: * - Perbelanjaan bagi kos survei *Resettlement Sites and Service Centres* sejumlah RM1.57 juta adalah termasuk bayaran balik kos survei bagi *Cemetery Site Phase 1* sejumlah RM47,709 yang menggunakan peruntukan tersebut.

1.4.5.3. Semakan Audit mendapati Hakmilik Tanah bagi lot rumah, kebun dan *communal* belum dapat dikeluarkan kepada ketua isi rumah yang terlibat dengan penempatan semula akibat pembangunan MHEP. Mengikut maklumat daripada JTS yang diterima pada bulan Julai 2015, Hakmilik Tanah belum dapat dikeluarkan kerana proses pengukuran lot tanah yang terlibat belum siap sepenuhnya disebabkan bantahan dan halangan oleh penduduk setempat sertakekangan peruntukan bagi kos pengukuran.

1.4.5.4. Selain itu, mengikut *Minutes Of Meeting To Discuss On The Unexpected Rising Water Level At Murum Flood Zone Within Shin Yang Forestry Sendirian Berhad And Danum Sinar Sendirian Berhad Areas* yang diadakan pada 7 April 2015 dan dipengerusikan oleh Pengarah UPN, Shin Yang Group of Companies telah mengemukakan tuntutan sejumlah RM62.75 juta bagi pokok kelapa sawit dan infrastruktur yang terjejas akibat *unexpected rising water level in the Murum HEP Reservoir Area*. Setakat tarikh pengauditan, tuntutan ini masih dalam proses semakan oleh Kerajaan Negeri.

1.4.5.5. **Maklum balas daripada JTS bertarikh 21 Disember 2015**, menyatakan bahawa baki peruntukan sejumlah RM27.55 juta dikembalikan kepada SEB kerana tidak dibelanjakan. Baki peruntukan sejumlah RM0.26 juta yang masih berada di JTS Bahagian Kapit adalah untuk kos pengukuran lot tanah bagi tujuan komuniti di kawasan penempatan semula Long Malim (Penan) dan juga untuk pengukuran lot tanah bagi tujuan *Home Garden* (0.5 ha) bagi kawasan penempatan semula Long Malim (Penan) dan Long Malim (Kenyah) di Tegulang. Bagaimanapun, pengukuran tidak dapat dilaksanakan kerana terdapat bantahan daripada komuniti Long Lawen yang menuntut hak ke atas kawasan penempatan semula Tegulang.

1.4.5.6. Pengukuran *Cemetery Site Phase 2* di Long Luar, Long Tangau, Long Malim dan Long Menapa telah siap dilaksana melibatkan perbelanjaan sejumlah RM0.03 juta. **Maklum balas daripada JTS bertarikh 29 Mac 2016**, menyatakan bahawa baki peruntukan yang tidak dibelanjakan bagi projek *Cemetery Site Phase 2* sejumlah RM0.03 juta telah dikembalikan kepada SEB pada bulan Januari 2016. Manakala pengukuran untuk lot kediaman dan lot *Home Garden* telah selesai pada tahun 2015 kecuali untuk lot *Home Garden* di Long Malim (Penan) dan Long Malim (Kenyah) serta lot untuk kediaman di Long Malim (Penan).

1.4.5.7. Mesyuarat *Murum Main Working Committee 1/2015* yang diadakan pada 11 Mac 2015 dan dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, menyatakan bahawa JTS telah dinasihatkan untuk mengemukakan rekomendasi pengeluaran surat hakmilik bagi lot yang telah siap diukur kepada Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar (KPSAS). **Maklum balas daripada JTS bertarikh 29 Mac 2016**, menyatakan bahawa rekomendasi pengeluaran surat hakmilik bagi lot yang telah selesai diukur telah dikemukakan kepada KPSAS pada bulan Mac 2016 dan kini masih menunggu kelulusan.

1.4.5.8. Jabatan Tanah dan Survei Sarawak juga memaklumkan bahawa Mesyuarat *Unexpected Rising Water Level At Murum Flood Zone Within Shin Yang Forestry Sendirian Berhad and Danum Sinar Sendirian Berhad Areas* pada 17 September 2015 yang dipengerusikan oleh Pengarah UPN telah mencapai persetujuan sempadan peningkatan 540 MASL kepada 547 MASL yang layak dituntut. Shin Yang telah mengemukakan tuntutan manakala JTS kini masih dalam proses semakan terhadap tuntutan tersebut.

Pada pendapat Audit, justifikasi bagi pembayaran pampasan akibat *unexpected rising water level in the Murum HEP Reservoir Area* hendaklah dikaji dengan teliti dan mendapat nasihat perundangan serta diluluskan oleh Kerajaan Negeri sebelum bayaran dapat dibuat.

1.4.6. Pelan Kecemasan Keselamatan Empangan Dan *Emergency Response Plan*

1.4.6.1. Pelan Kecemasan Keselamatan Empangan

- a. Pelan Kecemasan Dan Keselamatan Empangan (*Dam Safety Emergency Plan - DSEP*) telah disediakan semasa peringkat pembinaan bagi fasa projek oleh SEB dan telah disemak semula untuk disesuaikan dengan fasa operasi oleh Bahagian *Civil Asset Infrastructure Hydro* SEB untuk kegunaan kakitangan pasukan projek, pasukan operasi dan penyenggaraan SEB serta kakitangan kontraktor utamanya iaitu TGDCM semasa pembinaan dan menyiapkan stesen janakuasa, *water intake*, *spillway*, empangan utama, *saddle dam* dan pemasangan *generating turbine* serta pentauliahan MHEP dan juga semasa tempoh interim penakungan air. Pelan ini meliputi perkara keselamatan empangan dan situasi kecemasan yang mungkin berlaku di MHEP dan menerangkan prosedur yang perlu diikuti bagi menyiasat dan memberi amaran kepada *emergency personnel* supaya mereka bersiap sedia dan mengambil tindakan yang perlu bagi melindungi penduduk di hilir sungai dan harta benda.
- b. Pelan Kecemasan Dan Keselamatan Empangan antaranya mengandungi butir-butir seperti berikut:
 - i. Butiran kawasan hilir sungai yang dijangka mengalami banjir.
 - ii. Orang atau orang perseorangan/organisasi yang bertanggungjawab untuk pelan kecemasan ini.
 - iii. Orang atau orang perseorangan/organisasi yang akan memaklumkan sekiranya berlaku kecemasan.
 - iv. Prosedur untuk mengenal pasti, menilai dan mengklasifikasi potensinya berlaku kecemasan.
 - v. Tindakan, tanggungjawab dan protokol komunikasi.
 - vi. Laluan proses pemindahan dan stesen pemindahan.
 - vii. Mod kemungkinan kegagalan.
 - viii. Pemantauan keselamatan empangan.

- c. Tujuan Pelan Kecemasan Dan Keselamatan Empangan adalah untuk:
 - i. *Identify dam safety events which could endanger the integrity of the Dam and the appurtenant structures that require immediate action.*
 - ii. *Prescribe procedures to be followed by SEB staff and TGDCM to respond to and mitigate these emergency conditions at the dam and appurtenant structures:*
 - *Provide timely notification to the appropriate emergency management agencies for their implementation of the Emergency Response Plan (ERP) for downstream communities, in the event that a dam safety emergency is imminent.*
 - *Provide for a plan of action to carry out repairs and reduce the impact of any such event where possible.*
 - *Provide information to all stakeholders to allow for an informed evaluation/risk informed decision to be made during emergency events.*
- d. Taklimat kesedaran DSEP telah diberi kepada pegawai SEB dan TGDCM sebelum proses penakungan empangan dijalankan. Soal selidik juga telah disediakan dan dihantar kepada pegawai SEB dan TGDCM bagi mengesahkan kefahaman masing-masing berhubungan dengan DESP serta untuk memastikan pegawai utama mengetahui peranan serta tanggungjawab mereka berkaitan dengan DSEP dan tindakan-tindakan yang perlu diambil. Semakan Audit mendapati tiada rekod dikemukakan yang menunjukkan simulasi telah dijalankan oleh pihak SEB seperti yang disarankan dalam Laporan *Independent Dam Safety Impoundment Phase - Report No. 2* oleh ENTURA.
- e. **Maklum balas daripada UPN bertarikh 30 Disember 2015, menyatakan bahawa SEB telah menjalankan latihan simulan DSEP (*DSEP Drill Simulation*) yang disyorkan oleh perunding pada bulan Oktober 2015 dan latihan ini dijalankan secara tahunan. Selain itu, SEB juga telah melaksanakan 25 daripada 31 Dam Safety Assessment Impoundment Phase – Report No.2 bertarikh 18 Mac 2015 dan 6 perkara selebihnya masih dalam proses.**

1.4.6.2. Emergency Response Plan

- a. *Emergency Response Plan (ERP)* merupakan pelan yang formal dan terperinci dengan mengenal pasti potensi ancaman yang boleh berlaku dan mencadangkan prosedur untuk minima kehilangan nyawa serta kerosakan harta. Fungsi utama ERP adalah mengadakan prosedur untuk menilai keadaan di tapak empangan yang boleh mengakibatkan kegagalan empangan dan kenal pasti secara jelas keadaan yang mana ERP hendaklah diumumkan. Fungsi kedua ERP pula adalah kenal pasti strategi yang akan diambil berikut penemuan keadaan kecemasan untuk menghalang ancaman dari berlaku atau melambatkan berlakunya sehingga penduduk *downstream* telah dimaklum.

- b. Satu perjanjian telah ditandatangan antara SEB dengan Unimas Holdings Sendirian Berhad pada bulan Mac 2012 untuk mengkaji dan menyedia ERP bagi MHEP. Antaranya butiran dikaji adalah potensi ancaman keselamatan projek, survei terhadap kawasan *downstream* empangan, struktur *intake* dan *power house* supaya menyedia satu rekod yang lengkap tentang bilangan penduduk, infrastruktur serta aktiviti termasuk kenal pasti *evacuation point/relief centre* bagi setiap kampung yang mungkin terjejas jika ancaman keselamatan berlaku. Skop kajian ERP hendaklah mengandungi butiran berikut:
 - i. Prosedur pemakluman ancaman keselamatan termasuk cara komunikasi dan sistem/peralatan amaran/warning yang awal.
 - ii. Pelan pengurusan bencana yang termasuk *evacuation, rescue and recovery phase*. Pelan perlu termasuk struktur organisasi dan tanggungjawab secara jelas selaras dengan polisi Kerajaan.
 - iii. Pelan tindakan pencegahan.
 - iv. Kesediaan sumber dan bekalan yang diperlu semasa kecemasan.
 - v. Prosedur latihan.
 - vi. Syor-syor untuk tindakan lanjut pada masa depan.
- c. Mengikut *Draft Kabinet Paper The Preparedness For The Impoundment Of The Murum Hydroelectric Project* untuk memaklumkan MMKN berdasarkan kajian oleh perunding dilantik UPN, ERP bagi MHEP telah disediakan dan ERP bagi Hidroelektrik Bakun pula telah dikemaskini dengan mengambil kira *cascading effect of hypothetical Murum and Bakun Dam failure*.
- d. **Maklum balas daripada KKA bertarikh 17 Disember 2015, menyatakan bahawa laporan ini telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sarawak pada 16 Mei 2013 dan dikemukakan kepada agensi-agensi berkaitan untuk rujukan dan tindakan lanjut. Kementerian ini meminta nasihat dan panduan daripada Agensi Pengurusan Bencana Negara yang baru ditubuhkan dibawah Jabatan Perdana Menteri untuk mengadakan latihan simulasi ERP bersama agensi-agensi yang terlibat.**

Pada pendapat Audit, *Emergency Response Plan* perlu dimaklumkan kepada agensi yang terlibat secara berkala.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan projek Hidroelektrik Murum dapat memberi manfaat sepenuhnya kepada rakyat, Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak Diperbadankan, Sarawak Energy Berhad, Jabatan Pertanian dan Jabatan Tanah Dan Survei adalah disyorkan untuk mengambil tindakan seperti berikut:

1.5.1. Sarawak Energy Berhad sebagai pelaksana projek perlu mematuhi proses perolehan dan kadar bayaran yang ditetapkan sepenuhnya. Sebarang perubahan skop atau kadar bayaran hendaklah mendapat kelulusan Kerajaan Negeri terlebih dahulu.

1.5.2. Jabatan Pertanian Sarawak perlu memastikan kerja penyenggaraan *home garden* dijalankan secara berterusan dan melibatkan penduduk setempat secara langsung dan pembangunan kebun 2.5 ha serta kebun komersial 11 ha juga perlu dipercepatkan supaya dapat membantu meningkatkan ekonomi kepada penduduk setempat.

1.5.3. Jabatan Tanah Dan Survei perlu mempercepatkan kerja survei dan pengeluaran hakmilik tanah kepada komuniti yang terjejas bagi mengelakkan masalah pelaksanaan program pertanian.

JABATAN KERJA RAYA SARAWAK

LEMBAGA PEMBANGUNAN DAN LINDUNGAN TANAH

2. PENGURUSAN PENYENGGARAAN DAN PELUPUSAN KUARTERS KERAJAAN NEGERI SARAWAK

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Setakat tahun 2015, Kerajaan Negeri mempunyai 4,888 unit kquarters di bawah pentadbiran Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR) yang terdiri daripada berek, rumah pangsa, kquarters kelas A/B, G, H, C atau I, D atau II, E atau III, F atau IV dan rumah rehat yang telah didaftarkan secara manual dan dalam sistem *Building Quarters Management System* (BQMS). Daripada 4,888 unit kquarters tersebut, sebanyak 3,763 unit telah didiami manakala 1,125 unit masih kosong yang terdiri daripada 846 unit yang masih boleh didiami dan 279 unit yang rosak dan usang. Bilangan kquarters mengikut jenis dan kelas di seluruh Sarawak di bawah pentadbiran JKR adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Bilangan Kquarters Mengikut Jenis Dan Kelas Di Seluruh Negeri Sarawak
Di Bawah Pentadbiran JKR Setakat 2015

Bil.	Bahagian	Jenis/Kelas Kquarters										Jumlah (Unit)
		Berek	Rumah Pangsa	A/B	G	H	C/I	D/II	E/III	F/IV	Rumah Rehat	
1.	Kuching	118	149	2	59	-	54	4	8	59	-	453
2.	Sri Aman	180	-	-	-	-	3	15	35	56	-	289
3.	Sibu	119	129	1	-	-	2	30	16	133	3	433
4.	Miri	146	215	1	-	-	7	47	19	78	3	516
5.	Limbang	148	76	1	17	-	-	40	21	71	5	379
6.	Sarikei	199	55	1	-	-	-	12	24	98	5	394
7.	Kapit	251	50	-	32	-	5	8	30	81	-	457
8.	Samarahan	73	19	-	-	-	-	-	19	117	-	228
9.	Bintulu	155	122	-	53	-	1	8	26	39	-	404
10.	Mukah	157	53	-	19	11	12	29	92	285	7	665
11.	Betong	168	255	-	-	-	3	12	136	96	-	670
Jumlah		1,714	1,123	6	180	11	87	205	426	1,113	23	4,888

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

2.1.2. Selain itu, sebanyak 503 unit kquarters Kerajaan Negeri iaitu 238 unit di Bahagian Betong dan 265 unit di Bahagian Mukah yang terdiri daripada rumah teres, rumah berkembar dan rumah pangsa berada di bawah pentadbiran Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah (PELITA).

2.1.3. Penyenggaraan kquarters adalah di bawah tanggungjawab Jurutera Bahagian yang bertanggungjawab untuk membuat pelantikan kontraktor, memantau serta mengurus kerja penyenggaraan. Penyenggaraan yang dijalankan adalah meliputi penyenggaraan baik pulih kecil dan penyenggaraan baik pulih dan penambahbaikan. Manakala kerja penyenggaraan untuk 503 unit kquarters di Bahagian Betong dan Mukah adalah di bawah tanggungjawab

PELITA. Objektif penyenggaraan adalah untuk memelihara kuarters agar ia dapat didiami dengan selamat. Maklumat berkaitan penyenggaraan seperti keadaan bangunan dan penyenggaraan yang telah dilaksanakan akan dikemaskini oleh JKR Bahagian dan PELITA.

2.1.4. Peruntukan bagi penyenggaraan kuarters oleh JKR adalah daripada Kerajaan Negeri. Bagi tempoh 2013 hingga 2015 sejumlah RM55.98 juta telah diperuntukkan bagi menyenggara kuarters di seluruh Sarawak dan daripada jumlah tersebut sejumlah RM40.82 juta telah dibelanjakan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah memberi geran operasi berjumlah RM30 juta kepada PELITA untuk penyenggaraan kuarters di bawah tanggungjawabnya bagi tempoh 15 tahun mulai tahun 2012 hingga tahun 2027. Sejumlah RM0.89 juta telah dibelanjakan bagi tempoh 2013 hingga 2015.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan penyenggaraan dan pelupusan kuarters Kerajaan Negeri dilaksanakan dengan cekap, teratur dan berkesan serta mencapai objektifnya.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI AUDIT

Pengauditan terhadap pengurusan penyenggaraan dan pelupusan kuarters meliputi tahun 2013 hingga 2015. Semakan dibuat terhadap dokumen kontrak, fail perancangan, fail pelaksanaan, laporan kemajuan, minit mesyuarat dan rekod yang berkaitan di Ibu Pejabat dan pejabat bahagian JKR dan PELITA. Temu bual dengan pegawai dan penghuni yang terlibat serta pemeriksaan ke 166 kuarters yang dipilih di Bahagian Kuching, Samarahan, Betong, Sri Aman, Sibu, Mukah, Miri dan Limbang juga turut diadakan. *Exit Conference* telah diadakan pada 11 Januari 2016 bersama dengan wakil JKR, wakil PELITA, wakil Unit Pentadbiran dan Pengarah Unit Audit Dalam, Jabatan Ketua Menteri.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga November 2015 mendapati pada keseluruhannya Pengurusan Penyenggaraan Dan Pelupusan Kuarters Kerajaan Negeri bagi tempoh 2013 hingga 2015 adalah memuaskan dari segi pencapaian penyenggaraan kuarters. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan yang telah dikenal pasti seperti berikut:

- Kuarters mengalami kerosakan.
- Kualiti kerja penyenggaraan tidak memuaskan.
- Pangkalan data dalam BQMS tidak dikemas kini.
- Pelupusan kuarters tidak memuaskan.

2.4.1. Prestasi Penyenggaraan Kuarters

2.4.1.1. Prestasi penyenggaraan baik pulih dan penambahbaikan di bawah perbelanjaan pembangunan adalah berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicators*) Cawangan Aset Bangunan JKR. Setiap Bahagian disasar sebanyak 5% setahun untuk penambahbaikan kuarters ke tahap yang baik, bersih dan selamat untuk didiami. Skop kerja dan anggaran kos penambahbaikan adalah berdasarkan tahap kerosakan dan faktor usia kuarters yang dapat dikelaskan kepada kerosakan ringan (15 tahun ke bawah), kerosakan sederhana (16 – 40 tahun), kerosakan berat (41 tahun ke atas) dan kerja pendawaian baru. Penyenggaraan di bawah Petunjuk Prestasi Utama ini telah bermula pada tahun 2012 dan dijalankan secara berperingkat dan meliputi skop kerja memasang atap baru, pendawaian semula elektrik, membuat semula sistem saluran paip, mengecat semula kuarters dan kerja penambahbaikan lain.

2.4.1.2. Bagi tempoh 2012 hingga 2015, JKR telah menyenggara 1,896 unit kuarters daripada 4,385 unit kuarters atau 43.2% melebihi sasaran 20% dengan perbelanjaan berjumlah RM35.37 juta di seluruh Sarawak. Semua bahagian berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan. Prestasi penyenggaraan untuk baik pulih dan penambahbaikan kuarters bagi tempoh 2012 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Prestasi Penyenggaraan Untuk Baik Pulih Dan
Penambahbaikan Kuarters Bagi Tempoh 2012 Hingga 2015

Bil.	Bahagian	Bil. Kuarters (Unit)	Bil. Kuarters Yang Dibaik Pulih Dan Penambahbaikan Pencapaian	
			(Unit)	(%)
1.	Kuching	453	138	30.5
2.	Sri Aman	289	169	58.5
3.	Sibu	433	193	44.6
4.	Miri	516	253	49.0
5.	Limbang	379	266	70.2
6.	Sarikei	394	101	25.6
7.	Kapit	457	113	24.7
8.	Samarahan	228	53	23.2
9.	Bintulu	404	324	80.2
10.	Mukah	400	162	40.5
11.	Betong	432	124	28.7
Jumlah		4,385	1,896	43.2

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

2.4.1.3. Selain daripada penyenggaraan tersebut, JKR juga menjalankan penyenggaraan baik pulih kecil ke atas 4,609 unit kuarters di seluruh Sarawak. JKR tidak menetapkan sasaran tertentu untuk penyenggaraan ini kecuali untuk kerja pemotongan rumput yang dijadualkan sekali sebulan. Penyenggaraan atau pemberian kuarters dibuat dari semasa ke semasa berdasarkan aduan kerosakan yang diterima dan kadang kala dilaksana secara *ad-hoc*. Kerja penyenggaraan yang dijalankan adalah seperti kebocoran, kerosakan paip, saluran air, sinki, mangkuk tandas, tingkap, pintu, suis elektrik dan pendawaian. Selain itu, JKR juga menyenggara kawasan luar kuarters seperti

pemotongan rumput dan dahan pokok. Bagi tempoh 2013 hingga 2015 sejumlah RM12.30 juta telah dibelanjakan untuk penyenggaraan ini.

2.4.1.4. Kuarters kosong hendaklah disenggara bagi membolehkan ianya diduduki pada bila-bila masa apabila ada permohonan. Semakan Audit mendapati pihak JKR tidak menyenggara kuarters kosong kerana kekangan peruntukan. Akibatnya banyak permohonan kuarters tidak dapat dipenuhi kerana keadaan kuarters yang usang dan rosak. Analisis Audit mendapati sebanyak 1,372 permohonan untuk mendiami kuarters Kerajaan Negeri telah diterima dan diproses oleh Lembaga Perumahan di setiap bahagian di Negeri Sarawak bagi tempoh tahun 2013 hingga tahun 2015. Bagaimanapun, hanya 852 permohonan atau 62.1% permohonan sahaja yang diluluskan berdasarkan kekosongan dan keadaan fizikal kuarters yang sedia ada.

2.4.1.5. MS ISO 9001:2008 menetapkan bahawa Bahagian Aset Bangunan JKR hendaklah memberi maklum balas dan melakukan pemeriksaan dalam tempoh 3 hari dari tarikh aduan diterima. Semakan Audit mendapati tempoh maklum balas yang diambil oleh pihak JKR terhadap aduan yang diterima adalah antara 1 hari hingga 19 hari. Manakala PELITA tidak menyelenggara daftar untuk merekodkan tempoh maklum balas berdasarkan aduan diterima walaupun pihak Audit dimaklumkan PELITA menetapkan setiap aduan akan diberi maklum balas selewat-lewatnya dalam masa 7 hari bekerja.

2.4.1.6. PELITA telah menandatangani perjanjian *Memorandum of Understanding* pada 12 September 2012 dengan Kerajaan Negeri. Penyenggaraan yang dijalankan adalah meliputi penyenggaraan pemulihan dan pencegahan. PELITA tidak menetapkan sasaran tertentu untuk dilaksanakan kerja penyenggaraan dan dijalankan dari semasa ke semasa berdasarkan aduan penghuni. Bagi tempoh 2013 hingga 2015 PELITA telah berjaya menyenggara 443 daripada 503 unit kuarters atau 88.1% di Bahagian Betong dan Mukah.

Pada pendapat Audit prestasi penyenggaraan kuarters oleh pihak JKR pada keseluruhannya adalah memuaskan kerana melebihi sasaran yang ditetapkan tetapi Petunjuk Pretasi Utama JKR perlu dikaji semula supaya lebih realistik. Pihak PELITA perlu menyelenggara daftar tempoh maklum balas aduan untuk memudahkan pemantauan penyenggaraan kuarters.

2.4.2. Kuarters Mengalami Kerosakan

2.4.2.1. Jabatan Kerja Raya dan PELITA hendaklah memastikan semua kuarters yang diduduki adalah selamat dan tidak membahayakan penghuni. Pemerhatian dan pemeriksaan Audit terhadap rumah pangsa No. 486, 487, 488 dan 493 yang didiami di Jalan Jee Foh, Krokop Miri pada bulan Oktober 2015 mendapati keadaan kerosakan rumah pangsa tersebut agak serius di mana banyak bahagian struktur bangunan tersebut seperti tiang, rasuk, lantai, dan siling telah rosak serta retak sehingga menampakkan tulang besi. Keadaan ini boleh merbahaya dan mengancam keselamatan penghuni yang mendiami kuarters tersebut seperti di **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.4**. Kerosakan 2

unit (blok 494 dan 495) rumah pangsa 4 tingkat di Jalan Jee Foh, Krokop pernah dibangkitkan pada Laporan Ketua Audit Negara Negeri Sarawak Tahun 2010 dan jenis kerosakannya pula didapati hampir sama. Semakan Audit terhadap kontrak kerja JKR mendapati kos bagi membaiki kerosakan tersebut adalah berjumlah RM1.05 juta.

Gambar 2.1
Lantai Yang Telah Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Pangsa No 486, Jalan Jee Foh,
Krokop Miri
Tarikh: 2 Oktober 2015

Gambar 2.2
Siling Yang Telah Retak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Pangsa No 486, Jalan Jee Foh,
Krokop Miri
Tarikh: 2 Oktober 2015

Gambar 2.3
Rasuk Yang Telah Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Pangsa No 486, Jalan Jee Foh,
Krokop Miri
Tarikh: 2 Oktober 2015

Gambar 2.4
Tiang Yang Telah Retak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Pangsa No 486, Jalan Jee Foh,
Krokop Miri
Tarikh: 2 Oktober 2015

2.4.2.2. Lawatan Audit ke kuarters kelas III No. 335, Jalan Muhibbah, Sri Aman yang didiami pada bulan Ogos 2015 mendapati kuarters tersebut mengalami kerosakan yang agak serius di mana berlaku keretakan pada dinding dan tiang. Selain itu, didapati berlaku juga mendapan tanah di kawasan berkenaan menyebabkan berlaku keretakan pada lantai konkerit di bahagian bawah kuarters. Adalah tidak dapat dipastikan sama ada pihak JKR telah menjalankan pemeriksaan ke atas kuarters tersebut kerana tiada maklumat mengenainya. Keadaan kuarters tersebut adalah seperti di **Gambar 2.5** dan **Gambar 2.6**.

Gambar 2.5

Kuarters Mengalami Keretakan Pada Dinding Dan Tiang




Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kuarters No 335, Jalan Muhibbah,
Sri Aman

Tarikh: 28 Ogos 2015

Gambar 2.6



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kuarters No. 335, Jalan Muhibbah,
Sri Aman

Tarikh: 28 Ogos 2015

2.4.2.3. Maklum balas daripada JKR bertarikh 11 Januari 2016, menyatakan kerja baikpulih sedang dilakukan secara berperingkat bergantung kepada peruntukan yang diterima.

2.4.2.4. Lawatan Audit pada bulan Ogos 2015 ke kuarters rumah berkembar dua tingkat No. 61 hingga No. 66 yang kosong di Bahagian Betong di bawah kelolaan PELITA mendapati mendapan di kuarters tersebut di mana lantai kuarters tersebut tergantung seperti di **Gambar 2.7** dan **Gambar 2.8**.

Gambar 2.7

Kuarters Mengalami Mendapan



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kuarters No 62, Kompleks Perumahan
Kerajaan Negeri, Betong

Tarikh: 25 Ogos 2015

Gambar 2.8



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kuarters No 62, Kompleks Perumahan
Kerajaan Negeri, Betong

Tarikh: 28 Ogos 2015

2.4.2.5. Pihak Audit difahamkan kuarters tersebut masih lagi di bawah tanggungjawab pihak kontraktor kerana kerosakan tersebut berlaku dalam tempoh masa membaiki kecacatan. Bagaimanapun, sehingga tarikh pengauditan tiada tindakan diambil bagi membaiki kerosakan di kuarters No. 61 hingga No. 66. **Maklum balas daripada PELITA bertarikh 11 Januari 2016, menyatakan kerosakan pada kuarters tersebut melibatkan kerosakan struktur yang mana ianya berlaku dalam tempoh Defect**

Liability Period. Pihak PELITA telah memaklumkan kontraktor akan membaiki kerosakan tersebut secara berperingkat. Maklum balas daripada PELITA bertarikh 29 Mac 2016, menyatakan pihak kontraktor sedang dalam proses membaik pulih kuarters yang mengalami kerosakan dan setakat 24 Mac 2016 kontraktor sedang menjalankan kerja baik pulih bagi kuarters bernombor 61 hingga 66.

Pada pendapat Audit pihak JKR perlu segera menjalankan kajian dan pemeriksaan yang teliti dan komprehensif terhadap rumah pangsa dan bangunan kuarters yang terlibat bagi menilai tahap kerosakan sama ada iaanya boleh dan ekonomi untuk dibaiki atau diambil tindakan untuk dilupuskan. Pemeriksaan tersebut perlu dijalankan bagi memastikan kuarters tersebut selamat diduduki dan tidak membahayakan penghuni. Selain itu, pihak PELITA wajar meminta pihak kontraktor untuk membaiki segera kerosakan kuarters yang terlibat.

2.4.3. Penyenggaraan Tidak Memuaskan

2.4.3.1. Penyenggaraan Kuarters Tidak Dilaksanakan Dengan Sempurna

Penyenggaraan kuarters JKR dilaksanakan secara kontrak melalui perolehan terus, sebut harga atau tender. Pemeriksaan Audit dari bulan Ogos hingga Oktober 2015 terhadap 166 unit kuarters mendapati terdapat 8 jenis kerja yang melibatkan 10 unit kuarters tidak dilakukan dengan sempurna. Kerja yang terlibat adalah seperti mengecat, membaik pulih tangga, mengganti tingkap, mengganti paip tangki septik, kerja penampalan dan *replaster*. **Gambar 2.9** hingga **Gambar 2.12** adalah contoh penyenggaraan yang tidak dibuat dengan sempurna.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: No.29, Kuarters Kelas IV, Lubuk Antu,
Sri Aman
Tarikh: 27 Ogos 2015

Gambar 2.10
Kayu Yang Buruk Tidak Diganti



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Berek No.86E, Jalan Layang-Layang,
Long Lama Miri
Tarikh: 29 September 2015

Gambar 2.11
Bingkai Tingkap Reput Tidak Diganti Sebelum Kerja Mengecat Baru Dijalankan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Room A, Flat F4, Semonggok,
Kuching
Tarikh: 20 Oktober 2015

Gambar 2.12
Cat Mengelupas Walaupun Baru Dicat Dalam Tempoh 2 Tahun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Berek No.85B, Jalan Layang-Layang,
Long Lama Miri
Tarikh: 29 September 2015

2.4.3.2. Maklum balas daripada JKR bertarikh 11 Januari 2016, menyatakan kekurangan kakitangan di JKR Bahagian menyebabkan pemantauan kurang rapi semasa kontraktor melakukan kerja di tapak. Selain itu, skop kerja dan spesifikasi tidak terperinci juga menyukarkan kontraktor melaksanakan kerja.

2.4.3.3. Penyenggaraan Baik Pulih Tidak Dilakukan


JKR hendaklah sentiasa menyenggara kuarters supaya ianya berada dalam keadaan baik dan selamat didiami. Lawatan Audit pada Ogos 2015 hingga Oktober 2015 ke 166 kuarters di Kuching, Samarahan, Sri Aman, Betong, Sibu, Mukah, Miri dan Limbang mendapati terdapat 94 kerosakan kerana penyenggaraan baik pulih tidak dilaksanakan oleh JKR. Bagi kuarters kosong, ianya terbiar dan usang. Ini boleh menyebabkan penghuni lain yang berdekatan merasa tidak selesa dan tidak selamat. Selain itu, jika dibiarkan berterusan Kerajaan akan menanggung kos penggantian dan pembaikan yang tinggi. Antara kerosakan disebabkan kuarters tidak disenggara oleh JKR adalah seperti di Gambar 2.13 hingga Gambar 2.16.

Gambar 2.13
Busut Anai-Anai Di Bawah Rumah Dan Mendapan Rumah Kuarters



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: No. 335 Kuarters Kelas III, Sri Aman (Didiami)
Tarikh: 28 Ogos 2015

Gambar 2.14
Pintu Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: No.59(A) Berek KM2 ½ Jalan Oya, Mukah (Didiami)
Tarikh: 10 September 2015

Gambar 2.15
Siling Rosak Dan Bocor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: No.20, Jalan SK Parish, Balingian Mukah (Didiami)
Tarikh: 11 September 2015

Gambar 2.16
Paip Main Hole Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Room A, Flat DE-3 Semonggok, Kuching (Kosong)
Tarikh: 20 Oktober 2015

2.4.3.4. Pemeriksaan Tahunan Tidak Dilaksanakan

- a. JKR bertanggungjawab untuk menyenggara kuarters selaras dengan Perkara 248 Perintah Am Negeri iaitu dengan memeriksa kuarters sekurang-kurangnya sekali setahun dan membaiki sekiranya diperlukan bagi memastikan aset Kerajaan berada dalam keadaan baik dan terpelihara. Semakan Audit mendapati bagi tempoh 2013 hingga 2015, JKR tidak menjalankan pemeriksaan tahunan terhadap semua kuarters seperti dikehendaki peraturan tersebut. Pemeriksaan dan penyeliaan hanya dijalankan terhadap kerja penyenggaraan yang dilaksanakan. Akibatnya pihak JKR tidak dapat menentukan keadaan terkini kuarters. Selain itu, senarai inventori tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini.

- b. Semakan Audit terhadap rekod inventori kuarters mendapat hampir kesemua Bahagian yang dilawati tidak mengemaskini rekod inventori kecuali Bahagian Betong dan Sibu. Terdapat bahagian yang baru mengguna pakai Borang Senarai Inventori Kuarters iaitu di Bahagian Samarahan. Selaras dengan Perkara 227, 234(1) dan 235(3) Perintah Am Negeri, pihak JKR Bahagian perlu menyediakan Borang Senarai Inventori untuk disemak oleh penghuni semasa baru memasuki dan mengosongkan kuarters.

- c. Lawatan Audit ke kuarters di Bahagian Sri Aman, Sibu, Mukah, Limbang dan Miri mendapat penghuni meletakkan perabot yang rosak/tidak digunakan di luar rumah tanpa memberitahu pihak JKR Bahagian masing-masing. Mengikut Perkara 228 Perintah Am Negeri, penghuni kuarters bertanggungjawab ke atas kerosakan atau kekurangan kepada perabot di dalamnya yang tidak disebabkan oleh haus dan lusuh. Antara contoh perabot yang diletakkan di luar rumah adalah seperti di **Gambar 2.17** dan **Gambar 2.18**.

Gambar 2.17

Perabot JKR Diletakkan Di Luar Rumah



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kelas G, Flat Baru, KM 2 ½ Jalan Oya,
Mukah

Tarikh: 10 September 2015

Gambar 2.18



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Flat Kelas F, Jalan 7 Batu Keliling
Pabahanan, Limbang

Tarikh: 1 Oktober 2015

- d. **Maklum balas daripada JKR bertarikh 11 Januari 2016, menyatakan pemeriksaan tahunan tidak dijalankan adalah disebabkan kekurangan kakitangan berbanding beban kerja menyukarkan kerja pemantauan dilakukan secara berkala.**

2.4.3.5. Penyenggaraan Kuarters Oleh PELITA

- a. Lawatan Audit dari bulan Ogos dan September 2015 terhadap 49 unit kuarters yang didiami di Bahagian Betong dan 19 unit kuarters di Bahagian Mukah mendapat 19 kuarters mengalami kerosakan. Contoh kerosakan tersebut adalah seperti di **Gambar 2.19** hingga **Gambar 2.21**.

Gambar 2.19
Resapan Air Di Siling



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 851 Taman Pelita Fasa II, Mukah
Tarikh: 9 September 2015

Gambar 2.20
Pintu Pagar Besi Berkarat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pelita Fasa I, Mukah
Tarikh: 9 September 2015



Gambar 2.21
Almari Dapur Rosak

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 895 Taman Pelita Fasa II, Mukah
Tarikh: 9 September 2015

- b. Lawatan Audit ke 30 unit kquarters di Bahagian Betong dan 4 unit kquarters di Mukah yang kosong pula mendapati 11 kquarters di Bahagian Betong mengalami kerosakan tetapi tidak disenggara walaupun terdapat 64 permohonan di Bahagian Mukah dan 3 permohonan di Bahagian Betong yang masih menunggu. Jenis kerosakan disebabkan kquarters tidak disenggara adalah seperti di **Gambar 2.22** hingga **Gambar 2.24**. PELITA memaklumkan bahawa tindakan telah diambil selepas teguran Audit.



Gambar 2.22
Perabot Rosak

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok H08, Rumah Pangsa Kompleks Perumahan, Kerajaan Negeri, Betong
Tarikh: 25 Ogos 2015

Gambar 2.23
Pintu Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: A35, Rumah Pangsa Kompleks
Perumahan Kerajaan Negeri, Betong
Tarikh: 25 Ogos 2015

Gambar 2.24
Pintu Telah Diganti



Sumber: PELITA
Lokasi: A35, Rumah Pangsa Kompleks
Perumahan, Kerajaan Negeri, Betong
Tarikh: 24 Januari 2016

Pada pendapat Audit pihak JKR perlu menjalankan pemeriksaan tahunan bagi memudahkan Jabatan menyediakan program penyenggaraan dan mengurus proses pelupusan kuarters dengan lebih teratur. Selain itu, pihak JKR hendaklah menyediakan skop kerja penyenggaraan yang lebih teliti. Pihak JKR dan PELITA juga perlu memantau kerja penyenggaraan yang dilaksanakan dengan lebih kerap dan rapi supaya objektif penyenggaraan tercapai.

2.4.4. Pangkalan Data Dalam *Building & Quarters Management System* (BQMS) Tidak Dikemas Kini

2.4.4.1. BQMS merupakan sistem yang merekod maklumat kuarters dan mempunyai 5 modul termasuk profil bangunan, permohonan baru, permintaan untuk kerja penyenggaraan, kekosongan dan konfigurasi sistem. Sistem dua fasa ini dibangunkan oleh Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. (SAINS) dengan kos berjumlah RM0.31 juta. Perjanjian kontrak antara SAINS dan Unit Pentadbiran (UP), Jabatan Ketua Menteri telah ditandatangani pada 22 Julai 2011 dan mula digunakan pada Disember 2011. Terdapat 4 pengguna untuk sistem ini iaitu JKR selaku pegawai perekodan data, JKR dan UP selaku pentadbir sistem, Setiausaha Lembaga Perumahan (UP, Pejabat Residen dan Pejabat Daerah) dan pemohon. Sebanyak 10 sesi latihan telah dikendalikan oleh SAINS dari tahun 2011 hingga 2014 yang melibatkan pegawai dari JKR, UP, Pejabat Residen dan Pejabat Daerah pelbagai bahagian.

2.4.4.2. JKR bertanggungjawab untuk mengemaskini profil kuarters dan kerja penyenggaraan manakala Lembaga Perumahan pula mengemaskini maklumat penghuni. Semakan Audit mendapati JKR telah merekodkan maklumat profil kuarters ke dalam sistem mengikut bahagian tetapi belum lagi merekodkan maklumat penyenggaraan kuarters ke dalam BQMS kerana maklumat penghuni masih belum dikemaskini dalam sistem oleh Lembaga Perumahan. Semakan Audit juga mendapati maklumat pelupusan kuarters tidak dapat dikemas kini dalam sistem BQMS dan perkara ini belum lagi

dikemukakan oleh JKR kepada Unit Pentadbiran, Jabatan Ketua Menteri untuk tujuan penambahbaikan sistem.

2.4.4.3. Maklum balas daripada JKR bertarikh 11 Januari 2016, menyatakan Lembaga Perumahan dan penghuni masih belum mengguna pakai BQMS dan lebih selesa menggunakan kaedah manual. JKR tidak membuat pengisian modul senggara melalui BQMS berikutan profil penghuni belum dikemas kini. Maklumat pelupusan kuarters hanya untuk menyatakan tarikh permohonan dan kelulusan Lembaga Pelupusan.

2.4.4.4. Maklum balas daripada Unit Pentadbiran, Jabatan Ketua Menteri bertarikh 12 Januari 2016, menyatakan kursus berkenaan BQMS telah diadakan untuk semua Setiausaha Lembaga Perumahan pada tahun 2014 tetapi tidak diambil tindakan sepenuhnya oleh Setiausaha Lembaga Perumahan.

Pada pendapat Audit pihak JKR dan Lembaga Perumahan perlu mengemas kini maklumat penyenggaraan dan pelupusan kuarters di dalam Sistem BQMS.

2.4.5. Pelupusan Kuarters Tidak Memuaskan

2.4.5.1. Pelupusan bangunan Kerajaan Negeri termasuk kuarters hendaklah dibuat mengikut Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil.1/2012. Pelupusan terhadap kuarters dibuat disebabkan keadaannya yang sangat daif dan usang, tidak selamat diduduki, tidak ekonomi dibaiki atau tidak lagi diperlukan oleh Jabatan. Proses kelulusan pelupusan hendaklah dilakukan dalam tempoh 6 minggu manakala pelupusan dilaksanakan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh kelulusan diterima. Semakan Audit mendapati setakat April 2015 sebanyak 279 unit kuarters dicadang untuk dilupuskan di seluruh Sarawak. Bagaimanapun, butiran terperinci kuarters yang terlibat tidak dikemukakan kepada pihak Audit. Oleh itu, maklumat berkaitan permohonan pelupusan kuarters seperti tarikh permohonan dan kelulusan tidak dapat ditentukan. Butiran cadangan pelupusan kuarters di Negeri Sarawak setakat April 2015 adalah seperti di **Jadual 2.3**.

**Jadual 2.3
Cadangan Pelupusan Kuarters Di Negeri Sarawak Setakat April 2015**

Bil.	Bahagian	Cadangan Untuk Dilupus (Unit)	Status
1.	Kuching	45	Tiada Maklumat
2.	Sri Aman	-	Tiada Maklumat
3.	Sibu	27	Tiada Maklumat
4.	Miri	-	Tiada Maklumat
5.	Limbang	82	Lulus untuk pelupusan (SFS/BOS/1/01(6)(T)(3) – 09.07.15
6.	Sarikei	-	Tiada Maklumat
7.	Kapit	6	Tiada Maklumat
8.	Samarahan	38	Tiada Maklumat
9.	Bintulu	34	Lulus untuk pelupusan (SFS/BOS/1/09(1)(3) – 29.05.15

Bil.	Bahagian	Cadangan Untuk Dilupus (Unit)	Status
10.	Mukah	39	Tiada Maklumat
11.	Betong	8	Tiada Maklumat
Jumlah		279	

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

2.4.5.2. Lawatan Audit pada September dan Oktober 2015 terhadap 112 kquarters yang belum dilupuskan di JKR Kuching, Samarahan, Betong, Miri, Sri Aman, Mukah, Limbang dan Sibu mendapati ada di antaranya sangat daif dan usang tetapi belum lagi dilupuskan. Selain itu, contoh kquarters yang telah dilulus untuk dilupuskan tetapi belum lagi dirobohkan seperti di **Gambar 2.25** hingga **Gambar 2.28**.

Gambar 2.25
Kquarters Yang Usang Tetapi Belum Dilupus



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: N0. 33, Jalan Ilmu, Serian Samarahan
Tarikh: 18 September 2015

Gambar 2.26



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: No 45, Jalan Setia, Marudi. Miri
Tarikh : 2 Oktober 2015

Gambar 2.27
Berek Usang Tetapi Belum Dilupus



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Berek N0. 28,Spaoh, Betong
Tarikh: 18 September 2015

Gambar 2.28
Kquarters Telah Diluluskan Untuk Dilupus Tetapi Belum Diroboh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: No.2, Spaoh, Betong
Tarikh: 18 September 2015

Pada pendapat Audit pihak JKR perlu mengemas kini rekod pelupusan kquarters dengan lebih teratur bagi memudahkan pemantauan serta mengambil tindakan segera untuk melupuskan kquarters yang sudah usang dan uzur.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi menjaga keselamatan dan keselesaan penghuni kuarters pihak JKR dan PELITA hendaklah mengambil tindakan seperti berikut :

2.5.1. Menjalankan kajian dan pemeriksaan yang komprehensif serta menilai terhadap tahap kerosakan rumah pangsa dan bangunan kuarters yang terlibat sama ada iaanya boleh dan ekonomi untuk dibaiki atau diambil tindakan untuk dilupuskan bagi memastikan kuarters tersebut selamat diduduki.

2.5.2. Menyediakan rancangan yang lebih realistik terhadap perancangan penyenggaraan kuarters berdasarkan peruntukan yang diterima serta memantau kerja penyenggaraan yang dilaksanakan oleh kontraktor dengan lebih kerap dan rapi supaya kerja yang dilakukan memenuhi syarat kontrak.

2.5.3. Mengemas kini rekod pelupusan dengan lebih teratur agar senang dipantau dan mengambil tindakan untuk melupuskan kuarters yang sudah usang atau menyediakan perancangan pelupusan yang komprehensif seperti pembinaan semula kuarters secara berperingkat di tapak kuarters yang dirobohkan.


JABATAN KERJA RAYA SARAWAK

3. PROJEK MENAIK TARAF DAN MENAMBAH BAIK JALAN TENG BUKAP/KAMPUNG SIRA/KAMPUNG NYABET/KAMPUNG TAIEE, BAHAGIAN KUCHING

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Pelaksanaan projek Menaik Taraf Dan Menambah Baik Jalan Teng Bukap/Kampung Sira/Kampung Nyabet dan Kampung Taiee, Bahagian Kuching telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada bulan Februari 2010 melalui Program Infrastruktur Tanah di bawah program *State Feeder Road*. Jalan ini di bahagi kepada 3 seksyen. Seksyen 1 bermula di Teng Bukap ke Kampung Nyabet sepanjang 9.6 kilometer(km). Seksyen 2 adalah menaik taraf jalan yang sedia ada di Kampung Nyabet sepanjang 0.8 km. Seksyen 3 bermula di Kampung Nyabet dan berakhir di Kampung Taiee sepanjang 3.1 km. Skop kerja termasuk membina jalan mengikut piawaian jalan Jabatan Kerja Raya (JKR) R3 sepanjang 13.5 km dengan 2 lorong, jalan pratuang/premix selebar 6 meter serta bahu tanah jalan di kedua-dua belah selebar 2.25m dan 3 jambatan konkrit bertetulang sepanjang 49 meter di Sungai Sira, Sungai Tusak dan Sungai Resong. Pelan lokasi jalan adalah seperti di **Peta 3.1**.

Peta 3.1
Jalan Teng Bukap/Kampung Sira/Kampung Nyabet/Kampung Taiee, Bahagian Kuching



Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

3.1.2. Projek ini bertujuan untuk menaik taraf jalan kampung berbatu kerikil, tanah atau berturap dengan tar sedia ada kepada jalan geometri piawaian Pertubuhan Kejuruteraan Jalan Malaysia (REAM) R3 untuk mempercepatkan aliran pengguna serta komoditi di kawasan tersebut, menyediakan perjalanan yang lebih selamat serta selesa, meningkatkan

status sosio ekonomi penduduk setempat, mempercepatkan hubungan komunikasi antara kawasan bandar dan luar bandar yang akan mendorong pertumbuhan ekonomi di kawasan tersebut terutama dalam pembangunan pertanian. Ini selaras dengan polisi Kerajaan Negeri untuk menggalak pembangunan infrastruktur asas tempatan dan mengurangkan jurang taraf kehidupan antara penduduk bandar dengan penduduk luar bandar.

3.1.3. Kontrak menaik taraf dan menambah baik jalan ini telah ditawarkan kepada M/S Team Engineering And Management Services (TEAM) secara rundingan terus pada harga kontrak sejumlah RM50.20 juta. Jabatan Kerja Raya adalah agensi pelaksana bagi projek ini. Pada Rancangan Malaysia Ke-7 (RMKe-7) hingga Rancangan Malaysia Ke-10, jumlah peruntukan yang diluluskan adalah sejumlah RM73.43 juta.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek Menaik Taraf Dan Menambah Baik Jalan Teng Bukap/Kampung Sira/Kampung Nyabet/Kampung Taiee, Bahagian Kuching dirancang dan dilaksana dengan teratur, cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan serta memberi manfaat kepada penduduk setempat.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek pengurusan termasuk perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek dari RMKe-7 hingga RMKe-10. Pengauditan dijalankan di Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan Sarawak (Kementerian), Ibu Pejabat JKR dan Pejabat JKR Wilayah Selatan. Pengauditan juga adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada Jabatan Tanah dan Survei Sarawak (JTS). Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak rekod, dokumen serta fail berkaitan dan mengkaji serta menganalisis data berkaitan dengan projek. Lawatan Audit ke tapak projek di Bahagian Serian dan temu bual dengan pegawai penyelia, perunding serta kontraktor berkenaan juga dilakukan untuk mendapat pengesahan serta maklum balas. *Exit Conference* telah diadakan pada 25 Januari 2016 dan dihadiri oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan Sarawak, Pengarah Jabatan Kerja Raya Sarawak dan wakil daripada Pejabat Wilayah Selatan JKR Sarawak.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2015 mendapati perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek Menaik Taraf Dan Menambah Baik Jalan Teng Bukap/Kampung Sira/Kampung Nyabet/Kampung Taiee, Bahagian Kuching oleh Kementerian dan JKR adalah memuaskan kecuali beberapa kelemahan seperti berikut:

- Reka bentuk projek jalan telah siap pada tahun 2005 tetapi pelaksanaan hanya dimulakan selepas 5 tahun menyebabkan kos meningkat sejumlah RM38.02 juta.

- Proses rundingan harga kontrak mengambil masa 27 bulan untuk dimuktamadkan.
- Perubahan Kerja sejumlah RM2.67 juta telah diluluskan dan pembinaan jajaran baru di Seksyen 2 dari CH.9+375m hingga CH.10+500m telah disiapkan oleh kontraktor tetapi Perjanjian Tambahan tidak dimuktamad dan ditandatangani.
- Kualiti kerja tidak memuaskan dari aspek keselamatan pengguna jalan, pematuhan piawaian serta spesifikasi kontrak dan pemasangan perabot jalan.

3.4.1. Prestasi Keseluruhan Projek

3.4.1.1. Projek menaik taraf dan menambah baik jalan ini telah dilulus pelaksanaannya pada RMKe-7 (1996-2000) di bawah projek Jalan Raya Kecil dengan nilai skim sejumlah RM8.50 juta dan peruntukan diluluskan sejumlah RM1.50 juta. Pada RMKe-7 hingga RMKe-10, jumlah perbelanjaan sebenar untuk projek ini adalah RM55.64 juta atau 82.9% daripada jumlah peruntukan RM67.09 juta yang diterima. Semakan Audit mendapati tempoh kontrak adalah 30 bulan bermula pada tarikh penyerahan tapak iaitu awal Disember 2012 dan dijadualkan siap pada awal Jun 2015. Satu Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa selama 32 hari telah diluluskan oleh JKR dan tarikh siap disemak semula adalah pada awal Julai 2015. Seksyen 1(CH.0+000m ke CH.9+3500m) dan Seksyen 3 (CH.10+450m ke CH.13+464m) termasuk 3 jambatan konkrit bertetulang di Sungai Sira, Sungai Tusak dan Sungai Resong serta paip air utama telah siap pada awal Jun 2015. Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan dan projek telah diserahkan balik kepada JKR pada bulan Jun 2015. Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi Seksyen 1 dan 3 adalah selama 12 bulan dan tamat awal Jun 2016. Seksyen 2 (CH.9+375m hingga CH.10+500m) yang dilaksanakan di bawah Perjanjian Tambahan telah bermula pada awal Oktober 2014 dan disiapkan pada akhir Oktober 2015 dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan pada akhir Disember 2015. Setakat bulan Disember 2015, sejumlah RM47.99 juta telah dibayar kepada kontraktor berkenaan. Projek ini telah siap sepenuhnya pada bulan Oktober 2015 dengan kos sebanyak RM52.87 juta termasuk kos kontrak utama dan penjajaran semula pada tahun 2015. Anggaran asal projek ini pada tahun 2005 ialah sebanyak RM14.85 juta sahaja.

3.4.1.2. Semakan Audit seterusnya mendapati walaupun reka bentuk projek jalan ini telah disiapkan oleh perunding pada tahun 2005, pelaksanaan projek ini tidak dapat diteruskan. Ini kerana peruntukan yang diterima sejumlah RM3.09 juta hanya mencukupi untuk bayaran kos reka bentuk perunding sejumlah RM0.64 juta dan kos pengambilan balik tanah sejumlah RM2.45 juta. Projek ini hanya diteruskan selepas 5 tahun iaitu setelah Kerajaan Negeri memutuskan pada bulan Julai 2010 untuk melaksanakan projek ini di bawah RMKe-9 dan RMKe-10 berikutan permohonan daripada M/S TEAM pada akhir Mac 2010.

3.4.1.3. Maklum balas daripada JKR bertarikh 6 Januari 2016, menyatakan bahawa projek ini telah diluluskan semenjak RMKe-7. Walau bagaimanapun peruntukan yang diterima hanya mencukupi untuk kos reka bentuk dan juga kos pengambilan balik tanah sahaja.

Pada pendapat Audit, projek yang siap direka bentuk hendaklah diteruskan pelaksanaannya bagi mengelak penyemakan semula reka bentuk asal disebabkan faktor masa dan seterusnya mengelak peningkatan kos.

3.4.2. Pengurusan Perolehan


3.4.2.1. Kebenaran daripada Setiausaha Kewangan Negeri hendaklah diperoleh terlebih dahulu bagi kos penambahan kerja melebihi RM1 juta dan Perjanjian Tambahan hendaklah ditandatangani bagi memelihara kepentingan Kerajaan.

3.4.2.2. Semakan Audit mendapati proses rundingan harga kontrak mengambil masa 27 bulan untuk dimuktamadkan iaitu dari bulan Julai 2010 hingga November 2012 berbanding 4 bulan 20 hari (140 hari) untuk tempoh pelaksanaan tender mengikut norma disarankan oleh Perbendaharaan bermula daripada penyediaan spesifikasi hingga pengeluaran Surat Setuju Terima. Kelewatan ini adalah kerana selepas projek diluluskan oleh MMKN pada bulan Julai 2010, pihak kontraktor telah menaikkan harga tawaran daripada asalnya RM71 juta kepada RM98.95 juta. Rundingan harga kontrak ini telah berlarutan sehingga bulan Oktober 2012, kontraktor bersetuju menawarkan pada harga RM50.20 juta iaitu RM12.40 juta atau 32.8% lebih tinggi daripada anggaran JKR sejumlah RM37.80 juta (berdasarkan Jadual Kadar JKR Sarawak 2010). Surat Setuju Terima telah dikeluarkan oleh JKR pada bulan November 2012 dan perjanjian kontrak telah dimeterai antara Kerajaan Negeri Sarawak dengan kontraktor berkenaan pada bulan Disember 2012.

3.4.2.3. Semakan Audit seterusnya mendapati pada tahun 2013, kerja menaik taraf dan menambah baik di Seksyen 2 dari CH.9+375m hingga CH.10+500m tidak dapat diteruskan kerana semasa pembinaan terdapat bantahan daripada 8 pemilik tanah yang tinggal di sepanjang jalan sedia ada di Kampung Nyabet. Pada bulan April 2014, jajaran jalan baru sepanjang 1.125 kilometer dicadangkan melibat anggaran kos tambahan sejumlah RM2.47 juta berdasarkan kadar seperti dokumen kontrak. Jajaran jalan asal dan jajaran jalan baru di Seksyen 2 dari CH.9+375m hingga CH.10+500m adalah seperti di **Peta 3.2**.

Peta 3.2.

Jajaran Jalan Asal Dan Jajaran Jalan Baru Di Seksyen 2 Dari CH.9+375m Hingga CH.10+500m



Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

3.4.2.4. Berdasarkan Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil.1/2011-Peraturan Arahan Perubahan Kerja (V.O) Bagi Projek-projek Di bawah Peruntukan Kerajaan Negeri bertarikh 13.09.2011, sebarang perubahan kerja yang melibatkan kos melebihi RM1 juta perlulah mendapat kebenaran Setiausaha Kewangan Negeri. Bagaimanapun, Kementerian pada bulan Jun 2014 dan pada lawatan tapak bulan September 2014 telah memutuskan pembinaan jajaran jalan baru dari CH9+375m hingga CH10+500m dengan tambahan kos sejumlah RM2.67 juta diteruskan dan mengarahkan supaya kerja pembinaan dimulakan dengan segera.

3.4.2.5. Permohonan Perubahan Kerja sejumlah RM2.67 juta bagi projek ini kemudian dikemukakan oleh JKR kepada Setiausaha Kewangan Negeri pada awal September 2014 dan diluluskan pada awal Oktober 2014 tertakluk kepada peruntukan yang mencukupi untuk kerja tambahan tersebut. Bagaimanapun pada pertengahan Oktober 2014, pihak kontraktor telah meningkatkan harga kepada RM3.36 juta tidak termasuk mananam cerucuk dan Cukai Barang Dan Perkhidmatan (G.S.T) dengan lanjutan masa selama 6 bulan. Alasan adalah peningkatan kos disebabkan kenaikan harga bahan binaan seperti petrol dan diesel serta kelewatan bayaran untuk perubahan kerja ini akan dibayar dalam bulan Januari 2016. Harga yang dikenakan oleh kontraktor untuk kerja pembinaan jajaran baru sahaja adalah RM0.89 juta atau 36.0% lebih tinggi daripada anggaran JKR sejumlah RM2.47 juta. Butiran perubahan kerja telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Perubahan Kerja untuk kelulusan. Pada bulan Mac 2015, JKR memutuskan untuk melaksanakan perubahan kerja untuk jajaran baru jalan ini dengan menyediakan Perjanjian Tambahan.

3.4.2.6. Mengikut perubahan kerja yang telah diluluskan oleh Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak pada bulan Oktober 2014, tempoh penyiapan kerja penjajaran semula ini adalah 120 hari iaitu bermula pada awal Oktober 2014 dan siap pada awal Februari 2015. Bagaimanapun, kerja ini telah disiapkan pada akhir Oktober 2015 iaitu kelewatan selama 8 bulan. Setakat akhir tahun 2015, tiada Tempoh Lanjutan Masa diluluskan dan denda yang dianggarkan sejumlah RM2.81 juta (RM10,994/hari x 256 hari) juga tidak dikenakan. Ini kerana pihak kontraktor tidak bersetuju dengan harga RM2.47 juta ditawarkan oleh JKR menyebabkan draf Perjanjian Tambahan yang disediakan pada bulan Ogos 2015 masih tidak dimuktamad dan ditandatangani setakat bulan Disember 2015. Kelewatan penyediaan dokumen kontrak tambahan akan menimbulkan masalah pembayaran dan status tanggungan kecacatan projek kerana kerja telah pun disiapkan oleh kontraktor. Selain itu, kerja membina jajaran baru ini juga telah menyebabkan siling RMKe-10 tidak mencukupi serta perlu penambahan peruntukan dalam RMKe-11 dianggarkan sejumlah RM2.30 juta (termasuk pampasan tanah dan bayaran kepada perunding).

3.4.2.7. Maklum balas daripada JKR bertarikh 6 Januari 2016, menyatakan bahawa cadangan jajaran awal digugurkan dan JKR hanya meningkat akses Kampung sedia ada untuk Seksyen 2 dimasukkan dalam kontrak. YB Menteri telah membuat lawatan kerja ke tapak projek untuk berbincang dengan penduduk dan cadangan untuk menggunakan jajaran alternatif di CH.9+375m hingga CH.10+500m telah dipersetuju. Kontraktor tidak bersetuju dengan harga pembinaan jajaran jalan baru. Kontraktor memaklumkan JKR pada awal September 2015 supaya mempertimbangkan pertambahan kos dan JKR masih dalam proses untuk menyelesaikan perkara ini.

Pada pendapat Audit, anggaran kos projek sepatutnya diperoleh terlebih dahulu daripada JKR sebagai asas rundingan dengan pihak kontraktor. Bagi perubahan kerja yang melibatkan kos tambahan melebihi RM1 juta, Kementerian hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Setiausaha Kewangan Negeri sebelum sebarang keputusan yang melibatkan implikasi kewangan dibuat.

3.4.3. Pemantauan Projek

3.4.3.1. Projek ini telah dilaksanakan secara rundingan terus dan Pengarah JKR Sarawak selaku Pegawai Penguasa Projek.

3.4.3.2. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan dalam pelaksanaan projek telah dibangkitkan dalam Laporan Audit Dalam JKR (Cawangan Siasatan) pada bulan Ogos 2014 melibatkan kemahiran kakitangan JKR dalam menjalankan ujian kawalan kualiti dipertikaikan, data serta keputusan ujian tidak diberi perhatian serta diterap mengikut kesesuaian. Selain itu, kekerapan dan keperluan ujian tidak dipantau secukupnya, tanda amaran tidak mencukupi di tambak serta kawasan cerun yang dipotong. Dari aspek pemeliharaan alam sekitar pula didapati langkah asas mengawal pemendapan tidak dipatuhi. Pada Mesyuarat Tapak No.13 bulan September 2014,

kontraktor berkenaan telah diminta membetulkan segala ketidakpatuhan yang dilaporkan dalam Laporan Audit Dalam tersebut. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan langkah pembetulan telah diambil oleh kontraktor berkenaan.

3.4.3.3. Lawatan Audit ke tapak pada 4 November 2015 bersama pihak JKR, perunding dan kontraktor berkenaan mendapati kelemahan seperti berikut:-

a. Struktur Sambungan Kedai Menceroboh Rizab Jalan

Adalah didapati struktur sambungan bangunan kedai telah menceroboh rizab jalan di permulaan *chainage* Jalan Teng Bukap. Struktur ini telah dikesan oleh kontraktor pada awal tahun 2015 bagaimanapun pemiliknya menuntut pampasan sekiranya struktur sambungan haram tersebut dirobohkan. Masalah ini telah dikemukakan oleh JKR kepada Pengguna Tanah Dan Survei Bahagian Kuching pada bulan April 2015 tetapi tiada penyelesaian dan struktur tersebut masih tidak dirobohkan. Struktur sambungan ini telah menghalang kerja pembinaan parit tepi jalan dan membahayakan keselamatan pengguna jalan. Struktur sambungan di persimpangan jalan adalah seperti di **Gambar 3.1**.



**Gambar 3.1
Struktur Sambungan Di Persimpangan Jalan**

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: CH0.00 Jalan Teng Bukap/Kampung Sira/Kampung Nyabet/Kampung Taiee, Bahagian Kuching

Tarikh: 4 November 2015

b. Pemasangan Rel Penghadang (*Guardrails*)

Adalah didapati rel penghadang dipasang tidak bersambung pada konkrit jambatan. Jarak di antara tiang rel penghadang yang dipasang oleh kontraktor adalah pada jarak 4 meter, yang sepatutnya pada jarak 2 meter sahaja. Rel penghadang tidak dipasang bersambung pada konkrit jambatan dan jarak tiang rel penghadang tidak menepati piawaian REAM R3 adalah seperti di **Gambar 3.2** dan **Gambar 3.3**. Selepas teguran Audit, kontraktor mendirikan semula tiang rel penghadang pada jarak 2 meter seperti di **Gambar 3.4**.



Gambar 3.2
Rel Penghadang Tidak Dipasang
Bersambung Pada Konkrit Jambatan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Teng Bukap/Kampung Sira/Kampung Nyabet/Kampung Taiee, Bahagian Kuching
Tarikh: 4 November 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Teng Bukap/Kampung Sira/Kampung Nyabet/Kampung Taiee, Bahagian Kuching
Tarikh: 4 November 2015

Gambar 3.4
Jarak Tiang Rel Penghadang Telah Dipasang Menepati Piawaian REAM R3



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Teng Bukap/Kampung Sira/Kampung Nyabet/Kampung Taiee, Bahagian Kuching
Tarikh: 11 Januari 2016

c. Pemasangan *Reflective Road Studs* Di Selekok Jalan


Mengikut Deskripsi Kerja untuk Cadangan Mengeluar Arahan Perubahan Kerja Nombor 2-Item A.27, sebanyak 113 *reflective road studs* dengan harga RM3,627 hendaklah dipasang pada permukaan jalan baru di Seksyen 2 untuk panduan pada waktu malam. Adalah didapati *reflective road studs* tidak dipasang di selekok jalan CH10+200m sepatutnya. *Reflective Road studs* tidak dipasang di selekok jalan adalah di **Gambar 3.5**. Selepas teguran Audit, *reflective road studs* telah dipasang oleh kontraktor seperti di **Gambar 3.6**.

Gambar 3.5
Reflective Road Studs Tidak Dipasang Di Selekeh Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: CH10+200m Jalan Teng Bukap/Kampung Sira/Kampung Nyabet/Kampung Taiee, Bahagian Kuching
Tarikh: 4 November 2015

Gambar 3.6
Reflective Road Studs Telah Dipasang Di Selekeh Jalan




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: CH10+200m Jalan Teng Bukap/Kampung Sira/Kampung Nyabet/Kampung Taiee, Bahagian Kuching
Tarikh: 11 Januari 2016

d. Lokasi Transverse Bar Di Simpang Jalan


Mengikut kontrak, sejumlah RM0.13 juta telah diperuntukkan bagi membekal kelas 'A' glass beads reflectorised material, lanour dan peralatan untuk menyiapkan thermoplastics road line marking, directional arrows dan transverse bar. Adalah didapati lokasi transverse bar kurang tepat iaitu diletak pada garis berhenti di simpang jalan dan tidak sebelumnya. Bagi keselamatan pengguna jalan, tanda arah transverse bar hendaklah ditunjukkan di lokasi yang bertepatan bagi memudahkan pemanduan. Lokasi transverse bar kurang tepat adalah seperti di **Gambar 3.7**. Selepas teguran Audit, kontraktor telah memadam tanda transverse bar seperti di **Gambar 3.8**.

Gambar 3.7
Lokasi Transverse Bar Kurang Tepat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: CH9+674m Jalan Teng Bukap/Kampung Sira/ Kampung Nyabet/Kampung Taiee, Bahagian Kuching
Tarikh: 4 November 2015

Gambar 3.8
Transverse Bar Dipadam Oleh Kontraktor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: CH.9+674m Jalan Teng Bukap/Kampung Sira/ Kampung Nyabet/Kampung Taiee, Bahagian Kuching
Tarikh: 11 Januari 2016

e. Pemasangan Papan Tanda Amaran (Chevron) Di Simpang Dan Selekeh Jalan

Lawatan Audit ke tapak mendapati *chevron* tidak dipasang di simpang CH.9+674m dan di selekeh jalan CH10+200m bagi menunjukkan terdapatnya simpang atau selekeh di kawasan terbabit. Ini boleh membahayakan keselamatan pengguna jalan raya terutama pada waktu malam memandangkan tiada lampu jalan dipasang di sepanjang jalan tersebut dan terdapat gaung di simpang jalan. *Chevron* tidak dipasang di simpang dan selekeh jalan adalah seperti di **Gambar 3.9** dan **Gambar 3.11**. Selepas teguran Audit, kontraktor telah memasang *chevron* di simpang dan selekeh jalan seperti di **Gambar 3.10** dan **Gambar 3.12**.

Gambar 3.9
Chevron Tidak Dipasang
Di Simpang Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: CH9+674m Jalan Teng Bukap/Kampung Sira/Kampung Nyabet/Kampung Taiee, Bahagian Kuching
Tarikh: 4 November 2015

Gambar 3.10
Chevron Telah Dipasang
Di Simpang Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: CH9+674m Jalan Teng Bukap/Kampung Sira/Kampung Nyabet/Kampung Taiee, Bahagian Kuching
Tarikh: 11 Januari 2016

Gambar 3.11
Chevron Tidak Dipasang
Di Selekeh Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: CH10+200m Jalan Teng Bukap/Kampung Sira/Kampung Nyabet/Kampung Taiee, Bahagian Kuching
Tarikh: 4 November 2015

Gambar 3.12
Chevron Telah Dipasang
Di Selekeh Jalan



Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak
Lokasi: CH10+200m Jalan Teng Bukap/Kampung Sira/Kampung Nyabet/Kampung Taiee, Bahagian Kuching
Tarikh: 6 Januari 2016

f. Cerun Tidak Dilindungi

Perkara AD2.2.8.1(a) Addendum No.S-1(REV.1-Okttober 1997) Standard Specification For Road Works menetapkan *the contractor is responsible for achieving an acceptable grass cover over all exposed, trimmed and completed cut and fill surfaces.* Perkara AD2.2.8.1 juga menetapkan *exposed cut faces and fill/embankment surfaces, shall be protected against erosion damage until the grass cover is achieved.* Semakan Audit mendapati sejumlah RM1 juta telah diperuntukkan dalam kontrak bagi *supply, lay and complete protective vegetation of all exposed surfaces by spot turfing including maintenance.* Lawatan Audit ke tapak mendapati rumput tidak meliputi permukaan cerun dengan sempurna bagi mengelak berlakunya hakisan tanah. Keadaan ini membahayakan pengguna jalan raya sekiranya berlaku tanah runtuh dan saliran tersumbat yang menyebabkan aliran air masuk ke arah permukaan jalan. Cerun yang tidak dilindungi dengan rumput sepenuhnya adalah seperti di **Gambar 3.13**. Selepas teguran Audit, kontraktor telah menanam semula rumput seperti di **Gambar 3.14**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Teng Bukap/Kampung Sira/
Kampung Nyabet/Kampung Taiee,
Bahagian Kuching
Tarikh: 4 November 2015



Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak
Lokasi: Jalan Teng Bukap/Kampung Sira/Kampung
Nyabet/Kampung Taiee, Bahagian Kuching
Tarikh: 6 Januari 2016

g. Penyenggaraan Tidak Dilaksanakan

Kawasan bahu jalan perlu disenggara daripada sebarang tumbuhan liar. Adalah didapati rumput dan tumbuhan liar tidak disenggara sehingga menjalar ke saliran serta parit dan menutup aliran air. Kontraktor perlu melaksanakan penyenggaraan berkala bagi pemotongan rumput, pembersihan parit serta pembetung dan penyenggaraan tanda jalan semasa tempoh tanggungan kecacatan. Parit jalan yang tidak disenggara adalah seperti di **Gambar 3.15**. Selepas teguran Audit, kerja pemotongan rumput dan pembersihan parit telah dijalankan seperti di **Gambar 3.16**.

Gambar 3.15
Parit Jalan Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: CH10+500m Jalan Teng Bukap/Kampung Sira/Kampung Nyabet/Kampung Taiee, Bahagian Kuching
Tarikh: 4 November 2015

Gambar 3.16
Kerja Pembersihan Parit Jalan Telah Dijalankan



Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak
Lokasi: CH10+500m Jalan Teng Bukap/Kampung Sira/Kampung Nyabet/Kampung Taiee, Bahagian Kuching
Tarikh: 6 Januari 2016

h. Ketebalan Lapisan Tapak (Wearing Course) Tidak Mengikut Spesifikasi Kontrak

Mengikut lukisan kontrak, ketebalan lapisan tapak yang ditetapkan untuk projek jalan ini adalah 50mm (ACW20). Semakan Audit mendapati Cawangan Siasatan JKR telah menjalankan ujian ketebalan (Coring Test) di 7 lokasi jalan ini pada bulan Mei 2015. Mengikut keputusan Pusat Makmal Bahan-bahan JKR, ketebalan konkrit asfalt di 4 daripada 7 lokasi yang dipilih adalah kurang daripada 50mm. Lokasi tersebut adalah di CH.6+000m, CH.8+000m, CH.12+500m dan CH.13+500m. Ujian ketebalan lapisan tapak juga telah dilakukan semasa lawatan Audit ke tapak di 3 lokasi yang dipilih. Adalah didapati 2 daripada 5 ujian ketebalan yang dijalankan tidak menepati spesifikasi yang ditetapkan. Kurang pemantauan di tapak projek terhadap kerja penurapan yang dilakukan oleh kontraktor telah menjelaskan kualiti kerja. Lokasi projek yang tidak menepati spesifikasi kontrak dari segi ketebalan lapisan tapak adalah seperti di **Jadual 3.1** dan **Gambar 3.17** hingga **Gambar 3.18**.

Jadual 3.1
Lokasi Projek Tidak Menepati Spesifikasi Kontrak Dari Segi Ketebalan Lapisan Tapak

Bil.	Chainage	Ketebalan Lapisan Tapak Seperti		Perbezaan (mm)	Jenis Jalan
		Lukisan Kontrak (mm)	Fizikal (mm)		
1.	5+200m	50	43	7	R3
2.	11+500m	50	46	4	R3

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

Gambar 3.17
Ketebalan Wearing Course
Tidak Mencukupi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: CH5+200m Jalan Teng Bukap/Kampung Sira/Kampung Nyabet/Kampung Taiee, Bahagian Kuching
Tarikh: 4 November 2015

Gambar 3.18
Ketebalan Wearing Course
Tidak Mencukupi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: CH.11+ 500m Jalan Teng Bukap/Kampung Sira/Kampung Nyabet/Kampung Taiee, Bahagian Kuching
Tarikh: 4 November 2015

i. Pewartaan Bebanan Jalan

Pewartaan jalan perlu dilakukan bagi memudahkan Jabatan Pengangkutan Jalan serta Polis DiRaja Malaysia untuk melakukan penguatkuasaan di jalan tersebut seperti sekatan berat jalan, had laju dan peraturan jalan raya yang berkaitan. Adalah didapati projek ini telah diserah balik sepenuhnya kepada JKR pada bulan Oktober 2015 tetapi setakat awal Januari 2016, jalan ini belum diwartakan. Struktur jalan piawaian REAM R3 di dalam kontrak asal tidak dapat menampung had muatan kenderaan berat dan ini boleh menyebabkan kegagalan pra matang permukaan jalan. Sekiranya masalah kenderaan melebihi had muatan mengguna jalan tersebut tidak ditangani, ianya mengurangkan jangka hayat jalan dan Kerajaan Negeri terpaksa menanggung kos penyenggaraan serta pembaikan yang tinggi.

3.4.3.4. Maklum balas daripada JKR bertarikh 6 Januari 2016, menyatakan bahawa Jabatan Tanah Dan Survei telah dimaklum mengenai struktur haram tersebut tetapi tiada jawapan dan JKR telah menghantar surat peringatan kepada Jabatan Tanah Dan Survei pada 17 Disember 2015. Terdapat percanggahan antara lukisan jambatan dan lukisan terperinci. Kontraktor telah di arah pada 11 Disember 2015 untuk membina rel penghadang berdasarkan lukisan terperinci dan membetulkan tiang rel penghadang pada jarak 2 meter mengikut lukisan, memasang road studs dengan serta merta, membetulkan kesilapan meletak tanda transverse bar di persimpangan sedangkan dalam lukisan tidak disediakan, memasang papan tanda amaran semasa pemeriksaan pra-penyerahan pada 10 Disember 2015 dan memastikan cerun dilindungi sepenuhnya dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan. Pejabat JKR Bahagian mengurus penyenggaraan rutin selepas majlis penyerahan projek. Ketebalan lapisan tapak di 2 lokasi iaitu di CH.12+500m dan CH.13+500m kurang daripada spesifikasi ditetapkan berkemungkinan besar adalah

ketidakpatuhan setempat. Kekangan tapak menyebabkan tidak semua keperluan REAM R3 boleh dipatuhi.

Pada pendapat Audit, JKR hendaklah memastikan pengawasan di tapak projek oleh perunding dijalankan dengan rapi bagi memastikan kualiti kerja adalah mematuhi spesifikasi sebelum penyelesaian bayaran dilakukan.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam perancangan projek yang lain, adalah disyorkan:

3.5.1. Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan Sarawak hendaklah memastikan pelaksanaan projek disegerakan setelah reka bentuk siap dan rundingan harga dimuktamadkan secepat mungkin bagi mengelak peningkatan kos dan masa.

3.5.2. Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan Sarawak hendaklah mendapat anggaran kos projek terlebih dahulu daripada JKR sebagai asas rundingan dengan pihak kontraktor. Bagi perubahan kerja yang melibatkan kos tambahan melebihi RM1 juta, Kementerian hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Setiausaha Kewangan Negeri sebelum sebarang keputusan yang melibatkan implikasi kewangan dibuat.

3.5.3. Jabatan Kerja Raya Sarawak hendaklah mempertingkatkan pemantauan terhadap penyeliaan dan pengawasan projek oleh perunding supaya spesifikasi, kualiti kerja dan kualiti bahan yang digunakan adalah mematuhi piawaian yang telah ditetapkan selain memastikan kontraktor mengambil tindakan segera untuk membaiki semua kecacatan berbangkit sebelum tamat tempoh tanggungan kecacatan.

LEMBAGA SUNGAI-SUNGAI SARAWAK

4. PENGURUSAN PEROLEHAN

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Lembaga Sungai-Sungai Sarawak (LSS) telah ditubuhkan pada 1 Oktober 1993 di bawah Seksyen 3, Ordinan Sungai Sarawak 1993. Lembaga Sungai-Sungai Sarawak adalah sebuah Badan Berkanun Negeri di bawah pengawasan Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Komunikasi (MIDCOM). Fungsi LSS adalah merancang serta melaksana pembangunan dan penambahbaikan sistem pengangkutan sungai keseluruhannya dan *foreshores* di Sarawak.

4.1.2. Perolehan LSS adalah tertakluk kepada Ordinan Sungai Sarawak 1993, Ordinan Badan-Badan Berkanun (Prosedur Kewangan dan Perakaunan) 1995, Manual Prosedur Kualiti MS ISO 9001:2008, peraturan kewangan Persekutuan, peraturan kewangan Negeri dan pekeliling berkaitan yang sedang berkuat kuasa. Prosedur kewangan LSS menetapkan perolehan melebihi RM50,000 dibuat melalui kaedah tender dan perolehan bernilai di bawah RM10,000 dibuat melalui kaedah pembelian terus. Bagi kaedah sebut harga, had nilai perolehan yang ditetapkan untuk Ibu Pejabat adalah RM10,000 hingga RM50,000 setahun manakala Pejabat Wilayah adalah RM1,000 hingga RM10,000 setahun bagi item yang sama. Selain itu, LSS telah menubuhkan Jawatankuasa Pembuka Tender/Sebut Harga, Jawatankuasa Penilaian Tender/Sebut Harga dan Jawatankuasa Tender/Sebut Harga.

4.1.3. Bagi tahun 2012 hingga 2015, LSS telah membuat 8,868 perolehan bernilai RM22.38 juta dengan menggunakan kaedah tender, sebut harga, pembelian terus dan rundingan terus. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Kaedah Perolehan LSS Bagi Tahun 2012 Hingga 2015

Kaedah Perolehan	2012		2013		2014		2015		Bil. Keseluruhan	Jumlah Keseluruhan (RM Juta)
	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)		
Tender	2	2.01	6	0.36	4	2.71	2	0.87	14	5.95
Sebut Harga	19	0.46	12	0.45	8	0.18	10	0.25	49	1.34
Pembelian Terus	2,320	0.29	2,362	0.22	2,227	0.33	1,893	2.33	8,802	3.17
Rundingan Terus	1	9.84	1	2.05	1	0.03	0	0.00	3	11.92
Jumlah	2,342	12.60	2,381	3.08	2,240	3.25	1,905	3.45	8,868	22.38

Sumber: Lembaga Sungai-Sungai Sarawak

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perolehan oleh LSS telah dirancang, dilaksanakan dengan cekap, ekonomi, berkesan serta mencapai matlamatnya dan mematuhi undang-undang yang ditetapkan.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan perolehan LSS bagi tempoh 2012 hingga 2015. Pengauditan ini telah dijalankan di MIDCOM, Ibu Pejabat LSS dan Pejabat LSS Wilayah II (Sibu). Pengauditan ini dijalankan dengan membuat analisis terhadap data perbelanjaan, menyemak manual prosedur serta peraturan kerja, rekod perakaunan, dokumen berkaitan pengurusan perolehan, program serta jadual kerja, laporan minit mesyuarat serta dokumen lain yang berkaitan. Pemilihan sampel pengauditan adalah 2,220 daripada 8,802 perolehan melalui kaedah pembelian terus, semua 49 perolehan secara sebut harga, semua 14 perolehan secara tender dan semua 3 perolehan secara rundingan terus. Selain itu, lawatan ke 24 projek yang dipilih dan temu bual telah dilaksanakan semasa pengauditan. *Exit Conference* bersama Controller LSS telah diadakan pada 19 Januari 2016 yang turut dihadiri oleh wakil Setiausaha Tetap MIDCOM.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2015 mendapati pada keseluruhannya, pengurusan perolehan LSS adalah memuaskan dari aspek pelaksanaan kerja serta perkhidmatan, bekalan telah diterima dan digunakan, pematuhan terhadap prosedur pelantikan jawatankuasa perolehan serta tawaran kerja dan tindakan susulan telah diambil selepas teguran Audit. Bagaimanapun, terdapat kelemahan seperti berikut yang perlu ditambah baik:

- Prosedur kehilangan/kerosakan aset tidak dipatuhi.
- Pengurusan kontrak sewaan bangunan terminal penumpang kurang memuaskan.

4.4.1. Prosedur Kehilangan/Kerosakan Aset Tidak Dipatuhi

4.4.1.1. Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil. 2 Tahun 2013 Bab F, menetapkan prosedur bagi kehilangan aset jabatan dan langkah yang perlu diambil oleh Ketua Jabatan serta pegawai terlibat bagi tujuan hapus kira aset.

4.4.1.2. Semakan Audit mendapati bagi tempoh 2012 hingga 2015, 6 aset bernilai RM22,581 dilaporkan hilang dan satu aset bernilai RM361,360 telah rosak. Adalah didapati LSS telah menginsuranskan kesemua aset tersebut dan laporan polis telah dibuat. Semakan Audit selanjutnya mendapati LSS telah membuat tuntutan insurans dan sejumlah RM379,312 telah diterima oleh LSS bagi 6 aset yang telah hilang dan rosak.

Manakala LSS masih dalam proses tuntutan insurans bagi satu aset yang hilang. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Senarai Aset Hilang/Rosak Dan Tuntutan Insurans Bagi Tempoh 2012 Hingga 2015

Bil.	Butiran Aset	Lokasi	Tarikh Hilang/Rosak*	Kos Asal (RM)	Tarikh Pembayaran Tuntutan Insurans	Jumlah Tuntutan (RM)
1.	Enjin Yamaha 40hp	Stesen Pemeriksaan Kanowit	21.12.2012	8,606	19.11.2013	8,356
2.	Monitor Samsung Dan CPU Compaq 5500	Stesen Pemeriksaan Kuala Tatau	29.06.2012	4,005	21.11.2014	1,937
3.	Kipas Enjin Yamaha 115hp – Bot SRB 15	Terminal Penumpang Bintulu	27.03.2014	TM	10.11.2014	2,705
4.	HP Probook 4440s Notebook	Rumah Pegawai LSS	11.03.2015	2,790	12.10.2015	2,755
5.	Toshiba Portege M800-E3310p Notebook	Ibu Pejabat	27.04.2015	4,490	09.11.2015	2,199
6.	HP Probook 4440s Notebook	Ibu Pejabat	11.06.2015	2,690	-	Dalam Proses Tuntutan
7.	Bot SRB 17	Perairan Tanjung Po, Sematan	09.12.2014*	361,360	06.11.2015	361,360
Jumlah				383,941		379,312

Sumber: Lembaga Sungai-Sungai Sarawak

Nota: * Aset Rosak

4.4.1.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada Laporan Akhir Kehilangan Aset, syor surc妖 atau tatatertib tidak diambil terhadap pegawai serta sijil pelupusan aset tidak dikeluarkan bagi kehilangan dan kerosakan kesemua aset tersebut.

4.4.1.4. Maklum balas daripada LSS bertarikh 28 Mac 2016, menyatakan Laporan Akhir Kehilangan Aset Alih Kerajaan telah disediakan oleh Jawatankuasa Siasatan. Tindakan menghapus kira semua aset yang hilang telah dibuat pada 23 Mac 2016 dan permohonan untuk menghapus kira bot SRB 17 telah dikemukakan kepada Setiausaha Kewangan Negeri pada 21 Januari 2016 untuk kelulusan. Manakala tindakan terhadap pegawai yang bertanggungjawab terhadap kehilangan dan kerosakan aset akan dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib.

Pada pendapat Audit, tindakan yang bersesuaian hendaklah diambil ke atas pegawai yang terlibat dengan kehilangan/kerugian kepada LSS.

4.4.2. Pengurusan Kontrak Sewaan Bangunan Terminal Penumpang Kurang Memuaskan

4.4.2.1. Lembaga Sungai-Sungai Sarawak telah menyewakan ruang kantin serta kemudahan terminal di 3 terminal penumpang iaitu Kapit, Sibu dan Kuching kepada Koperasi Kakitangan Lembaga Sungai-Sungai Sarawak Berhad (KO-SU Berhad).

Perjanjian secara berasingan mengikut lokasi telah ditandatangani di antara LSS dan KO-SU Berhad. Tempoh sewaan adalah 3 dan 5 tahun dengan kadar sewa sebulan sejumlah RM300 dan RM1,000. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Tempoh Perjanjian Dan Kadar Sewa Sebulan
Bagi Terminal Penumpang LSS

Bil.	Lokasi	Tempoh Perjanjian (Lama)	Tempoh Perjanjian (Baru)	Kadar Sewa Sebulan (RM)
1.	Terminal Penumpang Kapit, Kapit	01.05.2012 Hingga 30.04.2015	01.05.2015 Hingga 20.04.2018	300
2.	Terminal Penumpang Sibu, Sibu (Tingkat Bawah)	01.09.2010 Hingga 31.08.2013	01.09.2013 Hingga 31.08.2016	300
3.	Terminal Penumpang Sibu, Sibu (Tingkat Atas)	-	01.05.2012 Hingga 30.04.2017	1,000
4.	Terminal Penumpang Kuching, Kuching	01.05.2012 Hingga 30.04.2015	01.05.2015 Hingga 30.04.2018	300

Sumber: Lembaga Sungai-Sungai Sarawak

4.4.2.2. Perenggan 2 (f) perjanjian sewaan menetapkan penyewa dikehendaki membayar kepada LSS bagi penggunaan elektrik serta air di premis yang disewa. Lembaga Sungai-Sungai Sarawak sepatutnya memasang meter berasingan bagi tujuan tersebut. Semakan Audit mendapati bagi tempoh 2012 hingga 2015, LSS telah membelanjakan sejumlah RM472,331 untuk pembayaran bil elektrik dan sejumlah RM64,806 untuk pembayaran bil air bangunan terminal termasuk ruang yang disewakan di 3 terminal penumpang tersebut. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada kutipan dibuat oleh LSS daripada KO-SU Berhad bagi penggunaan elektrik dan air seperti ditetapkan dalam perjanjian. Butiran bayaran bil elektrik dan air bagi tempoh 2012 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Bayaran Elektrik Dan Air
Di Terminal Penumpang Kapit, Sibu Dan Kuching

Bayaran	Tahun	Terminal Penumpang			Jumlah (RM)
		Kapit (RM)	Sibu (RM)	Kuching (RM)	
Elektrik	2012	12,310	*111,011	14,299	137,620
	2013	22,347	68,395	19,799	110,541
	2014	23,466	67,175	19,230	109,871
	2015	25,189	71,403	17,707	114,299
Jumlah		83,312	317,984	71,035	472,331
Air	2012	189	*12,609	1,350	14,148
	2013	5,517	7,955	4,117	17,589
	2014	3,259	8,807	4,789	16,855
	2015	2,435	8,774	5,005	16,214
Jumlah		11,400	38,145	15,261	64,806

Sumber: Lembaga Sungai-Sungai Sarawak

Nota: * Termasuk Bayaran Dari Bulan September 2010 Hingga Disember 2011

4.4.2.3. Semakan Audit mendapati pihak KO-SU Berhad telah menyewakan premis kepada pihak ketiga. Lawatan Audit ke terminal penumpang Kapit, Sibu dan Kuching mendapati kantin, kedai dan tandas beroperasi di kawasan yang disewakan. Pemeriksaan Audit selanjutnya mendapati meter berasingan bagi elektrik dan air tidak dipasang di terminal penumpang Sibu dan Kapit. Selain itu, didapati penggunaan peralatan elektrik dan penyambungan paip air tanpa kebenaran menyebabkan penggunaan elektrik dan air yang tinggi. Keadaan terminal adalah seperti di **Gambar 4.1** hingga **Gambar 4.6**.

Gambar 4.1
**Peralatan Elektrik Yang Digunakan
Di Kantin**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Terminal Penumpang Kapit
Tarikh: 29 Oktober 2015

Gambar 4.2
**Mesin Permainan Di Ruang
Legar Terminal**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Terminal Penumpang Kapit
Tarikh: 29 Oktober 2015

Gambar 4.3
Penghawa Dingin Di Kantin



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Terminal Penumpang Sibu
Tarikh: 30 Oktober 2015

Gambar 4.4
Lampu Hiasan Di Kantin



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Terminal Penumpang Sibu
Tarikh: 30 Oktober 2015

Gambar 4.5

Penyambungan Paip Air Tanpa Kebenaran



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Terminal Penumpang Sibu
Tarikh: 30 Oktober 2015

Gambar 4.6



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Terminal Penumpang Sibu
Tarikh: 30 Oktober 2015

4.4.2.4. Lembaga Sungai-Sungai Sarawak hendaklah memastikan penyewa mematuhi syarat dan terma perjanjian yang telah dimeterai. Lampiran A perjanjian sewaan terminal penumpang Kapit menetapkan ruang sewaan adalah tandas dan kiosk sahaja. Lawatan Audit pada 29 Oktober 2015 di terminal penumpang Kapit mendapati penyewa telah menggunakan ruang legar dan bilik kenamaan (VIP) iaitu bukan kawasan yang ditetapkan dalam perjanjian. Penyewa telah menggunakan bilik VIP sebagai pejabat dan tempat menyimpan stok barang. Selain itu, adalah didapati penyewa telah membuat kerja memasang kabinet pasang siap di bilik VIP tanpa kebenaran. Keadaan bilik VIP adalah seperti di **Gambar 4.7** hingga **Gambar 4.11**.



Gambar 4.7

Pemasangan Kabinet Tanpa Kebenaran

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Terminal Penumpang Kapit
Tarikh: 29 Oktober 2015

Gambar 4.8



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Terminal Penumpang Kapit
Tarikh: 29 Oktober 2015

Gambar 4.9



Sumber: Lembaga Sungai-Sungai Sarawak
Lokasi: Terminal Penumpang Kapit
Tarikh: 2 Februari 2016

Gambar 4.10
Stok Diletakkan Di Laluan Pintu Masuk Bilik VIP



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Terminal Penumpang Kapit
Tarikh: 29 Oktober 2015

Gambar 4.11
Keadaan Selepas Stok Dialihkan



Sumber: Lembaga Sungai-Sungai Sarawak
Lokasi: Terminal Penumpang Kapit
Tarikh: 2 Februari 2016

4.4.2.5. Maklum balas daripada LSS bertarikh 28 Mac 2016, menyatakan LSS dalam proses membuat pemasangan meter elektrik berasingan di terminal penumpang Sibu dan Kapit. Manakala pemasangan meter air berasingan di terminal penumpang Sibu dan Kapit telah dibuat pada Mac 2016. KO-SU Berhad akan membayar balik kos elektrik serta air selepas tindakan pelarasan dibuat dengan pembekal utiliti yang berkaitan. Selain itu, penyewa telah mengalih barang yang ditempatkan di kawasan bukan sewaan dan Bahagian Pentadbiran LSS telah dilantik untuk membuat pemantauan bagi memastikan syarat kontrak dipatuhi.

Pada pendapat Audit, pengurusan sewaan terminal penumpang LSS adalah kurang memuaskan kerana tidak mengikut syarat perjanjian yang telah ditetapkan untuk menjaga kepentingan Kerajaan.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan perolehan Lembaga Sungai-Sungai Sarawak dibuat dengan cekap serta berkesan dan kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini tidak berulang adalah disyorkan supaya langkah seperti berikut diambil:

4.5.1. Mematuhi sepenuhnya prosedur yang ditetapkan bagi aset hilang/rosak dan tindakan yang bersesuaian hendaklah diambil ke atas pegawai yang terlibat.

4.5.2. Memastikan syarat kontrak dipatuhi bagi menjaga kepentingan Kerajaan.

MAJLIS DAERAH LIMBANG MAJLIS DAERAH MATU DAN DARO

5. PENGURUSAN PEROLEHAN

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Perolehan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah termasuk pelaksanaan projek pembangunan, perolehan kerja, aset dan bekalan untuk tujuan operasi harian PBT. Pembiayaan perbelanjaan perolehan PBT adalah dari peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan peruntukan PBT sendiri. Perolehan dibuat secara pembelian terus, sebut harga, tender dan rundingan terus. Tatacara perolehan PBT adalah tertakluk kepada *The Local Authorities Ordinance, 1996* (Ordinan), *The Local Authorities Financial Regulations, 1997* (LAFR 1997), Manual Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008, peraturan kewangan Negeri, peraturan kewangan Persekutuan bagi peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan pekeliling berkaitan yang sedang berkuat kuasa.

5.1.2. Sumber pendapatan Majlis Daerah Limbang (MDL) dan Majlis Daerah Matu dan Daro (MDMD) adalah dari geran Kerajaan Persekutuan serta Kerajaan Negeri, cukai taksiran, yuran, faedah dari pelaburan, hasil pelbagai dan lesen. Manakala perbelanjaan adalah bagi perolehan kerja, bekalan serta perkhidmatan untuk tujuan operasi dan melaksanakan projek pembangunan di kawasan MDL dan MDMD. Pendapatan serta perbelanjaan MDL dan MDMD bagi tahun 2012 hingga 2014 masing-masingnya adalah sejumlah RM38.60 juta dan RM37.94 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1
Pendapatan Serta Perbelanjaan MDL Dan MDMD Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

PBT	Pendapatan Dan Perbelanjaan						Jumlah	
	2012		2013		2014			
	Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)
MDL	6.25	6.58	5.98	6.73	6.78	7.43	19.01	20.74
MDMD	5.80	4.80	6.60	5.76	7.19	6.64	19.59	17.2
Jumlah	12.05	11.38	12.58	12.49	13.97	14.07	38.60	37.94

Sumber: Penyata Kewangan Majlis Daerah Limbang dan Majlis Daerah Matu Dan Daro

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perolehan oleh MDL dan MDMD telah dirancang, dilaksanakan dengan cekap, ekonomi, berkesan serta mencapai matlamatnya dan mematuhi undang-undang yang ditetapkan.

5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan perolehan MDL dan MDMD bagi tempoh 2012 hingga 2014. Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan perolehan di MDL dan MDMD. Pemilihan sampel pengauditan adalah 336 perolehan bernilai RM2.48 juta daripada 1,718 perolehan melalui kaedah pembelian terus bernilai RM6.03 juta, 63 perolehan bernilai RM11.19 juta daripada 111 perolehan secara sebut harga bernilai RM15.49 juta dan 42 perolehan bernilai RM10.62 juta daripada 99 perolehan secara tender bernilai RM17.57 juta. Selain itu, lawatan ke 43 lokasi projek terpilih bernilai RM8.48 juta dan temu bual telah dilaksanakan semasa pengauditan. *Exit Conference* bersama Setiausaha MDL dan Setiausaha MDMD telah diadakan pada 18 Disember 2015 yang turut dihadiri oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Pembangunan Komuniti Sarawak dan Unit Audit Dalam, Jabatan Ketua Menteri.

5.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga Oktober 2015 mendapati pengurusan perolehan MDL dan MDMD adalah baik dari aspek pematuhan terhadap prosedur perolehan, tawaran kerja dan jawatankuasa yang dilantik, prestasi penggunaan peruntukan, perbelanjaan perolehan mengikut maksud serta bekalan telah diterima dan disimpan dengan baik. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang perlu dibuat penambahbaikan oleh MDL dan MDMD seperti berikut:

- Dua projek bernilai RM2.75 juta daripada 43 sampel audit bernilai RM8.48 juta didapati tidak menepati spesifikasi dan mengalami kerosakan.
- Sijil Perakuan Siap Kerja yang dikeluarkan oleh MDMD bagi 13 projek bernilai RM2.59 juta tidak mengikut tempoh yang ditetapkan dalam garis panduan.

5.4.1. Prestasi

5.4.1.1. Bagi tahun 2012 hingga 2014, MDL dan MDMD telah menerima peruntukan sejumlah RM44.10 juta daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan dana PBT sendiri. Bagi tempoh yang sama sejumlah RM39.09 juta atau 88.6% telah dibelanjakan oleh MDL dan MDMD melibatkan 1,928 perolehan. Prestasi perbelanjaan perolehan secara keseluruhan di MDL dan MDMD adalah baik iaitu di MDL sejumlah RM18.88 juta atau 94.6% daripada RM19.95 juta peruntukan yang diterima telah dibelanjakan dan RM20.21 juta atau 83.7% daripada peruntukan sejumlah RM24.15 juta yang diterima oleh MDMD telah dibelanjakan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2
Peruntukan Serta Perbelanjaan Perolehan MDL Dan MDMD
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

PBT	Sumber Kewangan	Bil. Perolehan	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
MDL	Persekutuan	33	5.83	5.71	97.9
	Negeri	54	12.31	11.37	92.4
	PBT	885	1.81	1.80	99.4
	Jumlah	972	19.95	18.88	94.6
MDMD	Persekutuan	45	5.71	5.62	98.4
	Negeri	60	8.50	5.18	60.9
	PBT	851	9.94	9.41	94.7
	Jumlah	956	24.15	20.21	83.7
	Jumlah Keseluruhan	1,928	44.10	39.09	88.6

Sumber: Majlis Daerah Limbang dan Majlis Daerah Matu Dan Daro

5.4.1.2. Bagi tahun 2012 hingga 2014, MDL dan MDMD telah membuat 1,928 perolehan bernilai RM39.09 juta melalui kaedah perolehan secara pembelian terus, tender dan sebut harga. Butiran lanjut kaedah perolehan mengikut PBT adalah seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3
Kaedah Perolehan MDL Dan MDMD Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

PBT	Kaedah Perolehan	Bil. Perolehan	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
MDL	Pembelian Terus	885	1.80	9.6
	Tender	54	11.37	60.2
	Sebut Harga	33	5.71	30.2
	Jumlah	972	18.88	
MDMD	Pembelian Terus	833	4.23	20.9
	Tender	45	6.20	30.7
	Sebut Harga	78	9.78	48.4
	Jumlah	956	20.21	
	Jumlah Keseluruhan	1,928	39.09	

Sumber: Majlis Daerah Limbang dan Majlis Daerah Matu Dan Daro

Pada pendapat Audit, prestasi penggunaan peruntukan adalah baik di MDL dan MDMD iaitu di MDL kadar penggunaan peruntukan adalah 94.6% dan di MDMD, 83.7% peruntukan yang diterima telah dibelanjakan.

5.4.2. Kaedah Perolehan

5.4.2.1. Pengurusan perolehan MDL dan MDMD yang dibuat melalui kaedah pembelian terus, sebut harga dan tender adalah tertakluk kepada LAFR 1997 iaitu pembelian terus adalah bagi perolehan yang bernilai di bawah RM20,000, sebut harga dipelawa bagi pembelian melebihi RM20,000 tetapi kurang daripada RM50,000 dan tender dipelawa bagi perolehan yang melebihi RM50,000. Had tersebut adalah bagi perolehan yang menggunakan peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Negeri serta peruntukan MDL

dan MDMD sendiri. Manakala bagi peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan had yang ditetapkan bagi ketiga-tiga kaedah perolehan tersebut adalah tertakluk kepada peraturan kewangan dan garis panduan Kerajaan Persekutuan yang sedang berkuat kuasa. Selain itu, MDL dan MDMD hendaklah mematuhi semua prosedur perolehan yang telah ditetapkan, menubuhkan Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga/Tender, Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga dan Jawatankuasa Sebut Harga/Tender bagi kaedah perolehan melalui Sebut Harga dan Tender.

5.4.2.2. Semakan Audit terhadap 336 perolehan bagi pembelian terus, 63 perolehan secara sebut harga dan 42 perolehan secara tender di MDL dan MDMD mendapati kedua-dua PBT tersebut telah mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam tatacara perolehannya dari aspek penggunaan peruntukan, pelantikan jawatankuasa, pelantikan kontraktor, pelaksanaan dan pemantauan kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik.

5.4.3. Perolehan Kerja Tidak Mematuhi Spesifikasi Dan Mengalami Kerosakan

5.4.3.1. Lawatan Audit ke 13 projek MDL bernilai RM4.85 juta dan 30 projek MDMD bernilai RM3.63 juta yang telah siap dilaksanakan dan dipilih sebagai sampel pengauditan mendapati secara keseluruhannya, perolehan dan kualiti kerja yang dilaksanakan adalah mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dalam kontrak serta tujuan perolehan tercapai. Bagaimanapun, terdapat kes di mana projek dilaksanakan tidak mengikut skop serta tidak disenggara dan tempoh tanggungan kecacatan di Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) yang dikeluarkan tidak mengikut garis panduan pelaksanaan projek. Contoh projek yang telah dilaksanakan dengan memuaskan dari segi pengurusan perolehan, pematuhan kepada spesifikasi kontrak dan tujuan perolehan tercapai adalah seperti di **Gambar 5.1** hingga **Gambar 5.4**. Manakala kerja dilaksanakan tanpa mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan serta projek siap tidak disenggara di mana air bertakung di dalam longkang dan berlaku retakan kecil pada longkang yang telah siap dibina adalah seperti di **Jadual 5.4**. Keadaan adalah seperti di **Gambar 5.5** hingga **Gambar 5.11**.

Gambar 5.1
Rumah Program Pembasmian
Kemiskinan Bandar



Tarikh Siap: 23.12.2013
Kos Rumah: RM49,980

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Pahlawan Limbang
Tarikh: 27 Ogos 2015

Gambar 5.2
Laluan Pejalan Kaki Berbungung



Tarikh Siap: 08.12.2014
Kos Projek: RM165,948

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi : Bandar Limbang
Tarikh: 26 Ogos 2015


Gambar 5.3
Projek Menaik Taraf Laluan Pejalan Kaki



Tarikh Siap: 28.10.2014
Kos: RM68,021

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Daro, Daro
Tarikh: 27 Ogos 2015

Gambar 5.4
Projek Menaik Taraf Titian Belian



Tarikh Siap: 28.10.2013
Kos Projek: RM98.870

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi:Kampung Jemoreng, Matu
Tarikh: 25 Ogos 2015

Jadual 5.4
Projek Tidak Menepati Skop Kerja Dan Rosak

PBT	Bil.	Projek	Tarikh Kerja Siap	Kos (RM)	Penemuan Audit
MDL	1.	Pembinaan Tapak Pelupusan Sampah Fasa 2 Bahagian Limbang	18.02.2015	2,730,000	<ul style="list-style-type: none"> a. Peruntukan di bawah Perkara 6 Pelbagai Kerja dalam kontrak yang dimeterai menghendaki kontraktor mengecat garisan tengah dan tepi jalan selebar 100mm dengan 2 lapisan cat jalan yang dibenarkan. Lawatan Audit pada 27 Ogos 2015 mendapati jalan tidak dicat dengan garisan tengah dan tepi seperti dinyatakan dalam kontrak. Keadaan sebelum dan selepas kerja pembaikan adalah seperti di Gambar 5.5 dan Gambar 5.6. b. Berlaku retakan kecil pada longkang di sepanjang jalan tapak pelupusan sampah

PBT	Bil.	Projek	Tarikh Kerja Siap	Kos (RM)	Penemuan Audit
					<p>tersebut. Selain itu, saluran longkang tidak berfungsi dengan baik menyebabkan air bertakung.</p> <p>c. Keadaan sebelum serta selepas tindakan pemberian dan keadaan air yang bertakung di dalam longkang adalah seperti di Gambar 5.7 hingga Gambar 5.9.</p>
MDMD	1.	Membina Dan Menyiapkan R.C Culvert Di Kpg. Pantry, Daro Spesifikasi : 22 kaki(P) X 4 kaki(L)	17.05.2013	16,800	Lawatan Audit pada 27 Ogos 2015 mendapati R.C Culvert yang dibina tidak mengikut spesifikasi iaitu 22 kaki (P) x 4 kaki(L).Ukuran semasa lawatan Audit adalah 14 kaki (P) x 4 kaki (L) iaitu kurang 8 kaki panjang. Selain itu, culvert telah rosak dan tidak disenggara. Keadaan adalah seperti di Gambar 5.10 dan Gambar 5.11.
Jumlah		2,746,800			

Sumber: Majlis Daerah Limbang dan Majlis Daerah Matu Dan Daro

Gambar 5.5
Garisan Tengah Dan Tepi Jalan
Tidak Dicat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan Sampah Limbang
Tarikh: 27 Ogos 2015

Gambar 5.6
Garisan Tengah Dan Tepi Jalan
Telah Dicat



Sumber: Majlis Daerah Limbang
Lokasi: Tapak Pelupusan Sampah Limbang
Tarikh: 09 November 2015

Gambar 5.7
Retakan Pada Longkang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan Sampah Limbang
Tarikh: 27 Ogos 2015

Gambar 5.8
Retakan Yang Telah Dibaiki



Sumber: Majlis Daerah Limbang
Lokasi: Tapak Pelupusan Sampah Limbang
Tarikh: 01 Februari 2016



Gambar 5.10
Ukuran Culvert
Tidak Mengikut Spesifikasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Pantry, Daro
Tarikh: 27 Ogos 2015

Gambar 5.11
Culvert Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Pantry, Daro
Tarikh: 27 Ogos 2015

5.4.3.2. Maklum balas daripada MDL bertarikh 20 November 2015, menyatakan kerja pembaikan dan mengecat garisan jalan telah siap dilaksanakan oleh kontraktor berkenaan pada 9 November 2015.

5.4.3.3. Maklum balas daripada MDMD bertarikh 4 Januari 2016, menyatakan jalan rosak disebabkan oleh kawasan kerap dilanda banjir dan berlaku hakisan yang telah menyebabkan culvert tersebut rosak.

Pada pendapat Audit, setiap projek yang dibina hendaklah dipantau dengan teliti bagi memastikan kontraktor melaksanakan kerja mengikut spesifikasi kontrak serta menggunakan bahan yang berkualiti. Selain itu, kerja penyenggaraan perlu dilaksanakan bagi memastikan projek dapat diguna dalam jangka masa yang panjang dan keselamatan pengguna dijaga.

5.4.4. Tempoh Tanggungan Kecacatan Tidak Mengikut Peraturan

5.4.4.1. Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyalurkan peruntukan kepada PBT untuk melaksanakan projek Kecil Di Kawasan Dan Kampung Tradisional (BP1). Bagi tujuan tersebut, KPKT telah mengeluarkan Garis Panduan Pelaksanaan Projek BP1 sebagai rujukan semasa melaksanakan projek. Antara perkara yang ditetapkan dan perlu dipatuhi oleh PBT semasa pelaksanaan projek adalah menetapkan tempoh tanggungan kecacatan dengan jelas dalam kontrak di mana kontraktor adalah bertanggungjawab untuk membaiki apa-apa kecacatan, ketidaksempurnaan dan kerosakan lain apabila diarah oleh PBT atas kos kontraktor sendiri dalam tempoh tersebut. Tempoh tanggungan kecacatan bagi kontrak bernilai di bawah RM100,000 adalah 6 bulan dari tarikh kerja diperakukan siap dan bagi kontrak bernilai melebihi RM100,000, tempoh tanggungan kecacatan adalah 12 bulan dari tarikh kerja diperakukan siap.

5.4.4.2. Semakan Audit terhadap CPC yang dikeluarkan oleh MDMD bagi 13 projek bernilai RM2.59 juta yang telah siap dilaksanakan dan dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan mendapati MDMD tidak menetapkan tempoh tanggungan kecacatan mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Tempoh tanggungan kecacatan di CPC yang dikeluarkan bagi semua projek tersebut adalah 6 bulan. Manakala tempoh tanggungan kecacatan yang ditetapkan dalam Garis Panduan Pelaksanaan Projek Persekutuan Dan Projek BP1 adalah 12 bulan. Senarai projek yang berkaitan adalah seperti di **Jadual 5.5**.

**Jadual 5.5
Tempoh Tanggungan Kecacatan Tidak Mengikut Peraturan**

Bil.	Projek	Sumber Peruntukan	Tarikh Siap	Tempoh Tanggungan Kecacatan		Nilai Kontrak (RM)
				CPC (Bulan)	Garis Panduan (Bulan)	
1.	Menaik Taraf Jalan Kampung Treng Fasa 3, Matu	Persekutuan	11.06.2012	6	12	199,380
2.	Menaik Taraf Jalan Semalau, Daro	Persekutuan	08.06.2012	6	12	199,700

Bil.	Projek	Sumber Peruntukan	Tarikh Siap	Tempoh Tanggungan Kecacatan		Nilai Kontrak (RM)
				CPC (Bulan)	Garis Panduan (Bulan)	
3.	Menaik Taraf Jalan Kampung Belawai, Daro	Persekutuan	05.06.2012	6	12	199,420
4.	Menaik Taraf Jalan Kampung Sok Fasa 2, Matu	Persekutuan	16.10.2012	6	12	199,880
5.	Menaik Taraf Jalan Kampung Lemang Pek	Persekutuan	01.10.2012	6	12	199,012
6.	Menaik Taraf Jalan Kampung Baru, Dagang, Igan, Matu	Persekutuan	08.04.2013	6	12	199,390
7.	Menaik Taraf Jalan Kampung Panchor, Daro	Persekutuan	08.04.2013	6	12	199,455
8.	Menaik Taraf Jalan Kg Tepi Laut, Belawai	Persekutuan	10.04.2013	6	12	199,500
9.	Menaik Taraf Jalan Kg Tengah	Persekutuan	08.04.2013	6	12	199,440
10.	Menaik Taraf Jalan Kampung Halud	Persekutuan	04.04.2013	6	12	199,502
11.	Menaik Taraf Saliran Dan Jalan Di Kampung Bawang, Matu	Persekutuan	09.04.2013	6	12	199,290
12.	Menaik Taraf Jalan Di Kawasan Belakang Market Daro	Persekutuan	21.05.2014	6	12	199,245
13.	Menaik Taraf Jalan Di Kampung Baru, Daro	Persekutuan	23.05.2014	6	12	199,448
Jumlah						2,592,662

Sumber : Majlis Daerah Matu Dan Daro

5.4.4.3. Maklum balas daripada MDMD bertarikh 4 Januari 2016, mengakui kesilapan di dalam penyediaan Sijil Perakuan Siap Kerja dan telah menyediakan senarai semak bagi memastikan perkara ini tidak berulang.

Pada pendapat Audit, walaupun tiada perbelanjaan penyenggaraan tambahan dibuat oleh MDMD dalam tempoh 6 bulan tersebut, tempoh tanggungan kecacatan perlu ditetapkan berdasarkan garis panduan supaya kepentingan Kerajaan dijaga.

5.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan perolehan Majlis Daerah Limbang dan Majlis Daerah Matu Dan Daro dibuat dengan cekap serta berkesan dan kelemahan yang dibangkitkan di dalam laporan tidak berulang adalah disyorkan supaya MDL dan MDMD memberi fokus kepada aspek pematuhan kepada spesifikasi kerja serta garis panduan pelaksanaan projek yang ditetapkan dan projek yang telah siap disenggara supaya tiada pembaziran wang awam berlaku.

PUSAT KEPELBAGAIAN BIOLOGI SARAWAK

6. PENGURUSAN PROGRAM KEPELBAGAIAN BIOLOGI

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak (SBC) yang ditubuhkan pada 1998 adalah bertujuan menjalankan kerja inventori dan pengawalan kepada kekayaan kepelbagaian biologi. Pindaan Ordinan Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak 2003 telah mengamanahkan SBC untuk melaksanakan penyelidikan dan pembangunan ke atas biodiversiti; mendokumentasikan pengetahuan tradisional ke atas penggunaan dan pengurusan biodiversiti oleh komuniti pribumi; penanaman semula tumbuhan untuk pemuliharaan dan penghargaan. Selain itu, SBC juga dikehendaki mewujudkan pangkalan data berkaitan biodiversiti; menganjur program kesedaran dan penghargaan terhadap biodiversiti-bioteknologi; mengawal penyelidikan berkaitan biodiversiti yang berpotensi ke arah komersial; dan bekerjasama dengan organisasi yang mempunyai kepentingan dan minat yang sama berkaitan biodiversiti.

6.1.2. Objektif Pelaksanaan Program Kepelbagaian Biologi adalah untuk menggalakkan dokumentasi pengetahuan tradisional komuniti pribumi yang berkaitan dengan penggunaan sumber biologi serta memelihara pengetahuan tersebut dan membangunkan biodiversiti negeri Sarawak melalui penyelidikan dan berkongsi manfaat tersebut dengan rakyat negeri Sarawak. Setakat Disember 2015, Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak telah melantik seramai 48 orang pegawai penyelidik untuk merealisasikan objektif tersebut.

6.1.3. Had Peruntukan bagi Program Kepelbagaian Biologi yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) adalah berjumlah RM20 juta. Setakat 31 Disember 2015, geran pembangunan diterima daripada Kerajaan Negeri Sarawak berjumlah RM20 juta dan rizab disalurkan oleh SBC berjumlah RM4.21 juta. Sejumlah RM23.86 juta telah dibelanjakan dalam tempoh yang sama. Manakala geran pembangunan yang diterima sejak tahun 2001 sehingga 2015 adalah berjumlah RM33.54 juta dan sejumlah RM31.19 juta telah dibelanjakan.

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Program Kepelbagaian Biologi oleh SBC telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan dalam mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

6.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pengurusan Program Kepelbagaian Biologi oleh SBC. Pengauditan dijalankan di pejabat Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak (SBC). Maklumat tambahan juga diperoleh daripada Jabatan dan Agensi seperti Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar dan Unit Perancang Negeri Sarawak. Pengauditan adalah dengan menyemak rekod, dokumen dan fail berkaitan serta mengkaji dan menganalisis data berkaitan dengan Program Kepelbagaian Biologi oleh SBC. Selain itu, temu bual bersama pegawai yang terlibat dan lawatan ke taman biodiversiti telah dijalankan. *Exit Conference* telah diadakan bersama Ketua Pegawai Eksekutif SBC pada 8 Januari 2016 yang turut dihadiri oleh wakil Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar dan Unit Perancang Negeri Sarawak.

6.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos 2015 mendapati pengurusan dan pencapaian Program Kepelbagaian Biologi adalah memuaskan. Bagaimanapun terdapat penemuan yang masih boleh dipertingkatkan seperti berikut:

- *Standard Operating Procedure* bagi Program Dokumentasi dan Pemeliharaan Pengetahuan Tradisional tidak lengkap.
- Bilangan ekstrak yang didaftarkan di dalam *Natural Product Library* bagi tempoh RMKe-10 adalah rendah berbanding tempoh RMKe-9.
- Pengkomersilan produk *LitSara* masih belum tercapai.

6.4.1. Pencapaian Program

6.4.1.1. Program Dokumentasi dan Pemeliharaan Pengetahuan Tradisional Sarawak

- a. Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak membantu komuniti pribumi Sarawak memelihara pengetahuan tradisional melalui teknik merekod dan mendokumentasi yang betul. Sebanyak 4 projek iaitu projek *Depository and Information, Nursery and Propagation, Traditional Knowledge Documentation and Documentation and Conservation of Traditional Knowledge In Sarawak* telah dijalankan di bawah RMKe-8 hingga RMKe-10. Laporan Tahunan setakat bulan Jun 2015, melaporkan sebanyak 85 kampung terdiri daripada 15 etnik yang terlibat serta jumlah tumbuh-tumbuhan yang dikumpul dan didokumentasi adalah 5,323 tumbuhan dan 1,261 spesis yang telah disahkan. Manakala terdapat 2 kampung yang mempunyai Taman Herba dan Pusat Maklumat Komuniti iaitu di Long Iman, Mulu, Bahagian Miri dan Bung Jagoi, Bau, Bahagian Kuching.

- b. Program ini menggalakkan komuniti pribumi menanam tumbuh-tumbuhan asli yang berguna dari segi perubatan dan kesihatan serta untuk aktiviti meningkatkan kesedaran di kalangan generasi muda. Program ini bermula pada tahun 2002 di mana SBC menjalankan projek perintis di kalangan komuniti Bidayuh di Kampung Kiding, Padawan dan Kampung Semadang, Penrissen yang terletak di Bahagian Kuching dan komuniti Penan di Long Iman dan Batu Bungan, Mulu yang terletak di Bahagian Miri.
- c. Pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI) untuk program ini di dalam RMKe-10 setakat tahun 2014 ialah 253.8% melebihi KPI yang ditetapkan seperti di **Jadual 6.1**.

Jadual 6.1
Pencapaian KPI untuk Program Dokumentasi dan Pemeliharaan
Pengetahuan Tradisional Sarawak Di Dalam RMKe-10


Bil.	Nama Projek	KPI (Bilangan)	Pencapaian KPI Sebenar (Bilangan)	Pencapaian KPI Sebenar (%)
1.	Penyertaan Pameran Peringkat Tempatan dan Kebangsaan	16	18	112.5
2.	Penyertaan Program Sekolah	8	8	100.0
3.	Bengkel/Seminar/Simposium	6	12	200.0
4.	Penyertaan Komuniti	72	78	108.3
5.	Tumbuhan Yang Dikutip Dan Didokumentasi/Tumbuhan Yang Dikutip Untuk Penyelidikan dan Pembangunan Produk	1,444	724	50.1
6.	Penerbitan Pusat Sumber/Brosur/Kit Korporat	120	3,446	2,871.7
7.	Rekod DVD/Imej	96	187	194.8
Jumlah		1,762	4,473	253.8

Sumber: Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak

d. Penglibatan Komuniti Pribumi

Analisis Audit mendapati kaum Iban merupakan yang paling ramai terlibat di dalam program ini iaitu 30% (29) kawasan serta kampung disusuli oleh kaum Bidayuh 14% (14), Melanau 9% (9), Melayu, Lun Bawang, Penan masing-masing 7% (7), Kelabit 5% (5), Kenyah dan Kayan 4% (4), Bisaya 3% (3), Kedayan, Salako dan Tabun 2% (2) manakala Berawan, Punan dan Beketan masing-masing 1% (1) seperti di **Carta 6.1**.

Carta 6.1
Penglibatan Komuniti Pribumi Mengikut Kawasan



Sumber: Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak

- e. Selain itu, SBC telah menubuhkan sebuah Taman Etnobotani yang dinamakan sebagai “Taman Etnobotani Laila Taib” yang mempunyai 494 jenis tumbuhan daripada 7 komuniti (12 kawasan) di Sarawak. Setakat ini, SBC mempunyai 5 nurseri untuk koleksi tumbuhan, *Bulk Planting Area* dan *Headhouse and Propagation Nursery* seperti di **Gambar 6.1** hingga **6.4**.

Gambar 6.1
Taman Etnobotani Laila Taib



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak
Tarikh: 3 Ogos 2015

Gambar 6.2
Nurseri/Tapak Semaian



Sumber: Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak
Lokasi: Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak
Tarikh: 8 Januari 2016

Gambar 6.3
TK Headhouse And Propagation Nursery



Sumber: Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak
Lokasi: Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak
Tarikh: 8 Januari 2016

Gambar 6.4
Propagation Room



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak
Tarikh: 3 Ogos 2015

f. **Standard Operating Procedure Tidak Lengkap**

i. **Tempoh Pelaksanaan Aktiviti Program**

- Langkah pertama untuk menjalankan Dokumentasi Pengetahuan Tradisional ialah dengan mewujudkan kesedaran terhadap kepentingan pengetahuan tradisional di kalangan ketua komuniti dan komunitinya. Langkah ini dilaksanakan dengan menjalankan mesyuarat perundingan dengan ketua komuniti atau melalui Pejabat Daerah serta Pejabat Residen. Bengkel Pertama Dokumentasi Pengetahuan Tradisional dijalankan bersama komuniti setelah komuniti bersetuju untuk menyertainya. Susulan kerja lapangan akan dijalankan bersama dengan komuniti yang telah memulakan aktiviti dokumentasi bagi meninjau perkembangannya.
- Tempoh pelaksanaan mesyuarat perundingan, bengkel pertama dokumentasi dan susulan di sesuatu kawasan adalah penting dimasukkan di dalam SOP bagi memastikan aktiviti dilaksanakan dengan teratur dan berkesan. Semakan Audit terhadap *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi Program Dokumentasi dan Pemeliharaan Pengetahuan Tradisional (Program TK) yang disediakan oleh SBC mendapat SOP tersebut tidak lengkap dan norma kerja tidak dinyatakan. Ini menyebabkan aktiviti tersebut dilaksanakan tanpa panduan yang lengkap dan mengambil masa yang tidak munasabah dalam pelaksanaannya. Analisis Audit terhadap data mendapat pihak SBC mengambil masa di antara 3 hingga 7 tahun untuk mengadakan mesyuarat perundingan bersama ketua komuniti bagi mewujudkan kesedaran terhadap kepentingan pengetahuan tradisional di kalangan komuniti seperti di **Jadual 6.2**.

Jadual 6.2
Tempoh Pelaksanaan Mesyuarat Perundingan

Bil.	Etnik	Bilangan Lokasi	Lokasi	Tahun Pelaksanaan	Tempoh (Tahun)
1.	Lun Bawang	3	Long Semado	2005	3 (2006-2008)
			Lawas	2009	
			Ba' Kelalan	2009	
2.	Kelabit	3	Bario	2005, 2011	5 (2006-2010)
			Long Seridan	2005	
			Pa Derong (Bario)	2005	
3.	Penan	3	Long Latei	2005	7 (2006-2012)
			Long Pa' Barei	2005	
			Sg. Asap (Murum)	2013	
4.	Melanau	3	Mukah	2005, 2009	3 (2006-2008)
			Dalat	2009, 2011	
			Matu	2009, 2011	
5.	Melayu	4	Kampung Moyan Laut	2003	4 (2004-2007)
			Santubong	2008	
			Sebuyau	2014	5 (2009-2013)
			Sundar, Lawas	2014	
6.	Bisaya	1	Limbang	2005, 2009, 2013	3 (2006-2008)
7.	Salako	1	Kampung Pueh	2003, 2008	4 (2004-2007)
8.	Kayan	2	Sg. Asap	2005	4 (2006-2009)
			Belaga	2010	
					3-7

Sumber: Pusat Kepelbagai Biologi Sarawak

- Sepertira itu, pelaksanaan bengkel pertama dokumentasi yang melibatkan 3 komuniti mengambil masa di antara 2 hingga 4 tahun setelah mesyuarat diadakan manakala susulan yang melibatkan 6 komuniti dilaksanakan di antara 2 hingga 10 tahun dan tiada susulan dibuat melibatkan 3 komuniti walaupun bengkel pernah diadakan sejak 2 hingga 12 tahun yang lalu seperti di **Jadual 6.3**.

Jadual 6.3
Tempoh Pelaksanaan Aktiviti

Bil.	Etnik	Lokasi	Mesyuarat Perundingan	Bengkel Pertama Dokumentasi	Tempoh (Tahun)
Bengkel Pertama Dokumentasi					
1.	Lun Bawang	Long Sermado	2005	2007	2 (2006-2007) 4 (2011-2014)
		Long Tuyo	2010, 2013	2014	
2.	Salako	Kampung Pueh	2003, 2008	2005	2 (2004-2005)
3.	Kayan	Belaga	2010	2014	4 (2011-2014)
					2-4
Susulan Selepas Bengkel Pertama Dokumentasi					
Bil.	Etnik	Lokasi	Bengkel Pertama Dokumentasi	Susulan	Tempoh (Tahun)
1.	Lun Bawang	Long Sebangan Asal	2010	2013, 2015	3 (2011-2013)
2.	Kelabit	Pa' Ukat (Bario)	2005	2008, 2011, 2012, 2014, 2015	3 (2006-2008)
		Pa' Lungan (Bario)	2005	2008, 2011, 2012, 2014, 2015	
3.	Kenyah	Long Pelutan (Baram)	2008	2012, 2013	4 (2009-2012) 3 (2012-2014)
		Long Ikang (Marudi)	2011	2014	
4.	Melanau	Kampung Jebungan (Mukah)	2009	2012, 2015	3 (2010-2012)
5.	Salako	Kampung Pueh	2005	2007, 2008, 2015	2 (2006-2007)
6.	Kayan	Long Bedian (Sg. Asap)	2005	2015	10 (2006-2015)
					2-10
Bil.	Etnik	Lokasi	Bengkel Pertama Dokumentasi	Susulan	Tempoh (Tahun)
7.	Bisaya	Batu Danau	2005	Tiada	10 (2006-2015) 2 (2014-2015)
		Kampung Bidang	2013		
8.	Berawan	Long Terawan	2003	Tiada	12 (2004-2015)
9.	Kayan	Rh. Lesong (Sg. Asap)	2007	Tiada	8 (2008-2015)
					2-12

Sumber: Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak

- ii. **Maklum balas daripada SBC bertarikh 31 Disember 2015, menyatakan antara lain susulan lambat atau ditangguhkan adalah kerana komuniti sibuk dengan aktiviti lain, masa yang tidak sesuai, pengurusan projek belum mendapat persetujuan semua penghuni dan orang yang berpengetahuan sudah meninggal dunia dan terlalu tua. Aktiviti ini juga bergantung kepada komitmen komuniti dan dilaksanakan secara sukarela. Pihak SBC memaklumkan sedang di dalam proses untuk menambah baik SOP dengan**

memasukkan kriteria pemilihan lokasi/kampung dan tempoh pelaksanaan bagi memastikan Program TK dijalankan dengan lebih efektif dan efisien.

Pada pendapat Audit, *Standard Operating Procedure* bagi sesuatu Program hendaklah jelas dan lengkap. Manakala aktiviti susulan hendaklah dilaksanakan dengan lebih kerap. Seterusnya pemantauan wajar dilakukan bagi memastikan Program Dokumentasi dan Pemeliharaan Pengetahuan Tradisional berjalan dengan teratur dan berkesan.

6.4.1.2. Program Penyelidikan Dan Pembangunan Ke Atas Biodiversiti

- a. Pindaan kepada Ordinan Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak pada tahun 2003 membolehkan SBC menjalankan kajian bioteknologi intensif dan pembangunan produk ke atas kepelbagaian sumber biologi (habitat daratan dan marin). Pencapaian strategi untuk meningkatkan penyelidikan biodiversiti di negeri Sarawak dalam RMKe-10 bagi tempoh 3 tahun telah mencapai 83.4% setakat Ogos 2015 seperti di Jadual 6.4.

Jadual 6.4
Pencapaian Strategi Untuk Meningkatkan Penyelidikan
Biodiversiti Bagi tempoh 3 Tahun Di Bawah RMKe-10

Bil.	Butiran	Bilangan Sasaran (Bil)	Bilangan Pencapaian (Bil)	Peratusan Pencapaian (%)
1.	Pengeluaran kertas penyelidikan	170	154	90.6
2.	Penerbitan kertas penyelidikan	12	8	66.7
3.	Bilangan anugerah/pembentangan kertas peringkat Negara dan antarabangsa	35	23	65.7
4.	Bilangan IPR didaftar	6	1	16.7
Jumlah		223	186	83.4

Sumber: Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak

b. Kerjasama Di Dalam Bidang Penyelidikan Dan Pembangunan

- i. Sebanyak 23 kerjasama di dalam bidang penyelidikan dan pembangunan telah ditandatangan oleh SBC setakat 31 Disember 2015. Kerjasama yang ditandatangan oleh SBC adalah 16 kerjasama antarabangsa melibatkan 9 organisasi korporat dan 7 institusi penyelidikan serta 7 kerjasama tempatan yang melibatkan 5 organisasi korporat dan 2 institusi penyelidikan. Hasil daripada kerjasama yang ditandatangani, SBC telah menerbit 8 kertas penyelidikan, 23 pembentangan kertas di peringkat negara dan antarabangsa serta mendapatkan *Intellectual Properties Rights* (IPR) iaitu *Patent for Aglaia Project, Trademark and Geographical Indication for LitSara* di dalam RMKe-10.

- ii. Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak telah menandatangani *Collaboration Agreement* dan *Feasibility Study Agreement* bersama Mitsubishi Corporation (MC) untuk penyelidikan *microalgae* bagi mengenal pasti ciri biologi yang berguna serta berpotensi untuk pembangunan produk.
- *Collaboration Agreement* (Fasa I) yang ditandatangani pada 31 Oktober 2012 mengenai penubuhan *Microalgae Library* di mana skop projek adalah mengumpul *microalgae*, menganalisa kriteria, merekod, memelihara dan menguji kultur *microalgae*. Perjanjian tersebut telah tamat pada 31 Oktober 2014.
 - Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak telah memperbaharui perjanjian bersama MC melalui *Feasibility Study Agreement* (Fasa II) pada 5 Jun 2015. Skop projek bagi Fasa II adalah untuk menilai, menganalisa kriteria termasuk kadar pertumbuhan, komposisi dan kandungan minyak bagi *microalgae* yang dikaji serta meneruskan pengumpulan *microalgae* sebagai bahan nutrisi, makanan, minyak *fatty acid* dan bahan bakar.
 - Perbelanjaan projek ditanggung oleh pihak MC sepenuhnya dengan anggaran pembiayaan berjumlah RM2.20 juta. Bagaimanapun, setiap hasil penemuan adalah menjadi hak milik kepada Kerajaan Negeri Sarawak. Setakat 2014, sebanyak 379 *microalgae* yang dikumpul di bawah *Microalgae Library* berjaya didaftar dan dipelihara serta dikategorikan di bawah penyelidikan yang dijalankan oleh SBC.
- iii. Selain itu, SBC juga telah menandatangani perjanjian pada 20 Oktober 2011 bagi membekalkan 500 ekstrak tumbuhan dalam bentuk pati kepada PepsiCo. Projek ini adalah untuk mencari ramuan semulajadi yang baru bagi penyediaan makanan dan minuman yang lebih sihat. Setakat Disember 2015, pihak SBC telah membekalkan sebanyak 500 ekstrak tumbuhan kepada PepsiCo.

c. Pengurusan Harta Intelek

Setakat Disember 2015, SBC memegang hak bagi 5 harta intelek termasuk *LitSara* sebagai *oral care products for oral hygiene and growth inhibition of microorganisms* yang telah dibangun bersama dengan LARS Bjork t/a EUKARYOT HB. Lima harta intelek yang dipegang oleh SBC melibatkan kos sejumlah RM0.96 juta seperti di **Jadual 6.5**.

Jadual 6.5
Senarai Pemegangan Hak Ke Atas Harta Intelek

Bil.	Harta Intelek	Tarikh Didaftarkan	Tujuan	Kos (RM)
1.	<i>Silvestrol – Therapeutic Compounds And Methods</i>	08.09.2002	<i>The use of silvestrol in therapy as well as compositions comprising the said compounds</i>	799,324
2.	<i>LitSara Geographical Indicator</i>	28.01.2011	<i>Geographical indication of Litsea cubeba/unique based on location</i>	3,693
3.	<i>LitSara Trademark</i>	28.01.2011	<i>Registered as trademark under class 5 (pharmaceuticals)</i>	17,128
4.	<i>LitSara Patent On Oral Care</i>	09.05.2012	<i>LitSara as oral care products</i>	40,965
5.	<i>Method for Identification of Aglaia Stellatopilosa</i>	31.05.2011	<i>Method for Identification of Aglaia stellatopilosa</i>	93,905
Jumlah				955,015

Sumber: Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak

d. Pencapaian *Natural Product Library*

- i. Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak telah membina 5 makmal pada tahun 2005 dengan kos berjumlah RM4.90 juta iaitu Pengekstrakan, Molekular Biologi, Mikrobiologi, Kultur Tisu Tumbuhan dan Analisa Kimia bagi memulakan projek penyelidikan untuk mewujudkan *Natural Product Library*. Sasaran projek di dalam RMKe-10 adalah untuk meluaskan *Natural Product Library* seperti pengumpulan produk semulajadi daripada sumber biologi yang lain seperti marin, serangga dan organisma lain, bahan aktif dan enzim daripada sumber biologi yang boleh dimanfaatkan untuk aplikasi industri yang meluas seperti biofuel, enzim mikrob dan penjagaan kesihatan serta menjana output harta intelek yang bernilai untuk negeri Sarawak. Semakan Audit mendapati 46,498 ekstrak iaitu 23,506 daripada ekstrak tumbuhan dan 22,992 daripada ekstrak mikrob telah direkod dalam *Natural Product Library* setakat 1 Disember 2015 seperti di **Jadual 6.6**.


Jadual 6.6
Bilangan Ekstrak Daripada Tumbuhan Dan Mikrob Yang Direkod Dalam *Natural Product Library*

Bil.	Sumber Ekstrak	Bilangan Ekstrak			
		2001 Hingga 2005 (RMKe-8)	2006 Hingga 2010 (RMKe-9)	2011 Hingga 2015 (RMKe-10)	Jumlah Ekstrak
1.	Tumbuhan	4,506	15,344	3,656	23,506
2.	Mikrob	-	12,185	10,807	22,992
Jumlah		4,506	27,529	14,463	46,498

Sumber: Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak

- ii. Menurut KPI, SBC mensasarkan sejumlah 16,000 ekstrak didaftar di dalam *Natural Product Library* bagi tempoh RMKe-10. Analisis Audit ke atas bilangan ekstrak yang didaftar pada setiap tahun mendapat bilangan ekstrak rendah bagi tempoh 2011 hingga 2015 berbanding dengan bilangan ekstrak bagi tempoh 2006 hingga 2010 seperti di **Carta 6.2**. Jumlah keseluruhan yang didaftarkan di dalam tempoh RMKe-10 iaitu 14,463 ekstrak juga menunjukkan pengurangan sebanyak 13,066 atau 47.5% ekstrak berbanding 27,529 ekstrak di dalam tempoh RMKe-9.


Carta 6.2
Bilangan Pengumpulan Ekstrak Di Dalam Tahun 2006 Hingga 2015



Sumber: Pusat Kepelbagai Biologi Sarawak

- iii. **Maklum balas daripada SBC bertarikh 31 Disember 2015, menyatakan SBC memberi fokus kepada projek di bawah kerjasama SBC dan Ohio State University yang melibatkan pengumpulan ekstrak secara besar besaran terutama spesis *Aglaia* yang mengandungi bahan aktif *Silvestrol*. Pengumpulan ekstrak secara besar besaran adalah perlu bagi mendapatkan bahan aktif yang mencukupi untuk kajian pra-klinikal dan toksikologi. Pihak SBC memaklumkan bilangan terkumpul ekstrak adalah meningkat setiap tahun seperti di Carta 6.3.**

Carta 6.3
Bilangan Ekstrak Terkumpul Meningkat Setiap Tahun



Sumber: Pusat Kepelbagai Biologi Sarawak

Pada pendapat Audit, pengumpulan ekstrak dan penyelidikan hendaklah diperluaskan dan tidak hanya tertumpu kepada sejenis ekstrak sahaja bagi mencapai sasaran SBC untuk meluaskan *Natural Product Library*. Peningkatan bilangan terkumpul ekstrak bagi tahun 2011 hingga 2015 adalah rendah berbanding dengan tahun 2006 hingga 2010.

e. Pembangunan Produk *LitSara*

- Semakan Audit mendapati penyelidikan ke atas tumbuhan aromatik merupakan fokus utama SBC di bawah pembangunan produk dalam RMKe-10. Di antara tumbuhan yang dikaji adalah Pahkak, Bunga Ta'ang dan Sarang Bejit bagi tujuan komersil. Penyelidikan terhadap tumbuhan Pahkak bermula sejak tahun 2008 dengan pembangunan produk *prototype* iaitu *Insect Repellent*, *Toothpick*, *Soap*, *Shampoo* daripada pati minyak tumbuhan tersebut. Setakat tahun 2014, sebanyak 244 pati minyak telah diekstrak daripada tumbuhan tersebut dan menghasilkan produk yang dinamakan *LitSara* seperti di **Gambar 6.5** dan **Gambar 6.6**.

Gambar 6.5
Pahkak Tree (*Litsea cubeba*)



Sumber: Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak

Gambar 6.6
Produk *LitSara*



Sumber: Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak

- ii. Pada tahun 2013, SBC telah menjalankan kajian pasaran dengan menyediakan sebanyak 1,221 pek percubaan. Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak telah menerima 186 maklum balas dan menerima komen yang positif daripada pengguna. Analisis Audit ke atas kajian pasaran yang diadakan pada tahun 2013 mendapati 127 atau 68.3% pengguna menyatakan akan membeli produk sekiranya terdapat di pasaran. Bagaimanapun, pengkomersilan produk *LitSara* masih belum tercapai.
- iii. **Maklum balas daripada SBC bertarikh 31 Disember 2015, menyatakan usaha untuk mencari pengusaha tempatan yang dapat mengkomersilkan produk *LitSara* sedang giat dijalankan. Setakat 1 Disember 2015, sebanyak 716 set korporat dan 943 buku sabun telah dijual dengan jumlah hasil keseluruhan adalah RM36,273.**

Pada pendapat Audit, produk *LitSara* perlu dikomersilkan dengan mempelawa dan menarik minat pengusaha tempatan untuk mengkomersilkan produk tersebut.

f. Pembangunan Pangkalan Data

Pusat Kepelbagaian Biologi telah memperluaskan sistem *Biodiversity NatPro Database System (BioD NatPro)* yang digunakan sejak 2003 dengan membangunkan sistem *StarLIMS* yang bernilai RM1.06 juta pada tahun 2013. Sistem ini menggabungkan data program Dokumentasi dan Pemeliharaan Pengetahuan Tradisional dengan data program Penyelidikan Dan Pembangunan. Sistem tersebut telah mula digunakan pada 18 Mac 2015. Proses pemindahan data telah siap pada 18 Mac 2016.

6.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini, adalah disyorkan Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak mengambil tindakan seperti berikut:

6.5.1. Memastikan *Standard Operating Procedure* ditambahbaik agar pengurusan Program Dokumentasi dan Pemeliharaan Pengetahuan Tradisional dapat dipertingkatkan.

6.5.2. Menggiatkan pengumpulan dan penyelidikan terhadap pelbagai ekstrak dan tidak tertumpu kepada sejenis ekstrak sahaja agar penemuan bahan aktif yang berfaedah selain daripada *Silvestrol* dapat dipelbagaikan.

6.5.3. Meningkatkan usaha dalam mendapatkan pihak yang berminat untuk mengkomersilkan produk *LitSara*.

SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI DIPERBADANKAN

7. PPLS POWER GENERATION SDN. BHD.

7.1. LATAR BELAKANG

7.1.1. PPLS Power Sdn. Bhd. telah diperbadankan pada 5 September 2002 dan telah ditukarkan namanya kepada PPLS Power Generation Sdn. Bhd. (PPLS) pada 3 Oktober 2002. PPLS Power Generation Sdn. Bhd. dimiliki sepenuhnya oleh syarikat SESCO Berhad (SESCO) yang mana SESCO adalah milik penuh Syarikat Sarawak Energy Berhad (SEB). Kerajaan Negeri Sarawak memegang sebanyak 61.3% saham manakala syarikat Delegateam Sdn. Bhd. memegang sebanyak 38.7% dalam syarikat SEB. Modal dibenar adalah berjumlah RM230 juta dan modal berbayar adalah RM140 juta.

7.1.2. Objektif penubuhan PPLS adalah untuk melaksanakan Fasa II *Extension Project (2 x 55 MW Coal-Fired Station)* di Sejingkat bermula pada tahun 2004 dengan tujuan menjana dan menjual tenaga elektrik kepada Syarikat SESCO Berhad (SESCO). Loji penjanaan tenaga PPLS terletak di kawasan seluas 130 hektar dan juga menempatkan syarikat Sejingkat Power Corporation Sdn. Bhd. (SPC) yang mana SEB memegang 50.8% dan SESCO memegang 49.2% dalam syarikat SPC.

7.1.3. PPLS Power Generation Sdn. Bhd. mempunyai 3 ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Sarawak Energy Berhad (SEB) iaitu YBhg. Datuk Torstein Dale Sjotveit, Encik Ung Sing Kwong dan Encik Lu Yew Hung. Operasi harian PPLS diurus sepenuhnya oleh SPC dengan caj operasi dan pengurusan sejumlah RM600,000 sebulan dan RM825,829 sebulan mulai tahun 2014. Caj ini termasuk penggunaan peralatan dan kemudahan yang disediakan untuk kegunaan sama kedua-dua syarikat iaitu PPLS dan SPC seperti loji rawatan air kumbahan, waf untuk pemunggahan arang batu, kolam abu, *stockyard* arang batu dan gudang peralatan alat ganti.

7.1.4. Pada tahun 2014, hasil utama iaitu jualan tenaga elektrik berjumlah RM148.62 juta manakala kutipan hasil pelbagai adalah RM1.03 juta. Pada tempoh yang sama, syarikat telah berbelanja sejumlah RM119.22 juta iaitu RM115.02 juta merupakan perbelanjaan langsung dan RM4.20 juta perbelanjaan pengurusan pentadbiran serta kos kewangan.

7.1.5. Sejak mula beroperasi, PPLS telah menerima pelbagai anugerah dan pensijilan seperti *Power Producer Excellence Award – Coal Power Plant* daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air Malaysia (KeTTHA) pada tahun 2013, *The Sarawak Chief Minister Environmental Award (Large Industries-services)* memperolehi *Gold* (2012) dan *Platinum Award* (2014). Syarikat juga menerima pensijilan ISO 9001 *Quality Management System*, ISO 14001 *Environmental Management System*, ISO 27001 *Information Security*

Management System dan OHSAS 18001 Occupational Safety & Health Management System.

7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan PPLS memuaskan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

7.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan di pejabat korporat PPLS di Menara SEB dan juga di Pejabat SPC di Sejingkat dan meliputi aspek prestasi kewangan bagi tahun 2012 hingga 2014 termasuk pengauditan terhadap pengurusan kewangan, pengurusan aktiviti syarikat dan tadbir urus korporat. Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak rekod dan dokumen yang berkaitan dengan pengurusan aktiviti, tadbir urus dan pengurusan kewangan. Analisis kewangan syarikat merangkumi analisis trend dan nisbah kewangan berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2012 hingga 2014. Selain itu, temu bual dengan pegawai SPC, pemeriksaan fizikal aset serta lawatan tapak juga dijalankan di loji penjanaan tenaga elektrik di Sejingkat. *Exit Conference* bersama Naib Presiden Kanan (*Thermal*) selaku Pengarah PPLS, Naib Presiden Audit Dalam, Pengurus Stesen PPLS/SPC, Pengurus Pemantauan Prestasi dan Pelaporan, Pengurus Perkhidmatan Akaun, Akauntan Kanan, Jurutera Kanan, Jurutera dan Kerani Kanan telah diadakan pada 25 November 2015.

7.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Julai 2015 hingga Ogos 2015 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti PPLS adalah baik manakala pengurusan tadbir urus adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang boleh ditambah baik seperti berikut:

- Perjanjian Perkhidmatan Operasi Dan Penyenggaraan Kilang Fasa II antara PPLS dan SPC tidak disediakan semenjak PPLS mula beroperasi pada tahun 2005 manakala perjanjian Bekalan Arang Batu antara PPLS dan Sarawak Coal Resources Sdn. Bhd yang tamat tempoh pada 30 April 2014 belum diperbarui.
- Mesyuarat Lembaga Pengarah tidak diadakan bagi tahun 2012 hingga 2014.

7.4.1. Prestasi Kewangan

Analisis kewangan dibuat berdasarkan Penyata Kewangan PPLS yang telah diaudit bagi tahun 2012 hingga 2014. Analisis trend dan analisis nisbah kewangan telah digunakan sebagai pendekatan Audit untuk menilai prestasi kewangan PPLS.

7.4.1.1. Analisis Trend

a. Analisis Pendapatan

Analisis Audit terhadap penyata kewangan mendapati PPLS telah mencatatkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM13.04 juta pada tahun 2012, RM22.74 juta pada tahun 2013 dan RM24.40 juta pada tahun 2014. Keuntungan terkumpul syarikat ialah RM132.51 juta pada 2014. PPLS Power Generation Sdn. Bhd. belum mengisyiharkan pembayaran dividen setakat tahun 2014. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan terkumpul PPLS bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti **Jadual 7.1**, **Carta 7.1** dan **Carta 7.2**.

Jadual 7.1

Keuntungan Terkumpul Selepas Cukai PPLS Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Butiran	Tahun		
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Pendapatan Langsung	144.78	156.49	148.62
Perbelanjaan Langsung	120.15	120.93	115.02
Untung Kasar	24.63	35.56	33.60
Pendapatan Lain	0.51	0.68	1.03
Perbelanjaan Pentadbiran	1.88	2.20	2.35
Kos Kewangan	5.78	3.69	1.85
Keuntungan Sebelum Cukai	17.48	30.35	30.43
Cukai	4.44	7.61	6.03
Keuntungan Selepas Cukai	13.04	22.74	24.40
Dividen	0.00	0.00	0.00
Keuntungan Terkumpul Selepas Cukai	85.37	108.11	132.51


Sumber: PPLS Power Generation Sdn. Bhd.

Carta 7.1
Trend Keuntungan Sebelum Cukai Dan Keuntungan Terkumpul Selepas Cukai Bagi Tahun Kewangan 2012 Hingga 2014



Sumber: PPLS Power Generation Sdn. Bhd.

Carta 7.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun Kewangan 2012 Hingga 2014



Sumber: PPLS Power Generation Sdn. Bhd.

b. Analisis Liabiliti

- Liabiliti syarikat terdiri daripada hutang dagangan dengan pihak ketiga dan syarikat berkaitan, pinjaman daripada SESCO, perbelanjaan akruan, hutang bukan dagangan dan percuakan. Jumlah liabiliti perniagaan PPLS adalah RM113.27 juta pada tahun 2012, RM83.03 juta pada 2013 dan RM67.26 juta pada 2014. Analisis Audit mendapati trend penurunan liabiliti sejumlah RM30.24 juta atau 26.7% pada tahun 2013 berbanding 2012 dan RM15.77 juta atau 18.9% pada tahun 2014 berbanding 2013. Penurunan ini adalah disebabkan pembayaran balik hutang secara berkala kepada syarikat induk di mana ia memberi kesan penurunan liabiliti syarikat. Butiran lanjut liabiliti PPLS bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti pada **Jadual 7.2**.

Jadual 7.2
Analisis Liabiliti PPLS Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Bil.	Butiran	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1.	Pemutang Dagangan	7.84	4.47	4.36
2.	Pinjaman Daripada SESCO	74.00	40.00	16.00
3.	Perbelanjaan Akruan Dan Pembayaran Lain	1.20	0.79	0.42
4.	Pemutang Bukan Dagangan	1.68	1.77	4.74
5.	Liabiliti Percukaian - <i>Income tax payable</i>	0.05	0.06	0.01
	- <i>Deferred tax liability</i>	28.50	35.94	41.73
Jumlah Liabiliti Perniagaan		113.27	83.03	67.26

Sumber: PPLS Power Generation Sdn. Bhd.

- ii. Pinjaman sejumlah RM265 juta daripada SESCO merupakan satu-satunya pembiayaan yang diterima oleh PPLS sejak penubuhannya. Pinjaman ini bertujuan untuk pembiayaan perolehan, pemasangan dan kos konsultansi untuk mesin penjana kuasa yang dibeli dan dipasang pada tahun 2005. Semakan Audit mendapati terma pinjaman adalah tanpa cagaran, kadar faedah tetap tahunan pada 6.1% dan pembayaran balik pinjaman hanya dibayar jika ada tuntutan daripada SESCO. Semakan Audit seterusnya mendapati tiada bukti perjanjian pinjaman dimeterai antara SESCO dengan PPLS semasa pinjaman dikeluarkan kepada PPLS.
- iii. **Maklum balas daripada PPLS bertarikh 19 November 2015, menyatakan tiada polisi dan tiada perjanjian secara rasmi disediakan untuk pinjaman antara SESCO dengan PPLS kerana PPLS adalah 100% anak syarikat SESCO. Tiada tempoh untuk pembayaran balik ditetapkan dan PPLS menjelaskan hutang berdasarkan kecairan tunai. Pinjaman tersebut telah diselesaikan pada bulan April 2015.**

7.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan syarikat, analisis nisbah semasa, margin untung bersih, nisbah pulangan ke atas aset, nisbah pulangan ke atas ekuiti dan nisbah hutang telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2012 hingga 2014. Hasil analisis nisbah kewangan menunjukkan prestasi kewangan seperti **Jadual 7.3**.

Jadual 7.3
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Butiran	Tahun		
	2012	2013	2014
Nisbah Semasa	0.51 : 1	1.15 : 1	2.50 : 1
Margin Untung Bersih	9.01%	14.53%	16.42%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.04 : 1	0.07 : 1	0.07 : 1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.06 : 1	0.09 : 1	0.09 : 1
Nisbah Hutang	0.33 : 1	0.25 : 1	0.20 : 1

Sumber: PPLS Power Generation Sdn. Bhd.

a. Nisbah Semasa

Nisbah ini digunakan untuk mengukur tahap kecairan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat untuk membayar hutang dalam jangka masa pendek. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Analisis Audit mendapati nisbah semasa PPLS bagi tahun kewangan 2012 hingga 2014 adalah 0.51:1, 1.15:1 dan 2.50:1. Ini menunjukkan nisbah semasa PPLS pada tahun 2014 berada di atas norma 2:1.

b. Margin Untung Bersih

Nisbah ini menunjukkan keberkesanan aktiviti urus niaga dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah kedudukan syarikat adalah lebih baik iaitu syarikat berjaya meningkatkan keuntungan daripada setiap ringgit jualan. Analisis Audit mendapati PPLS mencatatkan margin untung bersih berjumlah 9 sen pada tahun 2012, 15 sen pada 2013 dan 16 sen pada 2014.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah ini mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan ke atas aset telah mencatat pulangan 4 sen pada tahun 2012, 7 sen pada 2013 dan 7 sen pada 2014 bagi setiap ringgit aset syarikat.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat lebih berupaya menghasilkan keuntungan yang lebih tinggi. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan ke atas ekuiti telah mencatat pulangan 6 sen pada tahun 2012, 9 sen pada 2013 dan 9 sen pada 2014 bagi setiap ringgit ekuiti syarikat.

e. Nisbah Hutang

Nisbah Hutang merupakan pendekatan yang sering digunakan untuk menilai kestabilan syarikat iaitu sejauh mana tanggungan perlu dibayai oleh aset yang dimiliki oleh syarikat. Kedudukan nisbah antara tanggungan dan aset pada kadar kurang 0.5:1 menunjukkan keadaan yang baik. Analisis Audit mendapati, nisbah hutang PPLS bagi tahun kewangan 2012 hingga 2014 adalah memuaskan iaitu 0.33:1 pada tahun 2012, 0.25:1 pada 2013 dan 0.20:1 pada 2014. Ini menunjukkan operasi syarikat adalah baik dan aset yang sedia ada mampu digunakan untuk menyelesaikan hutang.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan PPLS adalah baik di mana syarikat telah mencatat keuntungan terkumpul selepas cukai dan menunjukkan trend keuntungan meningkat setiap tahun.

7.4.2. Pengurusan Aktiviti

Akitiviti utama PPLS adalah mengoperasi serta menyenggara stesen penjanaan tenaga elektrik dengan tujuan menjana dan menjual tenaga elektrik kepada SESCO. Selain itu, PPLS mengurus perolehan serta penggunaan arang batu dan menyenggara *stockyard* arang batu. PPLS Power Generation Sdn. Bhd. berkongsi kos dengan SPC dan menyenggara 2 buah kolam abu, loji rawatan air kumbahan, waf untuk memunggah arang batu, sistem pendingin air mentah serta membuat pemantauan terhadap persekitaran.

7.4.2.1. Pencapaian Key Performance Indicator (KPI)

Pengurusan operasi PPLS telah dilaksanakan oleh SPC dengan menetapkan KPI pencapaian sasaran minima. Semakan Audit mendapati jumlah keseluruhan pencapaian KPI syarikat berdasarkan peratusan pada tahun 2012, 2013 dan 2014 adalah baik di mana ia telah melebihi pencapaian minimum yang ditetapkan oleh PPLS/SEB dan berjaya mencapai keseluruhan elemen kawalan yang disasarkan bagi tempoh tersebut. Butiran pencapaian KPI bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 adalah seperti di **Jadual 7.4**.

Jadual 7.4
Pencapaian KPI Bagi Tempoh 2012 Hingga 2014

Butiran	2012			2013			2014		
	Sasaran (%)	Sebenar (%)	Capai (%)	Sasaran (%)	Sebenar (%)	Capai (%)	Sasaran (%)	Sebenar (%)	Capai (%)
Bilangan kes <i>tripping</i> se unit se tahun									
Unit 3	5	1	4	5	4	1	5	2	3
Unit 4	5	4	1	5	3	2	5	5	0
<i>12 months rolling Equivalent Availability Factor (EAF)</i> tidak termasuk <i>overhaul</i> kecil dan besar									
Unit 3	>92	95.1	3.1	>86	94.9	8.9	>85	86.9	1.9
Unit 4	>92	93.5	1.5	>86	96.2	10.2	>85	88.7	3.7

Sumber: PPLS Power Generation Sdn. Bhd.

7.4.2.2. Perjanjian Perkhidmatan Operasi Dan Penyenggaraan Kilang Fasa II

- a. Perkhidmatan Operasi Dan Penyenggaraan Kilang Fasa II termasuk perancangan sumber manusia secara keseluruhan dan program latihan kecekapan dilaksanakan oleh SPC bagi pihak PPLS. Adalah didapati perjanjian ini hanya dikeluarkan melalui surat bertarikh 2 Ogos 2006 dan menyatakan terma yang dipersetujui antara kedua pihak dengan caj operasi dan pengurusan sejumlah RM600,000 sebulan dan kenaikan sebanyak 3% setahun bagi *escalation of indirect charges* mulai 1 Januari 2007. Semakan Audit mendapati tiada perjanjian kontrak dimeterai antara PPLS dengan SPC.

- b. Semakan Audit juga mendapati PPLS tidak mempunyai tenaga kerja dan semua pengurusan operasi dan aktiviti penjanaan tenaga elektriknya hinggalah proses pengebilan dilaksanakan oleh SPC berdasarkan peraturan dan prosedur kerja yang ditetapkan oleh SPC. Sejingga Power Corporation Sdn. Bhd. juga bertanggungjawab memantau persekitaran dan mengadakan kawalan keselamatan. Untuk tujuan ini, PPLS telah membayar kepada SPC caj operasi dan pengurusan sejumlah RM12.05 juta pada tahun 2012, RM13.07 juta pada 2013 dan RM13.31 juta pada 2014.
- c. **Maklum balas daripada PPLS bertarikh 19 November 2015, menyatakan perjanjian perkhidmatan operasi dan penyenggaraan tidak dimeterai kerana SPC dan PPLS telah bersetuju dengan caj perkhidmatan operasi dan penyenggaraan melalui perbincangan pihak pengurusan dalam. Kenaikan tahunan sebanyak 3% adalah untuk menandingi kos operasi dan penyenggaraan yang semakin meningkat setiap tahun selaras dengan kadar kenaikan yang dinyatakan dalam *Power Purchase Agreement* untuk *Energy Tariff Non-Fuel Component*.**

7.4.2.3. Prestasi Penjualan Tenaga Dan Kutipan Hasil

- a. Satu perjanjian iaitu *Power Purchase Agreement* telah dimeterai di antara PPLS dengan SESCO pada 1 Januari 2005 dan *Supplementary Agreement* bertarikh 5 Mei 2008. Perjanjian ini bertujuan untuk menetapkan terma dan syarat dalam pengurusan penjualan tenaga elektrik oleh PPLS kepada SESCO untuk tempoh tidak kurang daripada 25 tahun. Semakan Audit mendapati syarat dan terma perjanjian mengambil kira tanggungjawab jual beli kedua pihak, pengurusan tuntutan dan pembayaran, kaedah operasi serta kerja penyenggaraan untuk menentukan penghasilan tenaga adalah berterusan dan kawalan keselamatan operasi terjamin. Selain daripada bayaran bulanan bagi pembelian tenaga elektrik, pihak SESCO juga membayar caj kapasiti untuk *dependable capacity available* berdasarkan kaedah dan kadar yang ditetapkan dalam klausula 5.1 perjanjian tersebut. Kadar harga jualan boleh disemak semula setiap 5 tahun.
- b. Pada tahun 2012 hingga 2014, PPLS telah menganggar berkemampuan untuk menjual 1,825.45 juta KWH tenaga elektrik kepada SESCO dan mendapat hasil jualan berjumlah RM270.98 juta serta hasil caj kapasiti sejumlah RM126.62 juta. Semakan Audit mendapati PPLS telah mencapai sasaran penjualan tenaga elektrik dan kutipan hasil bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014. Adalah didapati bagi tempoh 2012 hingga 2014, PPLS telah mengeksport 2,058.20 juta KWH kepada SESCO iaitu melebihi 12.8% berbanding yang disasarkan. Hasil jualan diperoleh bagi tempoh yang sama berjumlah RM307.39 juta iaitu melebihi 13.4% berbanding anggaran manakala hasil caj kapasiti berjumlah RM127.57 juta atau melebihi 0.8% daripada anggaran pada tempoh yang sama. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 7.5**.

Jadual 7.5
Jualan Dan Hasil Daripada Penjanaan Tenaga Elektrik Bagi Tempoh 2012 Hingga 2014

Bil.	Perkara	2012	2013	2014	Jumlah
1.	Jualan Tenaga Elektrik (KWH)				
	Sasaran	600,777,700	666,209,280	558,460,400	1,825,447,380
	Sebenar	658,134,326	736,150,988	663,917,895	2,058,203,209
(%) pencapaian		109.5	110.5	118.9	112.8
2.	Hasil Jualan (RM)				
	Sasaran	88,339,935	98,907,579	83,737,075	270,984,589
	Sebenar	96,836,327	109,264,941	101,293,224	307,394,492
(%) pencapaian		109.6	110.5	120.9	113.4
3	Hasil Tuntutan Caj Kapasiti (RM)				
	Sasaran	43,122,157	42,136,538	41,363,734	126,622,429
	Sebenar	42,378,464	42,941,403	42,254,683	127,574,550
(%) pencapaian		98.3	101.9	102.2	100.8

Sumber: PPLS Power Generation Sdn. Bhd.

- c. **Maklum balas daripada PPLS bertarikh 19 November 2015**, menyatakan penetapan sasaran jualan dibuat berdasarkan rancangan operasi grid tahunan yang ditetapkan oleh pihak *Grid System Operation (GSO)*. Rancangan tersebut mengambil kira faktor penyelenggaraan jangka masa panjang, pendek serta berkala berdasarkan saranan *Operational Equipment Manufacturer (OEM)* dan juga keupayaan purata penjanaan kuasa semasa *high peak* dan *off peak* oleh setiap stesen.

7.4.2.4. Penjanaan Dan Agihan Tenaga Elektrik

- a. Stesen penjana kuasa Sejingkat (untuk SPC dan PPLS) berupaya membekal 1,200 GWH tenaga elektrik setahun untuk grid negeri. Setakat bulan Julai 2015, SPC dan PPLS merupakan pembekal utama tenaga elektrik untuk kawasan Kuching dan membekal 4.5% daripada 4,696.1 MW tenaga elektrik yang digunakan untuk seluruh negeri Sarawak.
- b. Semakan Audit mendapati PPLS mempunyai 2 unit loji janakuasa (Unit 3 dan Unit 4) untuk tujuan menjana tenaga elektrik. Bagi tempoh 2012 hingga 2014, secara puratanya 90.1% tenaga elektrik yang dihasilkan oleh 2 loji PPLS dijual sementara 8.2% digunakan untuk operasi dan 1.7% merupakan tenaga yang hilang. Semakan Audit seterusnya mendapati bagi tempoh 2012 hingga 2014, PPLS telah menjana sejumlah 2,269,231 MWH dan mengeksport 2,058,203 MWH atau 90.1% kepada SESCO manakala sejumlah 186,983 MWH atau 8.2% telah digunakan untuk operasi loji dan 39,363 MWH atau 1.7% merupakan tenaga yang hilang. Maklumat lanjut mengenai penjanaan, penjualan, penggunaan dan kehilangan tenaga elektrik adalah seperti di **Jadual 7.6**.

Jadual 7.6
Penjanaan Tenaga Elektrik Oleh Unit 3 Dan Unit 4 Bagi Tempoh 2012 Hingga 2014

Tahun	Penjanaan	Jualan		Kehilangan (Tidak termasuk defisit / kehilangan lain dikongsi dengan SPC)		Kegunaan Operasi	
		(MWH)	(MWH)	(%)	(MWH)	(%)	(MWH)
Unit 3							
2012	361,709.000	323,594.692	89.0	7,983.000	2.2	31,831.799	8.8
2013	397,792.000	361,690.407	89.8	7,574.000	1.9	33,033.228	8.3
2014	362,459.000	325,667.060	90.0	7,040.345	1.9	29,232.691	8.1
Jumlah	1,121,960.000	1,010,952.159	89.6	22,597.345	2.0	94,097.718	8.4
Unit 4							
2012	363,769.000	334,539.634	90.5	2,384.000	0.7	32,066.258	8.8
2013	409,461.000	374,460.581	90.6	6,354.000	1.5	32,402.463	7.9
2014	374,041.000	338,250.835	90.3	8,027.490	2.1	28,416.591	7.6
Jumlah	1,147,271.000	1,047,251.050	90.4	16,765.490	1.5	92,885.312	8.1
Jumlah Untuk Unit 3 & 4							
2012	725,478.000	658,134.326		10,367.000		63,898.057	
2013	807,253.000	736,150.988		13,928.000		65,435.691	
2014	736,500.000	663,917.895		15,067.835		57,649.282	
Jumlah	2,269,231.000	2,058,203.209	90.1	39,362.835	1.7	186,983.030	8.2

Sumber: Sumber: PPLS Power Generation Sdn. Bhd.

- c. **Maklum balas daripada PPLS bertarikh 19 November 2015, menyatakan purata penggunaan tenaga bagi keperluan unit termasuk kehilangan adalah sekitar 10% atau 5MW daripada nominal pengeluaran normal sebanyak 50MW. Menurut pengiraan yang dibuat pada 2014, 8% adalah kegunaan unit lain, kehilangan unit, busbar dan sebagainya.**

7.4.2.5. Prestasi Pengoperasian

a. Masa Beroperasi Penjanaan Tenaga Elektrik

Semakan Audit terhadap Rekod Kapasiti Sedia Ada (*Capacity/Availability Record*) mendapati 2 loji penjana tenaga PPLS boleh beroperasi selama 52,608 jam bagi tempoh 2012 hingga 2014. Semakan Audit seterusnya mendapati pada tempoh yang sama jumlah jam loji sebenar beroperasi adalah 47,689 jam atau 90.6% berbanding 52,608 jam ianya boleh beroperasi. Adalah didapati 9.4% kadar masa loji tidak beroperasi disebabkan operasi diberhentikan untuk tujuan penyenggaraan yang dijadualkan atau operasi diberhentikan kerana berlaku gangguan atau kerosakan mesin atau peralatan. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 7.7**.

Jadual 7.7
Tempoh Masa Loji Penjana Tenaga Elektrik Beroperasi

Operasi	2012 (Jam)	2013 (Jam)	2014 (Jam)	Jumlah (Jam)
Tempoh Jam Sepatutnya Beroperasi				
Unit 3	8,736	8,832	8,736	26,304
Unit 4	8,736	8,832	8,736	26,304
Jumlah				52,608
Jam Sedia Ada – Beroperasi				
Unit 3	8,102	8,423	7,702	24,227
Unit 4	7,949	8,514	7,791	23,462
Jumlah				47,689
Sedia Ada Tapi Tidak Beroperasi				
Unit 3	0	41	0	41
Unit 4	0	33	0	33
Jumlah				74
Jam Tidak Beroperasi Dijadualkan				
Unit 3	622	166	796	1,584
Unit 4	687	196	888	1,771
Jumlah				3,355
Jam Operasi Diberhentikan (Gangguan)				
Unit 3	11	203	238	452
Unit 4	100	89	848	1,037
Jumlah				1,489

Sumber: PPLS Power Generation Sdn. Bhd.

b. Kadar Penjanaan Tenaga

- i. Setiap loji PPLS (Unit 3 dan Unit 4) mempunyai kapasiti pemasangan (*installed capacity*) 55MW, kapasiti unit *uploading* 50 MW dan kapasiti penghasilan bersih (*capacity net output/declared capacity*) adalah 45 MW. Selaras dengan klausa 9.1 perjanjian, pengoperasian penjanaan tenaga elektrik iaitu kadar unit penjanaan (*unit loading*) serta kapasiti penjanaan ditetapkan adalah tertakluk kepada persetujuan daripada State Despatch Centre (SDC), SEB.
- ii. Semakan Audit mendapati bilangan penjanaan tenaga beroperasi di bawah kapasiti 45 MW (tidak mengambil kira jika kadar pengoperasian telah ditetapkan rendah daripada kapasiti oleh SDC) bagi tempoh 2012 hingga 2014 adalah rendah. Bagi tempoh 2012 hingga 2014, terdapat 258 kejadian melibatkan 884.59 jam bagi Unit 3 dan 230 kes melibatkan 853.20 jam bagi Unit 4 di mana loji berkenaan beroperasi di bawah kapasiti 45 MW. Ini bermakna bagi tempoh 3 tahun tersebut, secara purata hanya berlaku 0.23 dan 0.21 kes sehari dan melibatkan 3.4% dan 3.2% daripada jumlah jam masa beroperasi bagi Unit 3 dan Unit 4. Analisis lanjut adalah seperti di **Jadual 7.8**.

Jadual 7.8
Kejadian Pengoperasian Loji Di Bawah Kadar 45 MW

Tahun	Unit 3 (kapasiti = 26,304 jam)		Unit 4 (kapasiti = 26,304 jam)	
	Bil. Kejadian	Jumlah Jam	Bil. Kejadian	Jumlah Jam
2012	118	537.47	90	544.16
2013	48	80.03	58	107.50
2014	92	267.09	82	201.54
Jumlah	258	884.59	230	853.20
Jumlah Unit 3 dan 4	488	1,737.79		

Sumber: PPLS Power Generation Sdn. Bhd.

Nota:

- i. Jumlah hari setahun: 2012 = 366 : 2013= 365 : 2014= 365 = 1,097 hari x 2 loji = 2,194 hari
- ii. Kapasiti jam beroperasi: 2012 = 8,736 : 2013 = 8,832 : 2014 = 8,736
- iii. Jumlah kapasiti jam beroperasi 2012-2014 = 26,304 jam x 2 loji = 52,608 jam

- iii. Semakan Audit seterusnya mendapati daripada 488 kejadian kadar pengoperasian loji di bawah tahap 45 MW, sejumlah 448 atau 91.1% adalah disebabkan 3 perkara utama iaitu perlunya memulihara stok arang batu untuk operasi seterusnya, variasi pada kualiti arang batu dan berlaku gangguan pada mesin serta peralatan.
- iv. Semakan Audit juga mendapati PPLS ada memberhentikan operasi sebanyak 170 hari bagi 2 loji berkenaan iaitu 18.5 hari bagi Unit 3 dan 114.5 hari bagi Unit 4 dalam tempoh 3 tahun berkenaan. Ini melibatkan 133 hari untuk tujuan menjalankan kerja penyenggaraan yang telah dijadualkan dan 37 hari untuk menjalankan kerja pembaikan terhadap peralatan yang rosak seperti menukar tiub dandang, paip pam pecah dan kebocoran penyaring minyak.
- c. **Maklum balas daripada PPLS bertarikh 19 November 2015**, menyatakan kerja penyenggaraan dibuat berdasarkan keperluan DOSH dan pembuat turbin stim. Merujuk kepada penyelenggaraan berkala, PPLS telah merancanakan perancangan bagi memberhentikan operasi sementara selama 4 hari pada setiap suku tahun bagi setiap unit. Selain itu, *preventive maintenance* dan *front line maintenance* juga dilaksanakan sebagai salah satu inisiatif daripada pihak stesen untuk memastikan keberkesanan pengurusan dan kestabilan operasi dari semasa ke semasa.

7.4.2.6. Pengurusan Arang Batu

a. Pembaharuan Perjanjian Pembekalan Arang Batu

- i. Perjanjian Pembekalan Arang Batu telah dimeterai pada 28 Jun 2010 antara Sarawak Coal Resources Sdn. Bhd. (SCR) dan PPLS Power Generation Sdn. Bhd. bagi tempoh 5 tahun. Berdasarkan klausa 2.2. “*Twelve months prior to the expiry of this contract, the parties hereto shall commence negotiation for the extension of this agreement and the quantity of coal for delivery and the price*

thereof for the extended contractual period". Bagaimanapun, semakan Audit mendapati rundingan pelanjutan perjanjian tidak dibuat dalam tempoh yang ditetapkan.

- ii. Semakan Audit seterusnya mendapati perjanjian tersebut telah tamat pada 30 April 2014 dan setakat bulan November 2015 pelanjutan perjanjian tersebut masih belum dimuktamadkan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati 2 surat pelanjutan tempoh perjanjian telah dikeluarkan iaitu bagi tempoh 6 bulan mulai 1 November 2014 hingga 30 April 2015 dan dilanjutkan lagi bagi tempoh 3 bulan bermula 1 Mei 2015 hingga 31 Julai 2015.
- iii. **Maklum balas daripada PPLS bertarikh 19 November 2015, menyatakan PPLS telah menyediakan draf struktur perjanjian pembekalan arang batu yang merangkumi beberapa klausa baru dan memerlukan persetujuan daripada pihak SCR.** Kedua pihak telah mengadakan beberapa perbincangan dan hasil perbincangan dikemukakan kepada pihak pengurusan atasaran untuk kelulusan. **Maklum balas daripada PPLS bertarikh 28 Mac 2016,** menyatakan pihak pengurusan telah mengambil tindakan sewajarnya serta mewujudkan Jawatankuasa Khas dan melantik firma perundangan bertauliah dalam merangka draf perjanjian yang akan digunakan sepenuhnya oleh SEB. Draf perjanjian akan dimuktamadkan serta dimeterai pada suku tahun keempat 2016.

b. Kuantiti Dan Kualiti Perolehan Arang Batu

- i. Perolehan arang batu adalah tertakluk kepada syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam perjanjian jual beli di antara PPLS dan SCR. Selain itu, SPC ada menyedia prosedur penerimaan, pemunggahan di waf, penempatan dan penyimpanan stok arang batu. Satu pek sampel kawalan arang batu yang diterima akan dihantar ke makmal SPC dan satu pek lagi dihantar ke Jabatan Geologi untuk dianalisis. Prosedur penerimaan bekalan arang batu juga menghendaki pembekal mengemukakan laporan saringan analisis arang batu untuk memastikan kualiti bekalan menepati had kualiti yang ditetapkan. Selain itu, pembekal dan Juruukur Draf Arang Batu juga perlu untuk membuat survei kuantiti arang batu dan dipantau oleh Penyelia Kawalan Arang Batu.
- ii. Syarikat SGS (Malaysia) Sdn. Bhd. telah dilantik untuk membuat analisis serta menyediakan laporan terhadap sampel yang diperiksa. Survei kuantiti dijalankan oleh Maritime Consultants & Cargo Surveyors Sdn. Bhd. dan Saytech General Inspection Services Sdn. Bhd. yang juga mengeluarkan laporan draf survei, sijil berat dan laporan draf survei tongkang. Semakan Audit mendapati survei kuantiti dan analisis terhadap kualiti arang batu ada dijalankan bagi setiap penghantaran bekalan. Semakan Audit seterusnya terhadap laporan analisis kualiti arang batu bagi penghantaran bekalan bulan Januari 2012, Jun 2013 dan Disember 2014

mendapati kandungan komponen jumlah lembapan, jumlah sulfur, nilai kasar haba, bahan mudah berubah (*volatile matter*) dan abu dalam sampel arang batu yang dibekalkan adalah dalam had yang ditetapkan dalam perjanjian.

7.4.2.7. Penyenggaraan Mesin/Peralatan Loji

- a. PPLS Power Sdn. Bhd. telah membelanjakan sejumlah RM21.34 juta untuk operasi termasuk perolehan dan penyenggaraan mesin/peralatan kilang bagi tahun 2012 hingga 2014. Kerja penyenggaraan mesin/peralatan loji penjanaan kuasa PPLS dikendalikan oleh SPC selaras dengan penetapan dalam surat SPC kepada SEB bertarikh 1 Oktober 2003. Sejingkat Power Corporation Sdn. Bhd. bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan penyenggaraan yang teratur bagi Fasa II loji penjanaan tenaga.
- b. Penyenggaraan ini dikategorikan di bawah penyenggaraan berjadual atau pencegahan dan penyenggaraan harian. Prosedur kerja penyenggaraan dijelaskan dalam prosedur operasi loji (QP-MNT-GEN001–008). Antara mesin yang perlu kerja penyenggaraan adalah turbin, penjana, dandang, pemeriksaan *unfired pressure vessel*, kerja pembersihan dan pembaikan serta *air draft balancing test*. Selain itu, PPLS ada menyediakan laporan bulanan, pengeluaran, insiden kegagalan kemudahan tersebut dan mengaturkan penutupan operasi untuk kerja penyenggaraan yang dijadualkan, termasuk kerja baik pulih utama loji tersebut (*minor and major overhaul*).
- c. Semakan Audit mendapati Jadual Senggaraan Tahunan Mesin/Peralatan, Rekod Kawalan Selenggaraan, Kad Sejarah Mesin dan Rekod Harian – Agihan Tugas Selenggaraan ada disediakan. Arahan dan kawalan kerja dibuat melalui Borang Laporan Tindakan Pembetulan. Adalah didapati mesyuarat *kick-off* diadakan sebelum setiap kerja penyenggaraan dijalankan manakala mesyuarat kemajuan bulanan dibuat sebagai pemantauan. Semakan Audit seterusnya mendapati kerja penyenggaraan dibuat mengikut perancangan dan jadual yang disediakan dan laporan bulanan kerja penyenggaraan telah disediakan dengan kemas kini untuk dikemukakan kepada pihak pengurusan PPLS/SPC.
- d. **Maklum balas daripada PPLS bertarikh 19 November 2015, menyatakan kerja penyenggaraan oleh pihak kontraktor adalah berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan. Manakala mekanisme kawalan terhadap kerja kontraktor adalah berdasarkan *vendor performance appraisal* bagi kontraktor yang bekerja dengan PPLS. Untuk kawalan kerja, PPLS menggunakan kaedah penetapan person *in-charge* sebagai pemerhati dan memastikan kerja selaras dengan spesifikasi dan menggunakan kaedah yang betul.**

7.4.2.8. Kawalan Persekutaran

Operasi loji PPLS adalah tertakluk kepada peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar iaitu Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Pindaan pada tahun 1985, 1996 dan 1999. Sejajar dengan pengurusan PPLS dilaksanakan oleh SPC, pematuhan terhadap kawalan persekitaran juga adalah di bawah tanggungjawab SPC. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- a. Secara keseluruhannya SPC/PPLS telah mematuhi kehendak serta menepati peraturan yang ditetapkan dalam melaksanakan prosedur kawalan persekitaran selaras dengan prosedur yang telah dipersijilkan di bawah ISO 14001:2004. Adalah didapati SPC telah melantik Sekitar Ceria Environmental Services Sdn. Bhd. sebagai konsultan persekitaran untuk menjalankan pemantauan bagi kawasan operasi SPC dan juga PPLS. Semakan Audit terhadap laporan suku keempat laporan *Post-EIA Monitoring Report* bagi suku akhir 2014 mendapati paras pencemaran udara, pengeluaran gas, air dan bunyi bising melibatkan operasi loji PPLS adalah dalam lingkungan yang dibenarkan.
- b. Adalah didapati laporan Suku Keempat *Post – EIA Monitoring Report* 2014 menunjukkan kandungan jumlah pepejal larut, klorida dan besi melebihi had yang ditetapkan dan mungkin berlaku disebabkan kebocoran pada lapisan dalam *Ash Pond*. Pihak SPC/PPLS dikehendaki untuk kerap membuat pemeriksaan dan kerja penyenggaraan pada kolam abu dan juga mengambil langkah mitigasi dan peningkatan usaha untuk lebih menepati peraturan terutama di mana berlaku *degradation* pada penurunan air sungai serta marin dan kualiti air bawah tanah di mana pencemaran lebih berpunca daripada sedimen dan batu, air masin, deposit mineral dan udara.
- c. **Maklum balas daripada PPLS bertarikh 19 November 2015, menyatakan berdasarkan laporan pemeriksaan keputusan pemeriksaan kualiti air bawah tanah adalah tidak konsisten dan melebihi had yang ditetapkan pada masa tertentu sahaja. Pihak SPC/PPLS dengan bantuan syarikat perundingan bertauliah mengambil tindakan mitigasi secara berterusan untuk memastikan setiap tindakan selaras dengan Akta Kualiti Persekutaran 1974. Selain itu, tindakan mitigasi jangka panjang juga diambil iaitu melakukan penyelidikan dan penyiasatan berterusan serta berkolaborasi dengan pihak universiti tempatan. Pihak JAS telah dimaklumkan dan berpuas hati dengan tindakan mitigasi yang diambil oleh SPC/PPLS.**

7.4.2.9. Kawalan Keselamatan

PPLS Power Generation Sdn. Bhd. juga adalah tertakluk kepada Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan SPC juga bertanggungjawab memastikan kehendak peraturan tersebut dipatuhi dalam pengurusan operasi PPLS.

- a. Semakan Audit mendapati SPC/PPLS telah mengambil langkah yang mencukupi untuk tujuan kawalan keselamatan iaitu:
 - Prosedur keselamatan yang diwujudkan telah dipersijilkan di bawah ISO OHSAS 18001:2007.
 - Melantik Komander Insiden, Koordinator Insiden, Operator Operasi Bertugas, Pegawai Keselamatan dan Kesihatan, Warden dan mewujudkan Pasukan Tindakan Kecemasan, Skuad Mengawal Kebakaran, Skuad Bantuan Kecemasan dan Skuad Tumpahan Kimia.
 - Jawatankuasa *Environmental and Occupational Safety and Health* (EOSH) juga didapati bermesyuarat 4 kali setahun.
 - Menyedia serta mengendalikan program keselamatan dan menyedia laporan latihan. Semakan Audit mendapati pelbagai program telah dilaksanakan bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 antaranya Pengurusan Sistem Keselamatan, Sistem Pengurusan Keselamatan Kontraktor, Program Latihan Dalaman (13 hingga 20 kursus), Program Membasmi Risiko, Program Perundangan, Pengawasan Kesihatan, Keselamatan Kebakaran, Kawalan Kejuruteraan dan mengadakan pelbagai kempen keselamatan.
- b. Semakan Audit mendapati bahawa sehingga bulan Julai 2015 tiada insiden yang serius berlaku di tempat operasi PPLS. Semakan Audit seterusnya terhadap *Drills Report* yang diadakan pada 03.12.2013, 05.12.2013, 10.12.2013, 7.01.2014 dan 07.11.2014 bagi latihan menangani tumpahan kimia mendapati Kumpulan Bantuan Kecemasan lambat bertindak, peralatan tidak mencukupi, pelan pemindahan tidak terdapat di lokasi dan kakitangan tidak lazim dengan pelan pemindahan. Adalah didapati tindakan segera yang diambil serta syor oleh Pegawai Keselamatan dan Kesihatan untuk mengatasi kelemahan yang dihadapi semasa latihan tidak berkesan kerana masalah/kelemahan berulang pada setiap latihan.
- c. **Maklum balas daripada PPLS bertarikh 19 November 2015, menyatakan program pengurusan keselamatan dan kesihatan telah dikemas kini selaras dengan sistem pengurusan bersepadu. Program audit, latihan dalaman, program mengurangkan serta menghapuskan risiko, undang-undang dan lain-lain keperluan telah mendapat persetujuan semasa mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP). Selain itu Kumpulan Bantuan Kecemasan juga akan menghadiri akademi Bomba untuk meningkatkan kecerdasan dari segi mental dan fizikal. Latihan kecemasan tumpahan kimia dan Kajian Penilaian Risiko Bahan Kimia Kepada Kesihatan (CHRA) juga dilaksanakan oleh pihak swasta.**

Pada pendapat Audit pengurusan aktiviti/operasi PPLS adalah baik.

7.4.3. Tadbir Urus Korporat

Sesebuah organisasi perlu mempunyai tadbir urus korporat yang baik dalam usaha mencapai matlamat dan visi serta meningkatkan integriti syarikat. Tadbir urus korporat penting bagi membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektif, membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus, bertanggungjawab serta mengukuhkan imej syarikat dan mewujudkan budaya kerja yang sihat. Semakan Audit mendapati tadbir urus korporat PPLS seperti berikut:

7.4.3.1. Lembaga Pengarah

Mengikut amalan terbaik yang dinyatakan pada Buku Hijau Program Transformasi GLC, Lembaga Pengarah Syarikat mempunyai tanggungjawab untuk memastikan tadbir urus yang baik, menilai prestasi syarikat dan memastikan wujudnya kawalan dalaman yang berkesan. Semakan Audit mendapati keanggotaan keahlian Lembaga Pengarah adalah mengikut kepakaran yang bersesuaian dengan aktiviti utama syarikat serta mengambil kira wakil dari SEB. Semakan Audit juga mendapati pelantikan, yuran dan emolumen semua ahli Lembaga Pengarah telah mendapat kelulusan dalam Mesyuarat Agung Lembaga PPLS dan SEB. Operasi harian PPLS diurus oleh Pengurus Stesen manakala Pengerusi Lembaga Pengarah PPLS adalah Ketua Pegawai Eksekutif syarikat SEB.

7.4.3.2. Mesyuarat Lembaga Pengarah

- a. Mengikut amalan terbaik seperti yang dinyatakan pada Buku Hijau Program Transformasi GLC, ahli Lembaga Pengarah digalakkan bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun bagi menilai prestasi dan arah tuju syarikat. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah PPLS tidak bermesyuarat sejak tahun 2011 hingga 2014. Bagaimanapun, sebanyak 11 edaran resolusi telah dikeluarkan sejak tahun 2011 hingga 2014 bagi membuat keputusan seperti pelantikan baru firma audit swasta, kenaikan yuran firma audit swasta, pertukaran penandatangan cek, pertukaran pejabat baru serta kelulusan untuk melanggan perkhidmatan pengurusan RHB *Reflex Cash*.
- b. **Maklum balas daripada PPLS bertarikh 19 November 2015, menyatakan bahawa tiada keperluan untuk mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengarah di peringkat PPLS kerana semua keputusan penting mengenai operasi semua anak syarikat SESCO dibincangkan di peringkat mesyuarat jawatankuasa SESCO. Lain keputusan mengenai syarikat juga masih dibuat melalui edaran resolusi yang ditandatangani oleh semua ahli Lembaga Pengarah PPLS seperti yang dinyatakan dalam Perkara 90 *Memorandum and Articles of Association* dimana setiap edaran resolusi secara bertulis yang telah ditandatangani dan dilulus oleh semua ahli Lembaga PPLS adalah sah dan berkuatkuasa serta dianggap telah diluluskan dalam mesyuarat lembaga pengarah.**

7.4.3.3. Rancangan Korporat

Selaras dengan amalan terbaik yang dinyatakan pada Buku Biru Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menyediakan rancangan korporat berserta matlamat dan petunjuk prestasi yang jelas bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Semakan Audit mendapati PPLS telah menerima pakai rancangan korporat termasuk visi serta misi syarikat induk SEB.

7.4.3.4. Perancangan Strategik

Mengikut amalan terbaik seperti yang dinyatakan pada Buku Biru Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menyediakan rancangan korporat berserta matlamat dan petunjuk prestasi yang jelas bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Tujuan perancangan strategik adalah untuk memastikan segala perancangan yang dibuat memenuhi kehendak *stakeholders* dan pelanggan dalam jangka masa yang ditetapkan dengan mengambil kira aspek kewangan. Perancangan strategik menetapkan fokus, objektif dan strategi pelaksanaan terhadap aktiviti syarikat manakala petunjuk prestasi perlu disediakan bukan sahaja untuk menjadi pengukur prestasi syarikat tetapi juga memberi hala tuju syarikat. Semakan Audit mendapati PPLS telah menerima pakai perancangan strategik perniagaan syarikat SEB.

7.4.3.5. Standard Operating Procedures (SOP)

Standard Operating Procedures (SOP) adalah diperlukan untuk dijadikan panduan semasa mengurus dan mengawal urusan aktiviti. Semakan Audit mendapati PPLS telah menyediakan prosedur kualiti untuk tujuan operasi harian atau pentadbiran, pengurusan kewangan dan operasi aktiviti utamanya dengan lengkap dan kemas kini serta menerima pakai peraturan pengurusan kewangan oleh pihak SEB. Polisi dan prosedur yang digunakan adalah terkini dan dikemas kini selaras dengan perubahan peraturan kewangan dari MFRS.

7.4.3.6. Penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Unit Audit Dalam

- a. Selaras dengan amalan terbaik yang dinyatakan dalam Buku Hijau Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Audit bagi memastikan pematuhan terhadap kawalan dalaman pengurusan kewangan dan aktiviti syarikat. Unit Audit Dalam (UAD) berperanan merancang dan melaksana pengauditan serta menyediakan laporan kepada Jawatankuasa Audit bagi memastikan sama ada wujudnya kawalan dalaman yang berkesan dalam pengurusan sesebuah organisasi. Semakan Audit mendapati PPLS menggunakan khidmat Unit Audit Dalam SEB selaku syarikat induk. Namun didapati tiada pengauditan dijalankan terhadap PPLS bagi tempoh 2012 hingga 2014. Laporan UAD yang terakhir dijalankan adalah bagi tahun 2011 yang meliputi pengurusan

operasi, penyenggaraan dan pembangunan modal insan bagi syarikat SPC dan laporan tersebut disediakan untuk tindakan Jawatankuasa Audit SEB.

- b. **Maklum balas daripada PPLS bertarikh 19 November 2015, menyatakan tiada laporan UAD disediakan terhadap PPLS bagi tahun 2012 hingga 2014 kerana tiada pengauditan secara khusus dijalankan ke atas syarikat ini. Bagaimanapun, pengauditan yang dijalankan terhadap SPC pada tahun 2009, 2011 dan 2013 meliputi semua urusan operasi, aktiviti penyenggaraan dan pengurusan aspek lain dalam kedua syarikat yang mana ianya diuruskan sepenuhnya oleh pihak pengurusan dan kakitangan SPC. Semua isu yang berbangkit daripada pengauditan yang dijalankan ke atas mana-mana unit operasi/perniagaan dan anak syarikat dalam kumpulan SEB dibentangkan kepada pihak pengurusan unit operasi/perniagaan dan anak syarikat berkenaan untuk tindakan dan pembetulan serta dilapor kepada pihak atasan dalam kumpulan SEB dan seterusnya kepada Jawatankuasa Audit di peringkat SEB. Dalam pelan perancangan audit tahunan yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Audit, tumpuan dan keutamaan dalam pengauditan yang dijalankan tertumpu kepada aktiviti operasi dan fungsi sokongan berdasarkan risiko, isu berbangkit, keutamaan dari pihak atasan, arahan daripada Jawatankuasa Audit dan juga perhatian kepada perubahan dalam operasi kumpulan SEB.**

7.4.3.7. Pembayaran Dividen

Mengikut amalan bagi syarikat-syarikat Kerajaan, dividen perlu dibayar sebagai pulangan modal kepada pemegang saham. Sekiranya keuntungan tahun semasa melebihi daripada dijangka, peratusan dividen kepada pemegang saham perlu ditingkatkan tanpa menjelaskan kedudukan kewangan syarikat. Semakan Audit mendapati PPLS tidak membuat sebarang bayaran dividen kepada SESCO yang memegang saham bernilai RM140 juta sejak ianya beroperasi walaupun ada mencatat keuntungan. Bagaimanapun, melalui edaran resolusi No. 7/2015 bertarikh 21 Disember 2015, dividen dengan kadar 7% telah diluluskan untuk dibayar kepada SESCO sejumlah RM9.80 juta pada 15 Disember 2015.

7.4.3.8. Corporate Integrity Pact

Pelaksanaan *Corporate Integrity Pact* dalam perolehan Kerajaan merupakan salah satu inisiatif di bawah *National Key Result Area*. *Corporate Integrity Pact* (CIP) merupakan satu konsep yang diperkenalkan oleh *Transparency International* bagi membantu Kerajaan, Institusi Perniagaan dan Masyarakat Umum dalam usaha membendung rasuah dalam perolehan Kerajaan. Semakan Audit mendapati PPLS belum melaksanakan *Corporate Integrity Pact*. **Maklum balas daripada PPLS bertarikh 19 November 2015, menyatakan PPLS tidak melaksanakan Corporate Integrity Pact. Bagaimanapun, di peringkat korporat, SEB telah melaksanakan Fraud Risk Management untuk mengurangkan dan mencegah kejadian fraud.**

7.4.3.9. Pengurusan Kewangan

Semakan Audit terhadap pengurusan kewangan meliputi kawalan bajet, pendapatan dan perbelanjaan adalah memuaskan. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap pengurusan aset PPLS mendapati pemeriksaan aset tidak dilaksanakan bagi tempoh 2012 sehingga 2014. **Maklum balas daripada PPLS bertarikh 19 November 2015, menyatakan pemeriksaan aset akan dijalankan pada bulan April dan Mei 2016.**

Pada pendapat Audit, pengurusan tadbir urus korporat syarikat adalah memuaskan.

7.5. SYOR AUDIT

Sebagai langkah memastikan syarikat beroperasi secara berterusan dan mencapai objektif penubuhannya, adalah disyorkan PPLS Power Generation Sdn. Bhd. mengambil tindakan seperti berikut:

7.5.1. Pemeteraian Perjanjian Perkhidmatan Operasi Dan Penyenggaraan Kilang Fasa II antara PPLS dan SPC serta memperbaharui dan memuktamadkan Perjanjian Bekalan Arang Batu antara PPLS dan Sarawak Coal Resources Sdn. Bhd. dengan segera supaya kepentingan kedua pihak terpelihara.

7.5.2. Mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah di peringkat PPLS atau mesyuarat berkanun sekurang-kurang setahun sekali seperti kehendak Akta Syarikat 1965.



BAHAGIAN II

PENGURUSAN KEWANGAN

KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

NEGERI

PENGURUSAN KEWANGAN

KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI

8. PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI

8.1. PENDAHULUAN

8.1.1. Seksyen 15(A) Akta Tatacara Kewangan, 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan. Manakala Bahagian IV, Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan) 1995, Bahagian V dan VI, Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan, 1996, Bahagian II, Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan, 1997 dan Bahagian IX, Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 telah menetapkan tugas Ahli Lembaga Pengarah/Pengarah/Setiausaha Majlis di sesebuah Agensi Negeri bagi menjamin wujudnya akauntabiliti dan kawalan dalam pengurusan kewangan.

8.1.2. Selaras dengan Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

8.2. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI

8.2.1. Pada tahun 2015, Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri telah menambahbaik pengurusan kewangan melalui inisiatif berterusan dengan mengarahkan semua Kementerian/Jabatan Kerajaan Negeri yang melaksanakan Sarawak Civil Service (SCS) Scorecard menyemak semula *Strategic Objective* dan *Key Performance Index* di bawah *F2-Enhance Financial Regulatory Compliance* sebagai panduan melaksanakan Pematuhan Kewangan di pejabat masing-masing. *Financial Management Compliance Index* (di dalam F2) yang mengandungi senarai semak memberi petunjuk terhadap pematuhan kewangan sesebuah Kementerian/Jabatan.

8.3. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

8.3.1. Bagi menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang seperti Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 serta peraturan yang berkaitan, setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di

Jabatan/Agensi Negeri. Bagi Jabatan, aspek pengurusan kewangan yang dinilai adalah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor, Inventori Dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Manakala bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Agensi pula, selain dari aspek tersebut, aspek lain yang turut dinilai ialah Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan.

8.3.2. Bermula pada tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti dengan memberi penarafan 4 bintang kepada Agensi Kerajaan yang cemerlang. Setiap aspek yang diperiksa/dinilai itu akan diberi markah dan akhirnya Jabatan/Agensi yang dinilai akan ditentukan penarafan (*ranking*) berdasarkan jumlah markah keseluruhan yang diperoleh. Bagi memenuhi keperluan semasa Sektor Awam di samping memberi penilaian yang setara dengan penarafan oleh Agensi lain, Jabatan Audit Negara telah menaikkan penarafan Cemerlang daripada 4 bintang kepada 5 bintang mulai tahun 2015 seperti di **Jadual 8.1** berbanding dengan 4 bintang pada 2014 seperti di **Jadual 8.2**.

Jadual 8.1 Tahap Penarafan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti Tahun 2015		
Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 – 100	Cemerlang	
80 – 89.9	Baik	
70 – 79.9	Memuaskan	
60 – 69.9	Kurang Memuaskan	
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

Jadual 8.2 Tahap Penarafan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti Tahun 2014		
Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 - 100	Sangat Baik	
70 – 89.9	Baik	
50 – 69.9	Memuaskan	
49.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

8.3.3. Elemen penilaian penarafan masih dikenalkan dan terbahagi kepada Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset Dan Stor, Pengurusan Kenderaan Kerajaan, Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan. Elemen yang dinilai bagi Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri adalah seperti di **Jadual 8.3**.

Jadual 8.3
Elemen Yang Dinilai Untuk Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri

Bil.	Perkara	Elemen Yang Dinilai		
		Kementerian/ Jabatan	Agensi Negeri	Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri
1.	Kawalan Pengurusan	√	√	√
2.	Kawalan Bajet	√	√	√
3.	Kawalan Terimaan	√	√	√
4.	Pengurusan Perolehan	√	√	√
5.	Kawalan Perbelanjaan	√		√
6.	Pengurusan Wang Amanah/ Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit	√	√	√
7.	Pengurusan Aset Dan Stor	√	√	√
8.	Pengurusan Kenderaan Kerajaan	√		√
9.	Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman	x	√	√
10.	Pengurusan Penyata Kewangan	x	√	√
Bilangan Elemen Yang Dinilai		8	8	10

Sumber: Jabatan Audit Negara

8.4. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agenzi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menentukan sama ada:

8.4.1. Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.

8.4.2. Wujudnya sistem kawalan dalam yang berkesan terhadap elemen pengurusan, bajet, terimaan, perolehan, perbelanjaan, amanah dan deposit, aset dan stor, kenderaan, pelaburan dan pinjaman serta penyata kewangan.

8.4.3. Pengurusan kewangan dibuat mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

8.4.4. Rekod-rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

8.5. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

8.5.1. Pengauditan telah dijalankan di 46 Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang merangkumi Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri, 5 Jabatan (merangkumi 20 Ibu Pejabat/Pejabat Bahagian), 13 Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Islam Sarawak (merangkumi 4 PTJ), 6

Badan Berkanun Negeri dan Jabatan Ketua Menteri (merangkumi 2 PTJ) di bawahnya. Bagaimanapun, markah PTJ telah digabungkan dan markah purata dilaporkan di bawah Jabatan berkenaan. Setelah penggabungan tersebut, sebanyak 27 Jabatan/Agensi Negeri diberi penarafan. Pengauditan telah dijalankan dengan memberi tumpuan terhadap 8 hingga 10 kawalan utama iaitu kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, pengurusan perolehan, kawalan perbelanjaan, pengurusan wang amanah/kumpulan wang amanah dan deposit, pengurusan aset dan stor, pengurusan kendaraan kerajaan, pengurusan pelaburan dan pinjaman serta pengurusan penyata kewangan.

8.5.2. Bagi menilai tahap kawalan yang telah diwujudkan untuk setiap aspek kawalan utama yang tersebut di atas, pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2015 di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 dan Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2014 bagi menentukan pencapaian pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri secara menyeluruh.

8.6. KAWALAN UTAMA

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 27 Jabatan/Agensi Negeri adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap pencapaian pengurusan kewangan mengikut jenis kawalan. Bagaimanapun, bagi tujuan penggabungan laporan hanya kriteria utama sahaja yang dibincangkan seperti berikut:

8.6.1. Kawalan Pengurusan

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, jawatankuasa-jawatankuasa dan Unit Audit Dalam serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

8.6.1.1. Struktur Organisasi

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini.
- b. Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had kuasa dan tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab juga perlu dinyatakan dengan jelas.

8.6.1.2. Sistem Dan Prosedur

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Sistem Dan Prosedur yang menyeluruh, lengkap serta teratur dapat menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah Jabatan/Agensi Negeri. Ini membantu memudahkan keputusan dibuat dan tindakan segera diambil supaya Jabatan/Agensi Negeri dapat mencapai misi dan objektifnya. Sehubungan itu, Proses Kerja Kewangan disediakan dengan lengkap dan dikemas kini apabila berlaku sebarang perubahan.
- b. Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai Tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.
- c. Pemeriksaan Dalaman dilaksanakan terhadap sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan termasuk perakaunan Aset Awam.
- d. Pemeriksaan mengejut dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan dibuat.

8.6.1.3. Jawatankuasa-jawatankuasa Dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan, garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa Kerajaan. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan Urus Setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesaan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

a. Unit Audit Dalam

Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri untuk membantu Setiausaha Tetap Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Agensi memantapkan prestasi pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi

secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD adalah bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam dan mengemukakan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri untuk kelulusan. Laporan Audit Dalam dikemukakan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi untuk tindakan manakala tanggungjawab Setiausaha Tetap Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Agensi adalah memastikan tindakan susulan diambil terhadap Laporan Audit Dalam. Dalam konteks Kerajaan Negeri, Unit Audit Dalam ini bermaksud Unit Audit Dalam yang telah diluluskan penubuhannya di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

8.6.1.4. Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberi kepada mereka yang terlibat.

8.6.2. Kawalan Bajet

Bagi menentukan sama ada Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah peruntukan dan analisis bajet seperti berikut:

8.6.2.1. Penyediaan Bajet

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri dikeluarkan melalui pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri. Selain itu, Arahan Perbendaharaan juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Bagi Agensi Negeri peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet adalah melalui Ordinan tubuh masing-masing, Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan) dan Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan serta dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri melalui Kementerian masing-masing untuk Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Sebaliknya bajet bagi Majlis Islam Sarawak dikemukakan kepada Lembaga Pengarah melalui Lembaga Baitulmal Dan Wakaf untuk kelulusan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan, ketepatan anggaran yang disediakan, prosedur kelulusan bajet di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri serta pematuhan tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet kepada Setiausaha Kewangan Negeri/Lembaga Pengarah.

8.6.2.2. Pengagihan Peruntukan

Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Bagi Badan Berkanun Negeri dan Majlis Islam Sarawak, pengagihan peruntukan dibuat mengikut peraturan kewangan masing-masing. Peraturan kewangan mengenai pengagihan peruntukan juga telah ditetapkan bagi Pihak Berkuasa Tempatan dalam Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan dan peraturan kewangan Pihak Berkuasa Tempatan di mana Pegawai Pengawal hendaklah memastikan perbelanjaan awam dibuat dengan cermat dan berhemat serta pelaksanaan sesuatu program/aktiviti/projek hendaklah selaras dengan jumlah peruntukan yang diluluskan. Pengagihan waran/peruntukan ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

8.6.2.3. Kelulusan Pindah Peruntukan

- a. Peraturan Kewangan mengenai pindah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Akauntan Negeri sebelum penutupan Akaun Awam Negeri bagi tahun kewangan berkenaan untuk Kementerian/Jabatan manakala bagi Agensi Negeri pindah peruntukan dibuat di peringkat masing-masing. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Ketua Pejabat perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diuruskan dengan berkesan.

Semua pemindahan peruntukan antara Program, Aktiviti dan Sub-aktiviti dalam Kepala Vot yang sama (*Virement*) hendaklah diluluskan oleh Setiausaha Kewangan Negeri atau Menteri Kewangan Negeri manakala semua pemindahan peruntukan antara Sub-aktiviti dalam Kepala Vot, Program dan Aktiviti yang sama (*Variation*) boleh dilakukan oleh Pegawai Pengawal atau wakil yang diberi kuasa secara bertulis.

- b. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Ketua Agensi hendaklah memastikan Laporan Suku Tahunan Jabatan/Agensi Pelaksana dikemukakan kepada Kementerian masing-masing. Selain itu, Laporan Suku Tahunan Prestasi Pelaksanaan Projek-projek Pembangunan bagi peruntukan Negeri dan Persekutuan hendaklah dikemukakan kepada Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri. Bagi Badan Berkanun Negeri Laporan Anggaran Bajet Tahunan disediakan dan dikemukakan kepada Lembaga Pengarah dan Menteri yang bertanggungjawab. Pihak Berkuasa Tempatan pula mengemukakan Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan, Laporan Prestasi Perbelanjaan pada setiap bulan dan mana-mana laporan apabila diminta oleh Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Pembangunan Komuniti. Bagi Ketua Jabatan

yang bukan Pegawai Pengawal, laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

8.6.2.4. Analisis Bajet

Bagi sesuatu tahun kewangan, Pegawai Pengawal perlu memastikan peruntukan (mengurus dan pembangunan) yang diterima dan perbelanjaan yang dilakukan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Antara lainnya meliputi perbelanjaan tidak melebihi peruntukan, perbelanjaan yang dibuat mempunyai peruntukan dan peruntukan diterima telah dibelanjakan. Bagi peruntukan dan perbelanjaan pembangunan pula, perbandingan antara perbelanjaan dengan anggaran kos projek dan anggaran Rancangan Malaysia semasa juga adalah penting.

8.6.3. Kawalan Terimaan

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek kawalan utama iaitu kawalan borang hasil, penerimaan wang, kawalan terimaan, perakaunan terimaan/hasil dan akaun belum terima seperti berikut:

8.6.3.1. Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap borang hasil seperti buku resit adalah penting untuk memastikan ia tidak disalahgunakan.

8.6.3.2. Penerimaan Wang

Setiap Jabatan/Agenzi Negeri perlu memastikan pegawaiannya yang bertanggungjawab dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh Arahan Perpendaharaan bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima wang, keselamatan semasa kutipan, penerimaan melalui mel, perakuan penerimaan wang dan perekodan borang hasil.

8.6.3.3. Kemasukan Pungutan Ke Bank

Arahan Perpendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank, kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya, semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak dimasukkan ke bank.

8.6.3.4. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Semakan Audit telah dijalankan terhadap 2 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh Arahan Perbendaharaan seperti berikut:

- a. Memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri bagi Jabatan/Agenzi Negeri, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan/Penyata Penyesuaian Bank dan ketepatan Buku Tunai bagi Jabatan/Agenzi Negeri.
- b. Pemungut adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan amaun gantian bagi cek tak laku. Semua Pejabat Pemungut hendaklah menyelenggara satu daftar cek tak laku dan membatal resit asal dan mengambil tindakan sewajarnya untuk mengutip amaun yang tertunggak.

8.6.3.5. Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara bagi menyelenggarakan dan melaporkan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan dalam Pekeliling dan Arahan Perbendaharaan. Peraturan yang ditetapkan antaranya meliputi penyediaan Penyata Tunggakan Hasil atau Penyata Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini, penyerahan Penyata Akaun Belum Terima kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak. Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan pula menjelaskan bahawa Penyata Akaun Belum Terima/Tunggakan Hasil perlu disediakan pada 31 Disember setiap tahun.

8.6.4. Pengurusan Perolehan

Pengurusan perolehan bertujuan untuk memastikan perolehan dilaksanakan dengan cekap, mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan serta mengikut amalan tadbir urus yang baik dengan mematuhi prinsip-prinsip perolehan iaitu akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, memberi nilai faedah yang terbaik serta dibuat dengan saingan terbuka, adil dan saksama. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 2 aspek kawalan utama iaitu kawalan am perolehan dan kaedah perolehan yang meliputi pembelian terus, sebut harga, pengurusan tender, rundingan terus, pengurusan kontrak, pengurusan kontrak pusat dan perolehan secara kontrak pusat sistem panel yang ditetapkan di dalam Pekeliling dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan.

8.6.5. Kawalan Perbelanjaan

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dilulus dan dilakukan mengikut maksud yang ditentukan serta diperakaunkan dengan betul dan

kemas kini, semakan Audit telah dijalankan terhadap 2 aspek utama kawalan perbelanjaan, iaitu perakaunan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

8.6.5.1. Perakaunan

Semakan Audit telah dibuat untuk menentukan sejauh mana Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi Negeri mengikut peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan.

8.6.5.2. Pengurusan Bayaran

Semakan Audit telah dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran, kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas, penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil, bayaran pukal serta panjar wang runcit.

8.6.6. Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit

Pengurusan dan kawalan terhadap Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diperakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama iaitu pengurusan akaun amanah/kumpulan wang amanah, pengurusan kumpulan wang pinjaman dan pengurusan akaun deposit seperti berikut:

8.6.6.1. Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah

Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan Penyata Tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

8.6.6.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan Kumpulan Wang Pinjaman seperti pinjaman kenderaan, komputer, peti sejuk, mesin basuh dan kelengkapan dapur yang ditetapkan di bawah Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri dan Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan.

8.6.6.3. Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan di Arahan Perbendaharaan. Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan betul Akaun Deposit di bawah jagaannya serta menjelaskan bahawa deposit yang tidak diperlukan lagi dan tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan kepada

pendeposit. Jabatan/Agensi Negeri hendaklah mewartakan deposit berkenaan dan sekiranya masih tidak dituntut dalam tempoh 3 bulan selepas pemberitahuan itu, deposit tersebut hendaklah dikreditkan kepada hasil Kerajaan.

8.6.7. Pengurusan Aset Dan Stor

Bagi memastikan aset dan stor yang diperoleh bagi kegunaan pejabat direkodkan dan dikawal dengan sempurna bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran, semakan Audit telah dijalankan terhadap 7 aspek utama iaitu kawalan umum, penerimaan, pendaftaran, penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset, penyenggaraan, pelupusan serta kehilangan dan hapus kira.

8.6.7.1. Kawalan Umum

Kawalan umum pengurusan aset dan stor adalah merujuk kepada penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan, Unit Pengurusan Aset dan pelantikan Pegawai Aset.

a. Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan

Satu Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) di Kementerian/Jabatan hendaklah ditubuhkan. Setiausaha bagi JKPAK hendaklah terdiri daripada Pegawai Aset dan menetapkan agenda mesyuarat yang sepatutnya dibincangkan semasa mesyuarat JKPAK seperti berikut:

- Merancang, memantau, mengawasi dan menyelia semua aspek pengurusan aset.
- Kedudukan semasa aset.
- Laporan Hasil Pemeriksaan Aset.
- Laporan Tindakan Pelupusan.
- Laporan Tindakan Surcaj/Tatatertib.
- Masalah-masalah berkaitan dengan pengurusan aset.

Mesyuarat JKPAK hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan dan hasil mesyuarat hendaklah dilaporkan kepada Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak dengan memuatnaik minit mesyuarat JKPAK ke dalam *Management Of Moveable Asset System (MMAS)*.

b. Unit Pengurusan Aset

Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang bertanggungjawab untuk:

- Mengurus semua aset alih Kerajaan di bawah kawalannya.
- Mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat.
- Mengurus pelantikan *System Administrator, Data Entry, Verifier* dan *Viewer MMAS*.
- Menjadi Urus Setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan.
- Menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset.
- Menyelaras penyediaan Laporan Jabatan untuk JKPAK yang dijana daripada MMAS (Laporan Harta Modal & Inventori, Laporan Pemeriksaan Harta Modal & Inventori, Laporan Pelupusan Aset Alih Kerajaan dan Laporan Tindakan Surcaj/Tatatertib).
- Perkara-perkara lain berkaitan dengan pengurusan aset.

8.6.7.2. Penerimaan

Proses penerimaan adalah bagi memastikan setiap aset/barangan stor yang diterima menepati spesifikasi yang ditetapkan, menentukan kualiti dan kuantiti sebenar mengikut pesanan dan memastikan aset diterima dalam keadaan yang baik, sempurna dan selamat untuk digunakan.

8.6.7.3. Pendaftaran

Pendaftaran aset bertujuan untuk mewujudkan pangkalan data yang lengkap, tepat dan kemas kini, memudahkan pengesanan dan pemantauan, membolehkan keadaan aset diketahui dan memudahkan penyelenggaraan, pelupusan dan penggantian aset. Stok yang diterima hendaklah direkod menggunakan kad yang telah ditetapkan bertujuan untuk mengetahui kedudukan stok simpanan, memastikan bilangan dan fizikal stok sentiasa tepat dan mengawal paras stok.

8.6.7.4. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset

Semua aset Kerajaan hendaklah diguna dan dikendalikan dengan cekap, mahir dan teratur bagi tujuan mengurangkan pembaziran, menjimatkan kos, mencapai jangka hayat, mencegah penyalahgunaan dan mengelakkan kehilangan. Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi seperti berikut:

- a. Aset digunakan hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan.
- b. Aset/stok hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab. Arahan Keselamatan Kerajaan hendaklah sentiasa dipatuhi bagi mengelak berlakunya kerosakan atau kehilangan aset/stok.
- c. Sekurang-kurangnya 2 Pegawai Pemeriksa/Pemverifikasi Stor dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya satu kali setahun manakala verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Setiausaha Kewangan Negeri.
- d. Pengiraan stok hendaklah dilaksanakan di Stor Pusat, Stor Utama dan Stor Unit secara terus menerus sepanjang tahun.
- e. Verifikasi Stor hendaklah dilaksanakan selepas pemeriksaan stok oleh Pegawai Pemeriksa di Stor Pusat dan Stor Utama sekurang-kurangnya satu (1) tahun sekali sebelum berakhir pada 31 Disember.

8.6.7.5. Penyenggaraan Aset

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini, jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang, penyenggaraan direkodkan dengan betul dan lengkap, program penyenggaraan dinilai dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi.
- b. Kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual manakala kos penyenggaraan dan pembaikan perlu direkodkan dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

8.6.7.6. Pelupusan

Pelupusan aset Kerajaan adalah bertujuan untuk memastikan Jabatan tidak menyimpan aset yang tidak boleh diguna atau tidak diperlukan, menjimatkan ruang simpanan/pejabat, mendapatkan hasil pulangan yang terbaik dan membolehkan aset milik Jabatan/Agensi Negeri dipindahkan ke Jabatan/Agensi Negeri yang lain atas sebab-sebab tertentu. Bagi

memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan disahkan dengan menurunkan tandatangan. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- b. Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrik dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset itu disahkan oleh 2 pegawai yang mempunyai 3 tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.
- c. Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada pihak yang meluluskannya. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan. Sekiranya melanjutkan tempoh pelupusan perlu dikemukakan kepada kuasa melulus 2 minggu sebelum tamat tempoh pelupusan.

8.6.7.7. Kehilangan Dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan/Ketua Pejabat/Ketua Agensi dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan berlaku. Ketua Jabatan/Ketua Pejabat/Ketua Agensi menyedia Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Setiausaha Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja dari tarikh kehilangan. Sesalinan Laporan Awal juga dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, Setiausaha Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh lantikan Jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperoleh. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Laporan Awal dihantar.

8.6.8. Pengurusan Kenderaan Kerajaan

Bagi memastikan pengurusan kenderaan Kerajaan diuruskan dengan teratur, setiap Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

8.6.8.1. Kenderaan yang diperoleh untuk kegunaan Jabatan/Agenzi Negeri perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran dan penyalahgunaan serta disimpan selamat.

8.6.8.2. Seorang Pegawai Pengangkutan hendaklah dilantik dengan tanggungjawab meluluskan kegunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan.

8.6.8.3. Buku Log hendaklah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini untuk setiap kenderaan.

8.6.8.4. Kad Inden Minyak dikawal dengan memastikan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

8.6.9. Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman

8.6.9.1. Pengurusan Pelaburan

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi satu tempoh untuk memperoleh kadar pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

8.6.9.2. Pengurusan Pinjaman

Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dimohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman.

8.6.10. Penyata Kewangan

Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan) dan Pekeliling Prosedur Kewangan Dan Perakaunan yang dikeluarkan oleh Setiausaha Kewangan Negeri

Sarawak menghendaki Badan Berkanun Negeri mengemukakan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit tidak lewat daripada 30 April tahun berikutnya. Mengikut Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan, Pihak Berkuasa Tempatan dikehendaki menyedia dan menyerahkan penyata kewangan kepada Ketua Audit Negara pada atau sebelum 30 April tahun berikutnya. Peraturan kewangan ini membolehkan Penyata Kewangan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pembentangan awal juga membolehkan stakeholders menilai prestasi Agensi Negeri dengan lebih objektif, jelas, lengkap dan *timely*.

8.7. PENEMUAN AUDIT

8.7.1. Tahap Penarafan Pengurusan Kewangan


Pada tahun 2015, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan Pengurusan Kewangan terhadap 27 Jabatan/Agensi Negeri. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2015 adalah baik. Prestasi keseluruhan pengurusan kewangan untuk tahun 2015 bagi 12 Jabatan/Agensi Negeri adalah cemerlang. Jabatan/Agensi Negeri tersebut adalah Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri, Lembaga Pelabuhan Miri, Majlis Bandaraya Kuching Selatan, Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Daerah Subis, Jabatan Tanah Dan Survei, Lembaga Pelabuhan Rajang, Jabatan Ketua Menteri, Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke, Majlis Bandaraya Miri, Majlis Islam Sarawak dan Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah. Manakala 11 Jabatan/Agensi Negeri mencapai tahap baik dan 4 Jabatan/Agensi Negeri pada tahap memuaskan. Bilangan Jabatan/Agensi yang memperoleh tahap cemerlang (5 bintang iaitu 90 markah ke atas) pada tahun 2015 adalah 12 Jabatan/Agensi berbanding 16 Kementerian/Jabatan/ Agensi pada tahun 2014. Kedudukan tahap penarafan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2015 secara keseluruhan adalah seperti di **Jadual 8.4** manakala penarafan mengikut Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2015 adalah seperti di **Carta 8.1**.

Jadual 8.4
Tahap Penarafan Pengurusan Kewangan
Jabatan/Agensi Negeri Bagi Tahun 2015

Tahap	Jabatan/Agensi Negeri
Cemerlang	12
Baik	11
Memuaskan	4
Kurang Memuaskan	0
Tidak Memuaskan	0
Jumlah	27

Sumber: Jabatan Audit Negara

Carta 8.1
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti
Jabatan/Agenzi Negeri Pada Tahun 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara

8.7.1.1. Jabatan/Agensi Negeri

Pada tahun 2015, Pengauditan Pengurusan Kewangan telah dijalankan di 46 Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang merangkumi Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri, 5 Jabatan (merangkumi 20 Ibu Pejabat/Pejabat Bahagian), 13 Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Islam Sarawak (merangkumi 4 PTJ), 6 Badan Berkanun Negeri dan Jabatan Ketua Menteri (merangkumi 2 PTJ) di bawahnya. Secara keseluruhan, prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2015 adalah baik. Berdasarkan Pengauditan Pengurusan Kewangan didapati 18 PTJ iaitu Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri, Lembaga Pelabuhan Miri, Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching, Mukah, Kapit, Jabatan Ketua Menteri (Majlis Adat Istiadat dan Unit Pentadbiran), Majlis Islam Sarawak (Biro Perkhidmatan Pendidikan, Tabung Baitulmal Sarawak dan Pusat Penerangan Islam), Majlis Bandaraya Kuching Selatan, Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Daerah Subis, Lembaga Pelabuhan Rajang, Perbadanan Urusan Kejuruteraan Limbung Brooke, Majlis Bandaraya Miri, Jabatan Pertanian (Ibu Pejabat) dan Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah mencapai tahap cemerlang, 21 PTJ iaitu Jabatan Tanah Dan Survei (Ibu Pejabat), Pejabat Majlis Islam Sarawak, Jabatan Pertanian Bahagian Miri, Limbang, Bintulu, Jabatan Hutan (Ibu Pejabat), Pejabat Hutan Wilayah Sibu, Miri, Jabatan Pengairan Dan Saliran (Ibu Pejabat), Pejabat Bahagian Sibu/Sarikei/Kapit, Betong, Kuching/Samarahan, Majlis Daerah Kanowit, Majlis Daerah Maradong Dan Julau, Majlis Daerah Luar Bandar Sibu, Jabatan Kerja Raya (Ibu Pejabat), Pejabat Bahagian Bintulu, Majlis Daerah Dalat Dan Mukah, Majlis Daerah Limbang, Majlis Daerah Sri Aman dan Majlis Daerah Serian mencapai tahap baik. Manakala 7 PTJ iaitu Majlis Daerah Simunjan, Pejabat Hutan Wilayah Kuching, Jabatan Kerja Raya Bahagian Miri, Limbang, Majlis Daerah Matu Dan Daro, Perbadanan Stadium Negeri Sarawak dan Perbadanan Pembangunan Perumahan pada tahap memuaskan. Kedudukan tahap penarafan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 8.5**.

Jadual 8.5
Tahap Penarafan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Bagi Tahun 2015

Jabatan/Agensi Negeri	Bilangan PTJ	Tahap Penarafan		
		Cemerlang	Baik	Memuaskan
Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri	1	1	0	0
Jabatan Tanah Dan Survei	4	3	1	0
Jabatan Ketua Menteri	2	2	0	0
Majlis Islam Sarawak	4	3	1	0
Jabatan Pertanian	4	1	3	0
Jabatan Pengairan Dan Saliran	4	0	4	0
Jabatan Hutan	4	0	3	1
Jabatan Kerja Raya	4	0	2	2
Badan Berkanun Negeri	6	4	0	2
Pihak Berkuasa Tempatan	13	4	7	2
Jumlah	46	18	21	7


Sumber: Jabatan Audit Negara

8.7.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama

8.7.2.1. Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Dan Jabatan

Semakan Audit mendapati Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri memperoleh tahap cemerlang bagi semua elemen kawalan utama. Bagi 6 Jabatan, semakan Audit mendapati Jabatan Ketua Menteri dan Jabatan Pertanian memperoleh tahap cemerlang, 3 Jabatan mencapai tahap baik manakala Jabatan Kerja Raya pada tahap memuaskan dalam Kawalan Pengurusan. Kesemua Jabatan memperoleh tahap cemerlang bagi Kawalan Bajet. Bagi Kawalan Perbelanjaan, Jabatan Pertanian, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Tanah Dan Survei serta Jabatan Ketua Menteri memperoleh tahap cemerlang manakala 2 Jabatan pada tahap baik. Kawalan Perolehan pula, 5 Jabatan mencapai tahap cemerlang manakala Jabatan Ketua Menteri pada tahap baik. Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan Dan Saliran dan Jabatan Pertanian memperoleh tahap cemerlang, 2 Jabatan mencapai tahap baik manakala Jabatan Ketua Menteri pada tahap kurang memuaskan dalam Kawalan Terimaan. Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit pula, 5 Jabatan berada pada tahap cemerlang manakala Jabatan Kerja Raya pada tahap memuaskan. Bagi Pengurusan Aset Dan Stor, Jabatan Ketua Menteri memperoleh tahap cemerlang, Jabatan Tanah Dan Survei pada tahap baik, 2 Jabatan pada tahap memuaskan, Jabatan Pertanian pada tahap kurang memuaskan manakala Jabatan Kerja Raya pada tahap tidak memuaskan. Bagi Kawalan Kenderaan pula, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Ketua Menteri dan Jabatan Tanah Dan Survei memperoleh tahap cemerlang, Jabatan Hutan pada tahap memuaskan manakala Jabatan Pertanian dan Jabatan Pengairan Dan Saliran pada tahap tidak memuaskan. Tahap pematuhan pengurusan kewangan terhadap kawalan utama bagi Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri dan Jabatan adalah seperti di **Carta 8.2**.

Carta 8.2
Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut Kawalan Utama
Bagi Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Dan 6 Jabatan Tahun 2015




Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: 6 Jabatan Tidak Berkaitan Bagi Elemen Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman Serta Pengurusan Penyata Kewangan.

8.7.2.2. Agensi Negeri

Tahap prestasi pengurusan kewangan terhadap 20 Agensi Negeri mendapati Majlis Daerah Dalat Dan Mukah, Dewan Bandaraya Kuching Utara, Lembaga Pelabuhan Miri serta Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah memperoleh tahap cemerlang, Majlis Islam Sarawak pada tahap baik, Lembaga Pelabuhan Rajang pada tahap memuaskan, 10 Agensi Negeri pada tahap kurang memuaskan manakala Perbadanan Stadium Negeri Sarawak, Majlis Daerah Simunjan, Majlis Daerah Sri Aman dan Majlis Bandaraya Miri pada tahap tidak memuaskan dalam Kawalan Pengurusan. Bagi Kawalan Bajet kesemua Agensi Negeri mencapai tahap cemerlang. Kawalan Perbelanjaan pula, 12 Agensi Negeri berada pada tahap cemerlang, 3 Agensi Negeri mencapai tahap baik, 4 Agensi pada tahap kurang memuaskan manakala Perbadanan Pembangunan Perumahan pada tahap tidak memuaskan. Tiga belas Agensi Negeri mencapai tahap cemerlang, 4 Agensi Negeri mencapai tahap baik manakala Majlis Daerah Serian, Majlis Daerah Simunjan serta Majlis Daerah Matu Dan Daro pada tahap memuaskan dalam Kawalan Terimaan. Bagi Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit, Lembaga Pelabuhan Miri, Majlis Bandaraya Miri, Majlis Daerah Matu Dan Daro, Majlis Islam Sarawak serta Majlis Daerah Maradong Dan Julau mencapai tahap cemerlang, 8 Agensi Negeri mencapai tahap baik, Majlis Daerah Dalat Dan Mukah pada tahap memuaskan, Perbadanan Pembangunan Perumahan, Majlis Daerah Serian dan Perbadanan Stadium Negeri Sarawak pada tahap kurang memuaskan manakala Majlis Daerah Simunjan dan Majlis Daerah Limbang pada tahap tidak memuaskan. Lembaga Pelabuhan Miri, Majlis Daerah Subis dan Majlis Bandaraya Kuching Selatan mencapai tahap cemerlang, 6 Agensi Negeri mencapai tahap baik, 3 Agensi Negeri pada tahap memuaskan, Majlis Daerah Limbang, Majlis Daerah Simunjan, Majlis Daerah Luar Bandar Sibu, Perbadanan Pembangunan Perumahan dan Majlis Daerah Serian pada tahap kurang memuaskan manakala Majlis Daerah Matu Dan Daro, Majlis Daerah Dalat Dan Mukah serta Majlis Daerah Sri Aman pada tahap tidak memuaskan dalam kawalan Pengurusan Aset Dan Stor. Bagi Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman, 16 Agensi Negeri mencapai tahap cemerlang, 2 Agensi Negeri pada tahap baik manakala Majlis Daerah Simunjan dan Perbadanan Stadium Negeri Sarawak pada tahap memuaskan. Lapan belas Agensi Negeri mencapai tahap cemerlang dan Dewan Bandaraya Kuching Utara serta Perbadanan Stadium Negeri Sarawak mencapai tahap memuaskan dalam Pengurusan Penyata Kewangan. Maklumat lanjut adalah seperti di **Carta 8.3.**

Carta 8.3
Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut Kawalan Utama
Bagi 20 Agensi Negeri Tahun 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: 1 Agensi Tidak Berkaitan Bagi Elemen Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit

- a. Kelemahan berkaitan dengan Kawalan Pengurusan, Kawalan Perbelanjaan, Kawalan Terimaan, Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset Dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan adalah seperti berikut:

i. **Kawalan Pengurusan**

- Carta organisasi tidak disediakan dengan lengkap.
- Fail surat penurunan kuasa tidak lengkap dan kemas kini.
- Pegawai terlibat dengan pengurusan kewangan tidak diberi kuasa/dilantik secara bertulis.
- Proses kerja berkaitan pengurusan kewangan tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini.
- Pusingan tugas pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan tidak dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan.
- Pemeriksaan Mengejut tidak dijalankan oleh Ketua Jabatan.
- Pemeriksaan Mengejut tidak dijalankan secara menyeluruh.
- Pemeriksaan Mengejut tidak dijalankan dalam tempoh yang ditetapkan.
- Pemeriksaan Dalaman mengikut Arahan Perbendaharaan 308 tidak dijalankan.
- Jawatankuasa Audit tidak ditubuhkan.
- Jawatankuasa Audit tidak bermesyuarat bagi tahun 2015.
- Rancangan tahunan Unit Audit Dalam tidak disediakan.
- Latihan tidak dilaksanakan mengikut perancangan.
- Pegawai tidak mencapai tempoh berkursus yang ditetapkan.

- Rekod latihan tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
- Senarai tugas tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini.
- Pegawai terlibat dengan pengurusan kewangan tidak pernah menghadiri kursus pengurusan kewangan dalam tempoh 3 tahun kebelakangan.
- Pengisian jawatan tidak mengikut waran perjawatan yang dilulus di mana kekosongan jawatan tidak diisi sepenuhnya bagi menjamin kelancaran operasi organisasi.

ii. Kawalan Terimaan

- Penerimaan wang dibuat oleh pegawai yang tidak diberi kuasa.
- Resit Rasmi tidak dikeluarkan dengan segera semasa kutipan dibuat.
- Buku Tunai tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
- Pungutan tidak dibankkan dengan segera.
- Daftar Cek Tak Laku tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

iii. Kawalan Perbelanjaan

- Pembelian melebihi RM10,000 setahun tidak dibuat melalui proses sebut harga.
- Pesanan Kerja/Bekalan dikeluarkan selepas tarikh invois pembekal.
- Pengerusi dan 4 Ahli *Procurement Evaluation Committee* juga merupakan Pengerusi dan 4 daripada 6 Ahli dalam Jawatankuasa Pengurusan.
- Kontrak ditandatangani melebihi tempoh 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima.
- Tiada pengesahan mengenai kerja/perkhidmatan telah dilaksanakan dengan sempurna oleh pegawai yang bertanggungjawab terhadap invois pembekal.
- Borang Permohonan/Permintaan Alatulis/Alat Mesin Pejabat/Dan Sebagainya disedia dan diluluskan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa.
- Invois pembekal untuk menyokong baucar bayaran bukan salinan asal.
- Gambar sebelum dan selepas kerja dijalankan untuk menyokong baucar bayaran adalah sama untuk pembayaran yang berlainan.
- Gambar kerja yang dilampirkan untuk menyokong baucar bayaran adalah berbeza berbanding spesifikasi kerja yang dinyatakan pada invois/*work order*.
- *Work Order* dikeluarkan dalam tahun 2010 hingga 2014 tetapi hanya disahkan dan dibayar dalam tahun 2015.
- Daftar Bil tidak dicetak dan tidak disemak oleh pegawai bertanggungjawab setiap bulan.
- Invois pembekal dibayar melebihi tempoh 14 hari dari tarikh ianya diterima.

iv. Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit

- Dokumen berkaitan pinjaman tidak difaikkan.
- Maklumat pinjaman tidak direkodkan dalam Buku Perkhidmatan.
- Daftar pinjaman kenderaan dan komputer tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
- Pendahuluan diri lewat dijelaskan.
- Pegawai diberi pendahuluan diri seterusnya walaupun pendahuluan diri terdahulu belum dijelaskan.
- Akaun Amanah/Deposit yang tidak aktif atau yang telah mencapai objektif dan tidak diperlukan tidak ditutup/diambil tindakan.
- Bayaran balik deposit tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan.
- Deposit Sekuriti tidak direkod menggunakan buku Daftar Deposit (T.18).
- Deposit yang tidak dituntut selepas 3 bulan diwartakan belum dikreditkan ke akaun hasil.

v. Pengurusan Aset Dan Stor

- Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) tidak membincangkan tentang Laporan Peruntukan Perolehan Aset dan Laporan Kedudukan Stok Suku Tahun Dan Tahunan.
- Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan tidak bermesyuarat dalam tempoh ditetapkan.
- Kekerapan mesyuarat JKPAK tidak dipatuhi.
- Unit Pengurusan Aset (UPA) tidak ditubuhkan.
- Unit Pengurusan Aset tidak menjalankan tanggungjawab yang ditetapkan seperti menyediakan laporan-laporan berkaitan aset untuk dikemukakan kepada pihak yang berkenaan.
- Pegawai Aset tidak dilantik.
- Pegawai Penerima aset tidak dilantik.
- Pegawai stor tidak diberi tanggungjawab mengurus stor.
- Aset tidak dilabelkan ‘Hak Milik’ dan diberi nombor Siri Pendaftaran.
- Aset yang dibeli tidak digunakan.
- Pegawai Pemeriksa Aset belum dilantik.
- Borang Pesanan Pengeluaran Stok (KEW.PS-11) tidak digunakan bagi urusan pengeluaran stok bekalan pejabat.
- Pemeriksaan Aset/Pemeriksaan Stok/Pemverifikasi Stor tidak dijalankan.
- Laporan Pemeriksaan Aset/Inventori tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini.
- Aset/Inventori belum didaftar/direkodkan dalam *Management of Moveable Asset System (MMAS)*/Daftar Aset.
- Aset/Inventori yang dibeli lewat didaftarkan.
- Kad Petak tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

- Senarai Aset Yang Memerlukan Penyenggaraan tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
- Kos penyenggaraan yang dilaksanakan tidak direkod dalam Daftar Aset.
- Tiada tindakan diambil terhadap kehilangan aset.
- Tindakan pelupusan belum diambil terhadap aset yang rosak.
- Pelantikan Lembaga Pemeriksa Aset tidak dibuat atas jawatan pegawai.


vi. Pengurusan Kenderaan Kerajaan

- Fail Sejarah tidak disediakan bagi setiap kenderaan.
- Fail kenderaan tidak diselenggara dengan lengkap.
- Kenderaan digunakan tanpa kelulusan Pegawai Pengangkutan.
- Buku Log tidak disediakan.
- Buku Log tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
- Kad Inden Minyak tidak disimpan oleh Pegawai Pengangkutan.
- Daftar Kad Inden tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
- Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.
- *Monthly Running Record* (T.257) tidak lengkap dan kemas kini dan Analisis Penggunaan Minyak/Bahan Api tidak disediakan.
- Penyata pembelian/penyata kad tidak disemak dengan salinan resit dan disahkan oleh pemegang kad sebelum bayaran dilakukan.
- Tindakan pelupusan belum diambil terhadap kenderaan yang rosak walaupun kelulusan telah diperoleh.

8.7.3. Perbandingan Tahap Penarafan Pengurusan Kewangan Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Dan Jabatan/Agenzi Negeri

8.7.3.1. Secara keseluruhannya, pencapaian bagi Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri dan 6 Jabatan telah dilaksanakan pengauditan Pengurusan Kewangan menunjukkan peningkatan di antara 6.5 % ke 7.1% bagi Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri dan Jabatan Pertanian pada tahun 2015 berbanding dengan pencapaian pada tahun sebelumnya. Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Tanah Dan Survei, Jabatan Hutan, Jabatan Ketua Menteri dan Jabatan Kerja Raya menunjukkan penurunan di antara 0.5% dan 3.9% kerana kelemahan dalam Kawalan Terimaan, Pengurusan Aset Dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Perbandingan pencapaian pengurusan kewangan adalah seperti di **Carta 8.4.**


Carta 8.4
Pencapaian Pengurusan Kewangan Jabatan
Tahun 2015 Berbanding Pengauditan Tahun Sebelumnya



Sumber: Jabatan Audit Negara

8.7.3.2. Secara keseluruhannya, pencapaian bagi 6 Badan Berkanun Negeri dan Majlis Islam Sarawak yang telah dilaksanakan pengauditan Pengurusan Kewangan menunjukkan peningkatan di antara 0.9% ke 8.9% bagi Lembaga Pelabuhan Miri, Lembaga Pelabuhan Rajang, Majlis Islam Sarawak dan Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah pada tahun 2015 berbanding dengan pencapaian pada tahun sebelumnya. Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke, Perbadanan Stadium Negeri Sarawak dan Perbadanan Pembangunan Perumahan menunjukkan penurunan di antara 0.3% ke 14.1% kerana kelemahan dalam Kawalan Pengurusan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit serta Pengurusan Aset Dan Stor. Perbandingan pencapaian pengurusan kewangan adalah seperti di **Carta 8.5**.


Carta 8.5
Pencapaian Pengurusan Kewangan Badan Berkanun Negeri
Tahun 2015 Berbanding Pengauditan Tahun Sebelumnya



Sumber: Jabatan Audit Negara

8.7.3.3. Secara keseluruhannya, pencapaian bagi 13 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah dilaksanakan pengauditan Pengurusan Kewangan menunjukkan peningkatan di antara 1.1% ke 14.3% bagi 10 PBT pada tahun 2015 berbanding dengan pencapaian pada tahun sebelumnya. Majlis Bandaraya Miri, Majlis Bandaraya Kuching Selatan dan Dewan Bandaraya Kuching Utara menunjukkan penurunan di antara 0.5% ke 1.5% kerana kelemahan dalam Kawalan Pengurusan, Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit serta Pengurusan Aset Dan Stor. Perbandingan pencapaian pengurusan kewangan adalah seperti di **Carta 8.6**.

Carta 8.6
Pencapaian Pengurusan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan
Tahun 2015 Berbanding Pengauditan Tahun Sebelumnya



Sumber: Jabatan Audit Negara

8.8. PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT

Arahan Perbendaharaan 308 dan 309 menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan telah menyimpan wang awam, setem atau barang berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk menentukan sejauh mana peraturan ini dipatuhi, Jabatan Audit Negara telah menjalankan Pemeriksaan Audit Mengejut di 53 Kementerian/Jabatan/Pejabat/Agensi di Negeri Sarawak seperti di **Jadual 8.6**. Daripada jumlah tersebut 13 Kementerian/Jabatan/Pejabat/Agensi iaitu Pejabat Daerah Lubok Antu, Jabatan Pertanian Bahagian Kapit, Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Sibu, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah

Daro, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Saratok, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Bau, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Simunjan, Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Kapit, Wind/Fairy Cave Nature Reserve Bau, Seksyen Kuarantin Tumbuhan, Pelabuhan Kuching, Seksyen Kuarantin Tumbuhan, Pelabuhan Senari, Seksyen Kuarantin Tumbuhan, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching dan Pusat Hidupan Liar Matang telah mematuhi peraturan dengan baik dan tiada pemerhatian Audit dikeluarkan. Bagaimanapun, 40 Kementerian/Jabatan/Pejabat/Agensi lagi yang dilawati tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Jadual 8.6
Pemeriksaan Audit Mengejut Negeri Sarawak Tahun 2015

Bil.	Nama Kementerian/Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri
1.	Dewan Suarah Bahagian Limbang
2.	Dewan Suarah Kota Samarahan
3.	Cawangan Perlindungan Tanaman Dan Kuarantin
4.	Jabatan Hutan Sarawak Bahagian Penyelidikan, Pembangunan Dan Inovasi
5.	Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak Bahagian Kota Samarahan
6.	Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Sarawak
7.	Jabatan Pertanian Bahagian Kapit
8.	Jabatan Pertanian Daerah Serian
9.	Kementerian Perumahan Sarawak
10.	Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar
11.	Majlis Daerah Matu Dan Daro
12.	Majlis Sukan Negeri Sarawak
13.	Pejabat Daerah Asajaya
14.	Pejabat Daerah Bau
15.	Pejabat Daerah Betong
16.	Pejabat Daerah Kanowit
17.	Pejabat Daerah Kuching
18.	Pejabat Daerah Lubuk Antu
19.	Pejabat Daerah Maradong
20.	Pejabat Daerah Miri
21.	Pejabat Daerah Pakan
22.	Pejabat Daerah Sibu
23.	Pejabat Daerah Simunjan
24.	Pejabat Daerah Kecil Lingga, Sri Aman
25.	Pejabat Daerah Kecil Niah, Miri
26.	Pejabat Daerah Kecil Padawan
27.	Pejabat Daerah Kecil Sebuyau
28.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Kapit
29.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Kuching
30.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Limbang
31.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Miri
32.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Mukah
33.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Samarahan
34.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Sarikei
35.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Sibu
36.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Sri Aman
37.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Bau
38.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Belaga
39.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Daro
40.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Saratok
41.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Simunjan
42.	Pejabat Tempahan Taman Negara
43.	Pusat Hidupan Liar Matang
44.	Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak

Bil.	Nama Kementerian/Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri
45.	Seksyen Kuarantin Tumbuhan, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching
46.	Seksyen Kuarantin Tumbuhan, Pelabuhan Kuching
47.	Seksyen Kuarantin Tumbuhan, Pelabuhan Senari
48.	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak
49.	Taman Negara Kubah
50.	Terminal Taman Negara Bako
51.	Unit Pendaftaran Kontraktor Dan Juruperunding
52.	Wind/Fairy Cave Nature Reserve Bau
53.	Yayasan Sarawak

Sumber: Jabatan Audit Negara

8.8.1. PENEMUAN AUDIT

Pemeriksaan Audit Mengejut yang telah dijalankan mendapati secara keseluruhannya kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di **Jadual 8.7**. Ketua Kementerian/Jabatan/Pejabat/Agensi yang berkenaan telah dimaklumkan berkenaan perkara yang dibangkitkan dan tindakan penambahbaikan telah diambil seperti meningkatkan kawalan dalaman serta mematuhi peraturan kewangan yang berkuatkuasa.

Jadual 8.7
Penemuan Pemeriksaan Audit Mengejut Negeri Sarawak Tahun 2015

Bil.	Kementerian/Jabatan/Pejabat/Agensi	Penemuan Audit
1.	Dewan Suarah Bahagian Limbang	i. Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/dicap 'TELAH BAYAR'.
2.	Dewan Suarah Kota Samarahan	i. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan terhadap kutipan hasil. ii. Tiada had kuasa berbelanja ditetapkan di peringkat Pejabat. iii. Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak dicap 'TELAH BAYAR'. iv. Bil yang diterima tidak dicap 'TARIKH TERIMA' bagi tujuan pemantauan bayaran.
3.	Cawangan Perlindungan Tanaman Dan Kuarantin	i. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan.
4.	Jabatan Hutan Sarawak Bahagian Penyelidikan, Pembangunan Dan Inovasi	i. Resit Rasmi tidak dikeluarkan bagi setiap penerimaan hasil. ii. Resit Rasmi Perbendaharaan tidak diterima untuk jumlah dibankkan. iii. Tiada perakuan Resit Rasmi dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat. iv. Panjar Wang Runcit tidak direkup sejak bulan Februari 2004. v. Peti Besi mempunyai 2 anak kunci yang berasingan tetapi dipegang oleh seorang pegawai sahaja. vi. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. vii. Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/dicap 'TELAH BAYAR'.

Bil.	Kementerian/Jabatan/Pejabat/Agensi	Penemuan Audit
5.	Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak Bahagian Kota Samarahan	<ul style="list-style-type: none"> i. Tiada perakuan Resit Rasmi dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat. ii. Stok Resit Rasmi yang belum digunakan tidak disimpan dalam peti besi. iii. Tiada perwakilan kuasa secara bertulis disediakan kepada pegawai yang mengendalikan SIFBAS. iv. Stok setem fizikal tidak bersamaan dengan Daftar Setem. v. Daftar Setem tidak kemas kini. vi. Peti besi tidak dicantumkan ke rangka bangunan. vii. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. viii. Pegawai yang menjalankan Pemeriksaan Mengejut tidak dilantik secara bertulis oleh Ketua Jabatan. ix. Tiada had kuasa berbelanja ditetapkan di peringkat Pejabat. x. Buku Vot/Buku Vot elektronik tidak dicetak dan disemak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh penyelia.
6.	Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> i. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan.
7.	Jabatan Pertanian Daerah Serian	<ul style="list-style-type: none"> i. Bil yang diterima tidak dicap 'TARIKH TERIMA' bagi tujuan pemantauan bayaran.
8.	Kementerian Perumahan Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> i. Stok setem fizikal tidak bersamaan dengan Daftar Setem. ii. Stok Setem Pos Berdaftar tidak direkodkan ke dalam Daftar Setem. iii. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. iv. Tidak menyelenggarakan Daftar Pemeriksaan Mengejut tetapi hanya menyelenggarakan Laporan cetak dan difaillkan dalam fail putih. v. Bil yang diterima tidak dibayar dalam tempoh 14 hari.
9.	Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar	<ul style="list-style-type: none"> i. Tiada perakuan Resit Rasmi dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat. ii. Tiada surat kelulusan had apungan Panjar Wang Runcit dikeluarkan kepada pegawai. iii. Daftar Pelaburan tidak diselenggarakan dengan kemas kini. iv. Hasil Pemeriksaan Mengejut tidak direkodkan ke dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut.
10.	Majlis Daerah Matu Dan Daro	<ul style="list-style-type: none"> i. Resit Rasmi tidak dikeluarkan bagi cek yang diterima. ii. Kutipan tidak dibankkan dengan segera. iii. Perakuan Resit Rasmi tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat. iv. Anak kunci peti besi dan bilik kebal dipegang oleh seorang pegawai sahaja.
11.	Majlis Sukan Negeri Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> i. Kutipan tidak dibankkan dengan segera. ii. Tiada semakan dibuat ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut. iii. Tiada perakuan Resit Rasmi dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat.

Bil.	Kementerian/Jabatan/Pejabat/Agenzi	Penemuan Audit
		<ul style="list-style-type: none"> iv. Notis Pemberitahuan Awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar tidak dipamerkan. v. Tiada surat perwakilan kuasa secara bertulis disediakan kepada pegawai yang memungut hasil. vi. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. vii. Buku Vot/Buku Vot elektronik tidak disemak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh penyelia.
12.	Pejabat Daerah Asajaya	<ul style="list-style-type: none"> i. Semua terimaan dan pengeluaran Setem Pos tidak direkod dan disahkan oleh Ketua Pejabat. ii. Buku Vot/Buku Vot elektronik tidak disemak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh penyelia.
13.	Pejabat Daerah Bau	<ul style="list-style-type: none"> i. Katalaluan bagi pegawai bertukar belum dibatalkan. ii. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. iii. Daftar Bil tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.
14.	Pejabat Daerah Betong	<ul style="list-style-type: none"> i. Daftar Setem tidak disediakan. ii. Pemeriksaan Mengejut tidak dijalankan oleh Ketua Jabatan atau pegawai yang dilantik secara bertulis.
15.	Pejabat Daerah Kanowit	<ul style="list-style-type: none"> i. Bil yang diterima tidak dibayar segera dalam tempoh 14 hari.
16.	Pejabat Daerah Kuching	<ul style="list-style-type: none"> i. Notis pemberitahuan Awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar tidak dipamerkan di kaunter kutipan hasil Persekutuan. ii. Stok setem fizikal tidak bersamaan dengan Daftar Setem. iii. Daftar Setem tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini serta tidak disemak oleh Ketua Pejabat. iv. Peti Besi mempunyai anak kunci dan kod kombinasi yang sama tetapi dipegang oleh 2 orang pegawai dan surat penurunan kuasa tidak ditandatangan oleh Pegawai Daerah yang baru. v. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan dan tiada semakan ke atas setem. vi. Peti Besi tidak disimpan dalam bilik yang berkunci dan mudah diakses oleh pegawai lain. vii. Tiada surat perwakilan kuasa had berbelanja bagi baucar ditetapkan di Pejabat. viii. Baucar bayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap. ix. Pesanan Kerajaan tidak dikeluarkan terlebih dahulu bagi pembayaran barang/perkhidmatan diterima. x. Surat pelantikan bagi pegawai yang boleh meluluskan Pesanan Kerajaan tidak dikemukakan.

Bil.	Kementerian/Jabatan/Pejabat/Agenzi	Penemuan Audit
		xi. Bil yang diterima tidak dibayar dengan segera dalam tempoh 14 hari. xii. Bil yang diterima tidak dicap 'TARIKH TERIMA' bagi tujuan pemantauan bayaran. xiii. Daftar Bil tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.
17.	Pejabat Daerah Maradong	i. Tiada Surat Kuasa secara bertulis dikeluarkan oleh Ketua Jabatan kepada pegawai yang memegang anak kunci dan kod kombinasi yang berasingan. ii. Pesanan Kerajaan tidak dikeluarkan terlebih dahulu bagi setiap pembelian. iii. Bil yang diterima tidak dibayar segera dalam tempoh 14 hari.
18.	Pejabat Daerah Miri	i. Tiada perakuan Resit Rasmi dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat. ii. Semua terimaan dan pengeluaran Setem Pos tidak direkod dan disahkan oleh Ketua Pejabat. iii. Tiada Surat Kuasa secara bertulis dikeluarkan oleh Ketua Jabatan kepada pegawai yang memegang anak kunci dan kod kombinasi yang berasingan. iv. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. v. Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut. vi. Baucar bayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap. vii. Baucar bayaran/dokumen sokongan tidak dicap 'TELAH BAYAR'. viii. Tidak dapat disahkan baucar bayaran dibuat kepada penerima yang sah.
19.	Pejabat Daerah Pakan	i. Peti besi mempunyai anak kunci dan kod kombinasi yang berasingan dipegang oleh 2 pegawai yang bertanggungjawab tidak diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan. ii. Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/dicap 'TELAH BAYAR'.
20.	Pejabat Daerah Sibu	i. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. ii. Bil yang diterima tidak dibayar segera dalam tempoh 14 hari.
21.	Pejabat Daerah Simunjan	i. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. ii. Bil yang diterima tidak dicap 'TARIKH TERIMA' bagi tujuan pemantauan bayaran.
22.	Pejabat Daerah Kecil Lingga, Sri Aman	i. Tiada Surat Kuasa secara bertulis dikeluarkan oleh Ketua Jabatan kepada pegawai yang memegang anak kunci peti besi. ii. Pejabat tidak dilengkapi dengan jeriji besi bagi menjamin keselamatan wang dalam simpanan.
23.	Pejabat Daerah Kecil Niah, Miri	i. Perwakilan kuasa secara bertulis tidak disediakan kepada pegawai yang memungut hasil. ii. Baki setem tidak disahkan oleh Ketua Jabatan.

Bil.	Kementerian/Jabatan/Pejabat/Agenzi	Penemuan Audit
		<ul style="list-style-type: none"> iii. Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/dicap 'TELAH BAYAR'. iv. Daftar Bil tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. v. Buku Vot tidak dikemaskini.
24.	Pejabat Daerah Kecil Padawan	<ul style="list-style-type: none"> i. Peti besi tidak dicantumkan ke rangka bangunan. ii. Daftar Bil manual tidak diselenggarakan dengan kemas kini.
25.	Pejabat Daerah Kecil Sebuyau	<ul style="list-style-type: none"> i. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. ii. Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut.
26.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Kuching	<ul style="list-style-type: none"> i. Resit Rasmi tidak dikeluarkan dengan segera. ii. Baucar bayaran tidak direkod dengan lengkap ke dalam Buku Tunai Panjar Wang Runcit. iii. Daftar Pembayaran Wang Untuk Dibahagi-bahagikan tidak kemas kini dan tidak disemak oleh Ketua Jabatan/wakilnya. iv. Semua terimaan dan pengeluaran setem tidak disahkan oleh Ketua Pejabat. v. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. vi. Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/dicap 'TELAH BAYAR'. vii. Bil yang diterima tidak dibayar segera dalam tempoh 14 hari. viii. Bil lewat dicap 'TARIKH TERIMA' oleh Pejabat. ix. Daftar Bil tidak diselenggara dengan tepat di mana tarikh bil diterima dalam daftar berbeza dengan tarikh yang dicap pada bil.
27.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Limbang	<ul style="list-style-type: none"> i. Daftar Wang Untuk Dibahagi-bahagikan tidak disemak oleh Ketua Pejabat/wakilnya. ii. Daftar Setem tidak diselenggarakan. iii. Pegawai yang memegang anak kunci tidak diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan. iv. Buku Vot/Buku Vot elektronik tidak disemak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh penyelia.
28.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Miri	<ul style="list-style-type: none"> i. Daftar Setem tidak diselenggarakan dengan kemas kini. ii. Semua terimaan dan pengeluaran setem tidak direkod dan disahkan oleh Ketua Jabatan. iii. Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/dicap 'TELAH BAYAR'.
29.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Mukah	<ul style="list-style-type: none"> i. Tiada pengasingan tugas bagi pegawai yang menunaikan cek di bank dengan yang menyimpan wang tunai untuk dibahagi-bahagikan.
30.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Samarahan	<ul style="list-style-type: none"> i. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. ii. Buku Vot/Buku Vot elektronik tidak disemak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh penyelia.

Bil.	Kementerian/Jabatan/Pejabat/Agenzi	Penemuan Audit
31.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Sarikei	<ul style="list-style-type: none"> i. Peti besi mempunyai anak kunci dan kod kombinasi yang berasingan dipegang oleh 2 orang pegawai yang bertanggungjawab tidak diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan. ii. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan.
32.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Sri Aman	<ul style="list-style-type: none"> i. Baki fizikal Panjar Wang Runcit tidak bersamaan dengan baki Buku Tunai Panjar Wang Runcit. ii. Buku Tunai Panjar Wang Runcit tidak diselenggarakan dengan kemas kini. iii. Baucar bayaran Panjar Wang Runcit tidak diluluskan oleh Ketua Jabatan. iv. Daftar Wang Untuk Dibahagi-bahagikan tidak diselenggarakan. v. Baki agihan wang tidak dibankkan dalam tempoh 21 hari dari tarikh cek/EFT. vi. Daftar Setem tidak diselenggarakan dengan kemas kini dan baki setem, Pos Ekspres dan Pos Daftar Track On tidak sama dengan Buku Daftar. vii. Semua terimaan dan pengeluaran setem tidak disahkan oleh Ketua Jabatan. viii. Tiada Surat Kuasa secara bertulis dikeluarkan oleh Ketua Jabatan kepada pegawai yang memegang anak kunci dan kod kombinasi yang berasingan. ix. Bil tidak diperakuan bukti kerja telah dilaksanakan dengan memuaskan serta berpatutan.
33.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Belaga	<ul style="list-style-type: none"> i. Baki wang agihan untuk Wang Diaghid-agihkan tidak bersamaan dengan baki senarai penerima. ii. Tiada Surat Kuasa secara bertulis dikeluarkan oleh Ketua Jabatan kepada pegawai yang memegang anak kunci dan kod kombinasi yang berasingan. iii. Peti besi tidak dicantumkan ke rangka bangunan dan tidak berjeriji. iv. Ketua Jabatan tidak pernah melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan.
34.	Pejabat Tempahan Taman Negara	<ul style="list-style-type: none"> i. Tiada surat perwakilan kuasa secara bertulis disediakan kepada pegawai yang memungut hasil. ii. Tiada Surat Kuasa secara bertulis dikeluarkan oleh Ketua Jabatan kepada pegawai yang memegang anak kunci dan kod kombinasi yang berasingan.
35.	Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> i. Kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera. ii. Daftar Pelaburan tidak diselenggarakan dengan kemas kini. iii. Semua terimaan dan pengeluaran Setem tidak dan disahkan oleh penyelia. iv. Anak kunci dan kod kombinasi bagi Peti besi tidak dipegang oleh 2 pegawai berasingan. v. Terdapat Pesanan Kerajaan tidak dikeluarkan terlebih dahulu bagi satu perkhidmatan.
36.	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> i. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam

Bil.	Kementerian/Jabatan/Pejabat/Agenzi	Penemuan Audit
		<p>tempoh 6 bulan.</p> <ul style="list-style-type: none"> ii. Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan dengan lengkap ke dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut. iii. Baucar bayaran yang diluluskan melebihi had kuasa berbelanja yang dibenarkan. iv. Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak dicap 'TELAH BAYAR.' v. Terdapat bil yang diterima tidak dicap 'TARIKH TERIMA' bagi tujuan pemantauan bayaran. vi. Buku Vot/Buku Vot elektronik tidak disemak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh penyelia.
37.	Taman Negara Kubah	<ul style="list-style-type: none"> i. Anak kunci dan kod kombinasi yang berasingan tidak dipegang oleh 2 orang pegawai. ii. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan.
38.	Terminal Taman Negara Bako	<ul style="list-style-type: none"> i. Tiada semakan dibuat ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut. ii. Perakuan resit rasmi tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat. iii. Notis Pemberitahuan Awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar tidak dipamerkan. iv. Kunci peti besi disimpan di dalam kabinet berkunci tetapi mudah diakses oleh pegawai lain dan katalaluan kombinasi peti besi mudah diakses oleh pegawai lain. v. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan.
39.	Unit Pendaftaran Kontraktor Dan Juruperunding	<ul style="list-style-type: none"> i. Resit Rasmi tidak dikeluarkan bagi setiap penerimaan wang. ii. Daftar Mel tidak diselenggarakan dengan lengkap. iii. Kutipan tidak dibankkan dengan segera. iv. Semua terimaan dan pengeluaran setem tidak disahkan oleh Ketua Pejabat. v. Tiada Surat Kuasa secara bertulis dikeluarkan oleh Ketua Jabatan kepada 2 pegawai yang memegang anak kunci dan kod kombinasi. vi. Peti Besi yang disimpan dalam bilik yang berbuka/tidak berkunci. vii. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut.
40.	Yayasan Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> i. Tiada surat kelulusan had apungan Panjar Wang Runcit dikeluarkan kepada pegawai. ii. Daftar Setem dan Daftar Register Pos tidak diselenggarakan dengan kemas kini. iii. Daftar Setem dan Daftar Register Pos tidak disahkan oleh Pegawai Penyelia. iv. Tiada Surat Kuasa secara bertulis dikeluarkan oleh Ketua Jabatan kepada pegawai yang memegang anak kunci dan kod kombinasi peti besi berasingan. v. Pesanan Kerajaan tidak dikeluarkan terlebih dahulu bagi 2 perkhidmatan membaiki premis. vi. Daftar Bil tidak dicetak setiap bulan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

8.9. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan lagi pencapaian pengurusan kewangan, adalah disyorkan tindakan diambil terhadap perkara berikut:

8.9.1. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Ketua Agensi hendaklah memastikan Jawatankuasa Audit membincangkan secara terperinci isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam serta memastikan tindakan pembetulan dan pencegahan diambil. Tindakan pembetulan adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat dibetulkan manakala tindakan pencegahan adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Jika bersesuaian tindakan surc妖/tata tertib diambil terhadap pegawai yang gagal melaksanakan tugas mengikut peraturan yang ditetapkan.

8.9.2. Penglibatan secara *hands-on* dan penyeliaan rapi di peringkat Pegawai Penyelia hingga ke peringkat Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Ketua Agensi perlu ditingkatkan. Di samping itu, seliaan terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai bawahan hendaklah dipertingkatkan serta melaksanakan pusingan kerja di tempat yang berisiko tinggi dalam pengurusan kewangan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Ketua Agensi hendaklah memastikan naziran dalaman berkala dijalankan untuk memantapkan lagi pengurusan kewangan.

8.9.3. Untuk amalan terbaik Pegawai Pengawal hendaklah memastikan jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan berpandukan “Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan”. Latihan yang berterusan hendaklah diberi kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan.

8.9.4. Pemantauan terhadap Pelaksanaan *Management Of Moveable Asset System* (MMAS) merangkumi Penerimaan dan Pendaftaran Aset hendaklah dijalankan bagi memastikan semua aset/inventori Kementerian/Jabatan telah didaftarkan dengan sempurna. Selain itu, pelaksanaan fasa-fasa lain secara berperingkat berkaitan dengan Penggunaan, Pemeriksaan, Penyenggaraan, Pelupusan, Kehilangan dan Hapus Kira hendaklah dipantau dengan rapi.

8.9.5. Pegawai Pengawal hendaklah menetapkan secara khusus had kuasa bagi meluluskan pembayaran untuk memantapkan kawalan dalaman.

8.9.6. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Ketua Agensi hendaklah memastikan Resit Rasmi dikeluarkan pada masa urusan dibuat dan diserahkan kepada pembayar dengan segera.

8.9.7. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Ketua Agensi hendaklah memastikan kawalan dalaman diwujudkan dalam urusan perbelanjaan. Pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan pada masa pembelian barang/perkhidmatan dipesan dan bayaran hanya boleh dibuat jika salinan asal Pesanan Kerajaan disertakan dengan bil asal atau invois.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah mekanisme pemantauan yang kurang berkesan dalam memastikan undang-undang dan peraturan dikuatkuasakan. Kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di dalam program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat yang mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya
18 Mac 2016



www.audit.gov.my

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA